



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KEDUA

SHAH ALAM, 19 OGOS 2015 (RABU)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis (Ketua)

Encik Mohd. Redzuan bin Adam

Encik Farizal bin Baharin

Pelapor Perbahasan

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahir rahmanir rahim.* Assalamualaikum *Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ke-dua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas pada 19 Ogos 2015 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA.

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Selamat pagi semuanya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya persilakan Yang Berhormat Sg. Panjang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK: INFRASTRUKTUR SUKAN

20. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah padang futsal yang dikawal selia oleh Kerajaan Negeri?
- b) Apakah penambahbaikan yang telah dibuat dari tahun 2013-2015?
- c) Berapakah kos yang di peruntukan untuk penambahbaikan tersebut?

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHD: Tuan Speaker, Soalan saya no. 20.

Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI: Terima kasih Sg. Panjang atas keprihatinan beliau terhadap gelanggang-gelanggang futsal yang telah dibina dan dikawal selia oleh kerajaan negeri.

Pertamanya dua pihak atau agensi yang selama ini dipertanggungjawabkan secara langsung atau tidak langsung adalah di bawah majlis-majlis tempatan dan di bawah Pejabat Daerah dan Tanah kerana kebanyakan gelanggang-gelanggang futsal yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh beberapa tahun yang lepas dibina oleh 2 agensi tersebut walaupun duitnya datang dari MBI ataupun ia datang daripada Pihak Berkuasa Negeri. Justeru saya senaraikan sebanyak sejumlah 355 buah daripada 9 daerah dan juga 12 Majlis Tempatan yang telah kita kenal pasti

terdapatnya gelanggang-gelanggang futsal seluruh negeri Selangor. *Insyah-Allah* sebenarnya untuk makluman semua jumlah 355 buah ini baru sahaja kita kumpulkan semenjak bulan Mei yang lepas. Sidang April yang lepas saya telah umumkan bahawa pihak Jawatankuasa tetap sudah mengumpul *database* ini untuk perancangan dan juga untuk pelan tindakan penyelenggaraan yang saya rasa akan lebih tersusun apabila kita ada senarai-senarai ini. Daripada praktis dan tindakan sebelum ini kita hanya membina tanpa ada pelan perancangan untuk penyelenggaraan. Jadi pada kali ini kita telah mengumpulkan senarai-senarai ini dan isu *Insyah-Allah* pada tahun hadapan dan kita ada pelan 3 tahun *Insyah-Allah* kita akan cuba untuk menyelenggarakan gelanggang-gelanggang futsal yang telah dibina dan juga gelanggang-gelanggang sukan yang lain yang ada oleh kerajaan negeri. Memang ini satu budaya yang perlu diperbaiki iaitu budaya penyelenggaraan. Kita membuat sesuatu tanpa mengambil kira penyelenggaraannya dimasa hadapan dan akhirnya banyak sebenarnya gelanggang-gelanggang futsal yang hampir tidak berfungsi ataupun berada dalam keadaan daif.

Untuk Soalan b) dan c)

Pada tahun 2013 dan 2014 sebanyak RM800,000.00 setahun telah diperuntukkan untuk diagihkan untuk 12 Majlis Tempatan ini bagi membaik pulih kemudahan-kemudahan sukan yang ada di Negeri Selangor. Jadi pada tahun 2015 kita telah meningkatkan peruntukkan ini kepada RM1.12 juta dengan kadar secara puratanya RM20,000.00 bagi peruntukan DUN bagi setiap Dewan Negeri untuk mengenal pasti gelanggang-gelanggang ini dapat dibaikpulihan dan dapat dinaik taraf dengan sempurna. Namun begitu sebagaimana yang saya hendak maklumkan tadi selepas ini saya berharap kita dapat membaik pulih berdasarkan gelanggang-gelanggang bukannya membaik pulih berdasarkan jumlah peruntukan yang ada ataupun yang turut bersama ataupun jumlah peruntukan yang dibuat pada setiap kali belanjawan.

Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sg. Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHD: Kalau merujuk kepada jumlah 335, 9 daerah 12 Majlis Tempatan. Soalannya adakah 335 itu jumlah yang besar ini dimasukkan ke peruntukan penyelenggaraan atau mengambil kira terhadap padang-padang futsal yang terpilih sahaja.

Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI: Terima kasih. Saya hendak ambil kira apa yang saya hendak sebut. Kita baru sesi yang lepas pada sidang April yang lepas yang pertama Dewan pada tahun ini saya telah umumkan kita baru nak ambil kira ataupun hendak mengambil semula secara-senarai yang dikumpul sejak daripada tahun 96, 97 bila futsal ini dibina. Jadi kita sedang mengumpul maklumat yang lengkap dan inilah angka yang kita dapat selenggarakan mengikut jabatan-jabatan

dan agensi-agensi yang saya maklumkan tadi. Secara asasnya semua gelanggang-gelanggang ini biasanya memang ada dikawal sama ada dikawal oleh Pejabat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, kadang-kala dikawal oleh pihak Jawatankuasa Majlis secara terus dan ada juga dikawal oleh Pejabat-pejabat Pusat Khidmat Masyarakat ada sebahagiannya. Jadi kita tidak kisah siapa yang kawal. Namun begitu peruntukan itu diturunkan kepada 2 agensi yang saya sebutkan tadi. Justeru RM20,000.00 bagi setiap Dewan Undangan Negeri itu adalah kadar agakkan yang kita buat pada tahun ini. Jadi kadar yang agak-agak ini saya rasa kurang sempurna sebab itu kita ambil langkah untuk kumpulkan semua ini *insya-Allah* tahun hadapan dalam pelan belanjawan kita yang akan saya sarankan Jawatankuasa akan ambil kira ini. Kita tidak akan selesaikan setahun inilah. Saya ingin maklumkan tetapi kita akan buat berperingkat sampai lima tahun menjelang 5 tahun kita akan lihat lebih 60% 70 % gelanggang ini mempunyai peruntukan-peruntukan selenggaraan yang akan dibuat secara berperingkat. Itu pun kalau Pegawai Kewangan Negeri luluskan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batu 3.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, soalan 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : BAS KOMUNITI

21. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah objektif bas komuniti diwujudkan dan disediakan?
- b) Siapakah golongan yang disasarkan untuk mendapat manfaat dari program ini?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, Bas Komuniti dilaksanakan berikutan kerajaan negeri menjana terhadap keperluan rakyat selaras dengan dasar pembangunan berkualiti rakyat diperduli. Oleh demikian kerajaan negeri merancang dan merangka kaedah bagi merealisasikan hasrat untuk menyediakan perkhidmatan Bas Komuniti kepada rakyat yang menyasarkan kepada masyarakat khususnya yang berpendapatan sederhana rendah seperti warga industri, pelajar, kakitangan kerajaan dan mereka yang memerlukan perkhidmatan bas ini untuk urusan harian. Perkhidmatan bas komuniti yang percuma ini merupakan salah satu program di bawah pelan tindakan 5 tahun yang telah dirangka oleh kerajaan negeri untuk Pihak Berkuasa Tempatan telah mula beroperasi untuk kemudahan orang ramai pada Julai 2008 di kawasan pentadbiran Majlis Bandar raya Petaling Jaya (MBPJ).

Setelah ia mendapat sambutan, program ini dikembangkan di kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bermula 4 Mac tahun lalu. Program ini diperluaskan lagi dengan perkhidmatan bas percuma 'Bas Selangorku' di Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Klang (MPK) serta di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bermula 1 Julai 2015. Perkhidmatan ini dirancang untuk dikembangkan perkhidmatannya di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMAD TALHA: Soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Sg. Pinang beri tadi golongan sasaran tadi ialah yang dinyatakan tidak termasuk warga asing. Jadi apa yang berlaku di MBPJ yang menjalankan khidmat bas awam, saya mendapat banyak rungutan dan aduan daripada penduduk setempat di mana bas percuma ini penuh dengan warga asing. Jadi bagaimana kita menambah baik, bas percuma ini untuk warga negara Malaysia yang memerlukannya.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Terima kasih Y.B Taman Medan. Perkara ini telah pun dikaji dan dibincang di peringkat kerajaan negeri. Keputusannya ialah kerajaan negeri tidak berhasrat untuk menghalang orang asing daripada menaiki bas percuma ini. Pertamanya warga asing ini kebanyakannya mereka pekerja asing. Mereka juga penyumbang kepada pembangunan ekonomi kepada negara ini. Jasa mereka juga kita akui. Keduanya kita tidak boleh mengamalkan satu dasar diskriminasi terhadap warga asing. Ketiganya warga asing ini mereka datang untuk bekerja di negara ini. Mereka bukan datang untuk naik bas begitu. Jadi mereka datang untuk pergi kerja atau waktu untuk membeli belah untuk keperluan harian. Kerajaan negeri tidak nampak justifikasinya untuk menghalang mereka menaiki bas perkhidmatan yang diberikan kepada kerajaan.

Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. Juga kepada Exco. Saya ucapkan tahniah kerana ada perkhidmatan ini. Bas ini cukup selesa dan *condusive*. Saya sendiri dah naik dua kali waktu hujung minggu dan waktu bekerja tetapi ada sedikit persoalan yang ingin saya nyatakan. Kalau ikut jawapan yang diberi sasarkan kepada mereka yang menggunakan bas Selangor ini adalah kepada warga industri, pelajar dan kakitangan setempat yang ada di situ. Malangnya ada 3 bas ada di situ disediakan. Ada mengandungi kawasan MPSJ, Shah Alam dan juga Klang, tetapi satu pun tak masuk di kawasan Batu 3. Maksud saya perkhidmatan itu tidak dapat dimanfaatkan kepada rakyat Batu 3. Apa yang saya lihat semasa menaiki...

TUAN SPEAKER: Soalannya.

Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Sekejap. Apa yang saya lihat sebenarnya banyak laluan itu dibuat adalah laluan tourism untuk pelancong. Jadi soalan saya, atas dasar apakah laluan dan liputan jajaran perkhidmatan ini dipilih dan kenapakah ianya tidak mengambil kawasan-kawasan perumahan yang sepatutnya lebih banyak pengguna yang akan manfaat 'Bas Selangorku'. Terima kasih.

Y.B DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, untuk menentukan memastikan kejayaan Bas percuma ini, kita melihat kepada *ridership*. *Ridership* itu penting juga melihat kepada sasaran kita. Jadi disebabkan kekangan kewangan dalam ketiga-tiga Majlis Perbandaran ini kita lihat kepada *ridership* keperluan *ridership*. Jadi kita tidak dapat buat semua, dengan kekangan kewangan ini, kita untuk satu laluan ini jaraknya antara 8 km hingga 12 km ini kita buat hendak pastikan kekerapan 15 minit. Kalau kekerapannya ½ jam sekali atau 1 jam sekali. Maka ia tidak dapat sambutan yang baik. Kita kena pastikan kekerapan itu. Jadi dalam kekerapan 15 minit kita jangkakan kita bekalkan 4 bas untuk jarak 8 km hingga 15 km. Jadi dengan keadaan itu ia tidak dapat melalui semua kawasan DUN. Semua DUN hendak. Jadi kalau kita melihat perspektif DUN saya ada dapat ke tidak. Ahli Majlis kata zoom saya dapat ke tidak. Maka tidak jadi. Maka kita kena berbelanja berbilion untuk memastikan bas melalui kesemua zon.

Kita lihat perspektif sama ada perkhidmatan itu memanfaatkan rakyat ataupun tidak. Bukan hanya memanfaatkan DUN kita. Tidak guna kalau bas tu lalu DUN kita kalau sambutannya tidak ada.

Yang keduanya laluan sekarang ini memang dikaji semua Majlis Perbandaran, bukan diperingkat negeri. Kita menganggap Pihak Berkuasa Tempatan lah, pihak yang paling tahu kawasan mereka. Jadi saya meminta Yang Berhormat sekiranya kalau hendak buat cadangan silakan kemukakan cadangan kepada Pihak Berkuasa Tempatan supaya mereka mengambil kira sama ada kawasan itu memerlukan ataupun tidak. Saya tidak bersetuju kalau laluan itu melalui tempat pelancongan umpamanya di kawasan Shah Alam. *Point-point* atau hentian-hentian yang dilalui termasuk pejabat kerajaan, pej. SUK, mahkamah, UNISEL, sekolah dan sebagainya. Tidak ada *tourism sport* atau tempat pelancongan yang saya lihat. Kalau ada tempat pelancongan itu penting juga kerana rakyat yang berpendapatan sederhana rendah yang tidak mampu untuk melancong ke luar negara boleh melancong juga dengan menggunakan 'Bas Selangorku' percuma. Bukankah kita telah mencapai sasaran kita. Terima kasih.

Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDDIN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Morib.

Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDDIN: Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, bilakah perkhidmatan bas komuniti ini akan diperluaskan ke kawasan-kawasan Majlis Daerah dan adakah pihak negeri menyediakan bajet khusus untuk program ini. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, peruntukan ataupun bajet yang ada untuk tahun ini hanya ada RM3.5 juta. Jadi oleh itu, dengan kadar purata RM1.2 juta untuk satu laluan maka hanya tiga laluan yang dapat kita sediakan. Sekiranya Dewan ini dengan sokongan Yang Berhormat sekalian dapat meluluskan RM30 juta tahun depan, sudah tentu kita dapat memperluaskannya kepada kawasan-kawasan luar bandar dalam masa yang tersingkat. Tapi memang dalam rancangan kerajaan untuk memperkembangkan ke kawasan luar bandar juga tapi dalam kawasan luar bandar bentuk perkhidmatannya bukan seperti di perbandaran ini. Di mana perkhidmatan bas percuma ini diberikan di mana laluannya adalah melalui bandar umpamanya mungkin di kawasan Kuala Selangor dan Sabak Bernam, kita boleh menyediakan bas percuma daripada Kuala Selangor hingga ke Sungai Besar dengan kekerapan setengah jam sekali. Untuk Kuala Langat dengan Sepang mungkin kita boleh sediakan daripada Banting hinggalah ke Tanjung Sepat, dan kemudian satu laluan daripada Tanjung Sepat hinggalah ke Sepang melalui Sungai Bilis, Salak, Dengkil dan sebagainya, dan untuk utara memang Yang Berhormat Rawang pun minta. Mungkin untuk Utara kita boleh ada laluan daripada Selayang, Rawang hinggalah Kuala Kubu Baru. Itu rancangan. Rancangan itu memerlukan sokongan kewangan dan jadi saya berharap sekiranya kerajaan dapat membentangkan bajet untuk memperluaskan perkhidmatan Bas Selangorku ke kawasan ke kawasan luar bandar, saya memerlukan sokongan daripada Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Huh panas Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya. Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya, saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat EXCO dan Kerajaan Negeri, Menteri Besar kerana telah menyediakan bajet untuk memberi perkhidmatan bas percuma kepada rakyat di negeri Selangor dalam keadaan ekonomi meleset, kos sara hidup yang tinggi, kerajaan negeri Selangor membantu rakyat, tak macam Barisan Nasional menekan rakyat.

TUAN SPEAKER: Soalannya?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Soalannya begini. Saya minta, saya mengalu-alukan perancangan untuk kembangkan ke luar bandar, saya minta Sekinchan dipertimbangkan usul kerana sekarang ini Sabak Bernam ke sekolah Selangor tak ada bas! Tak ada bas untuk bawa penumpang. Dah terputus. Bas dah bankrap.

Saya minta bas percuma Selangorku datang sampai pada masanya untuk membantu mereka. Ini ialah soalan saya minta bila, secepat mungkin. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Kita akan pertimbangkan kerana bukan sahaja daripada Kuala Selangor hingga ke Sungai Besar tidak ada perkhidmatan bas. Daripada Selayang hingga ke Kuala Kubu Baru juga tidak ada bas. Jadi kita kena lihat, kita akan kaji. Kita tidak boleh melihat seperti yang saya sebutkan tadi melihat daripada sudut pandangan kawasan kita sendiri. Sekarang kita buat pun kawasan Dato' Menteri Besar pun belum ada lagi dan hanya dalam perancangan. Jadi kita memang adil dalam perancangan kita.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan nak tambah. Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Saya benarkan soalan tambahan selain daripada tanya bila bas akan masuk ke kawasan masing-masing. Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Yang Berhormat EXCO, terima kasih. Cuma saya nak timbulkan satu laluan yang sangat kritikal iaitu daripada Kampung Kelang Gate, Hulu Kelang ke Bukit Antarabangsa. Daripada Kampung Menteri Besar ke DUN Menteri Besar. Adakah bila ini adalah satu laluan yang sangat kritikal.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Saya akan serahkan ini kepada kebijaksanaan pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya, kerana saya memang tidak tahu dalam keadaan setempat. Kalau saya tahu hanya dalam *area* Kelang sahaja mungkin saya tahu tapi mungkin di kawasan lain saya serahkan kepada perancangan daripada Majlis Perbandaran masing-masing. Jadi saya pohon kemukakan semua cadangan kepada Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: *Last, last, last...*

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ada satu persoalan tambahan iaitu sebenarnya kalau kita ingatkan bahawa penubuhan Bas Selangorku ini adalah untuk memastikan *missing link* ya dengan izin ataupun ada tempat-tempat yang tidak ada *connectivity* di antara bas sedia ada dengan perkhidmatan bas atau perkhidmatan awam yang lain. Jadi pertanyaan saya apakah kajian telah dilaksanakan bila laluan itu dipilih. Ini bukan masalahnya sebab tak lalu Batu Tiga sebab Batu Tiga nak, tidak. Ini masalahnya tidak ada langsung perkhidmatan bas dan ia hanya diwujudkan *missing link* di situ jadi saya ulang soalan saya, apakah kajian telah dibuat bila laluan-laluan ini dipilih untuk memastikan *missing link* ini dapat disambungkan. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya Tuan Speaker. Memang kajian telah dan akan dilakukan untuk memastikan kita memberikan perkhidmatan pengangkutan awam kepada semua kawasan yang memerlukannya. Tapi memandangkan kekangan sekarang kita hanya dapat menyediakan satu laluan sahaja untuk Shah Alam, Kelang dan Subang Jaya. Dan kita kembangkan sebab kita kena juga adil kepada rakyat di kawasan Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah yang lain. Tapi disebabkan kita hanya satu laluan jadi tidak dapat kita menyiapkan satu laluan yang sempurna. Rancangan kerajaan adalah pada tahun hadapan kita dapat tambahkan lagi dua laluan lagi kepada satu laluan yang sedia ada di Shah Alam, Klang dan Subang Jaya. Supaya semua laluan ini tiga-tiga dapat digabungkan menjadi satu rangkaian. Dan sebenarnya apa yang dilakukan oleh kerajaan sekarang adalah untuk ketiga-tiga laluan di Shah Alam, Klang dan Subang Jaya ini semuanya melalui stesen komuter. Bererti kita bukan sahaja menyediakan rangkaian perkhidmatan pengangkutan di bandar itu sendiri, kita telah pun mengaitkan ketiga-tiga laluan ini melalui komuter. Jadi kita telah mewujudkan satu prototaip rangkaian pengangkutan awam di Selangor dan kita akan perkembangannya dengan menambah lagi laluan di semua tempat Majlis yang ada laluan dan menambahkan memberikan laluan di tempat-tempat yang belum ada. Jadi itu memerlukan masa untuk kita menyempurnakan satu rangkaian yang sempurna tapi masa ini kita serahkan pada perancangan ataupun Jabatan Perancangan Bandar di setiap PBT untuk memastikan yang laluan yang disediakan itu dapat menepati sasaran yang kita rancang.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat EXCO terhadap usaha telah dilaksanakan untuk memberi perkhidmatan bas secara percuma kepada komuniti-komuniti sasaran. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO tentang berapakah sehingga kini kos operasi pengendalian laluan bas ini yang meliputi penggunaan mungkin *distance* ataupun upah ataupun gaji kepada pekerja-pekerja serta *maintenance* kepada kenderaan-kenderaan yang berkaitan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker dalam perkhidmatan Bas Selangorku ini pihak kerajaan tidak membeli bas dan oleh itu kita tidak memiliki bas yang oleh itu kita juga tidak menggaji pemandu. Kita menyewa perkhidmatan ini daripada Rapid Sdn. Bhd. dan untuk bayaran yang telah pun kita berikan kepada Rapid. Rapid Bas Sdn. Bhd. di MBSA, satu laluan di mana jumlah basnya adalah empat. Kosnya adalah RM1,266,064 juta. Begitu juga dua di Subang Jaya satu laluan, empat bas dan kosnya juga sama RM1,266, 064 juta dan di Majlis Perbandaran Klang, satu laluan jumlah bas tiga dengan kosnya RM949,548. Jumlahnya adalah RM3,481,676 juta. Itu adalah cara kita mengendalikan bas perkhidmatan, apa ni Bas Selangorku ini. Di mana kita tidak perlu membimbangkan soal *maintenance*, penyelenggaraan bas dan juga tentang bas. Dan walaupun

jumlah bas di MBSA, empat, di MPSJ, empat dan MPK, tiga, tapi pada setiap masa ada sebuah bas yang menunggu, sebuah bas *spare*. Di mana jika berlakunya kesesakan jalan raya ataupun ada kerosakan maka memang ada satu bas yang *spare* yang boleh masuk ke dalam perkhidmatan dengan segera. Ini adalah untuk memasti kekerapan itu kekal pada lima belas minit. Jadi ada orang tanya kenapa tidak ada jadual. Memang jadual tidak diperlukan kerana kalau kita terlepas satu bas dalam tempoh yang paling panjang lima belas minit bas yang lagi satu akan sampai. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Balakong.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Peraturan tetap 24(2). Saya ingin ambil soalan untuk Balakong.

TUAN SPEAKER: Silakan Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Soalan 22

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PENGOPERASIAN KUARI

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pendirian kerajaan negeri terhadap kelulusan sediada dan yang akan datang bagi pengoperasian kuari-kuari yang beroperasi di dalam negeri Selangor.
- b) Nyatakan keputusan pihak kerajaan terhadap aduan penduduk mengenai pengoperasian kuari di Lot 28436, Batu 10 Cheras dan lot berdekatan dengannya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR Selangor: Yang Berhormat Tuan Speaker saya ingin berikan respons kepada Yang Berhormat Balakong berhubung pertanyaan beliau terhadap kelulusan bagi operasi kuari yang beroperasi di dalam negeri Selangor. Memandangkan negeri Selangor terus mencatatkan kadar pertumbuhan pembangunan yang tinggi, keperluan daripada bahan binaan yang terhasil daripada operasi kuari masih relevan dengan keadaan semasa. Maka kerajaan negeri tidak bercadang untuk menghentikan operasi kuari-kuari yang sedia ada. Walau bagaimanapun bagi memastikan aktiviti yang dijalankan di kawasan kuari tersebut dan sekitarnya sentiasa berada dalam keadaan selamat dan terjamin. Kerajaan negeri sentiasa memantau dan memastikan syarat-syarat serta peraturan yang

telah ditetapkan oleh agensi-agensi teknikal termasuk JMG dan juga Jabatan Alam Sekitar dipatuhi oleh pihak operator Kuari. Tiada kuari yang beroperasi di Batu Sepuluh berkemungkinan kuari yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat adalah kuari yang sedang beroperasi di Lot 28436 batu 11 jalan Cheras Mukim Cheras Daerah Hulu Langat. Berhubung dengan kuari tersebut kerajaan negeri melalui Mesyuarat EXCO MTES pada 1 Julai 2015 telah pun mengambil keputusan untuk menghentikan operasi kuari ini pada 1 Mac 2016. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Tuan Speaker, soalan nombor 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : MUSIM PANAS MELANDA

23. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jaminan kerajaan supaya bekalan air tidak terputus atau dicatu?
- b) Berapakah peruntukan bagi menangani permasalahan ini?
- c) Apakah usaha kerajaan negeri bagi memastikan pengeluaran air terawat dapat dipertingkatkan memandangkan air mentah mencukupi untuk diproses?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada Lembah Jaya bertanya. Tuan Speaker izinkan saya untuk menjawab persoalan ini bersekali dengan soalan 65 daripada Seri Andalas dan Soalan 48 daripada Batang Kali. Soalan yang berkaitan dengan air sumber air mentah dan juga pengagihan air terawat khususnya berkaitan dengan musim panas. Saya kira persoalan air ini telah pun banyak kita bicarakan pada hari pertama lagi dan telah pun diperjelaskan oleh Bukit Antarabangsa dan kita juga telah dengar penemuan-penemuan dan juga syor-syor yang telah pun dinyatakan oleh JPK-SAM. Di sini saya mengambil sedikit masa untuk menerangkan bagaimana kerajaan negeri cukup yakin *Insyaa-Allah*. Melalui perancangan dan tindakan-tindakan yang telah diambil. Bekalan air di negeri Selangor adalah mencukupi dari segi kualiti dan juga kuantitinya. Antara perkara yang telah pun diambil adalah antaranya yang pertamanya Projek Mitigasi 2 yang akan siap sepenuhnya pada penghujung 2015 yang akan memberikan penambahan pengeluaran dari loji sedia ada sebanyak 300JLH. Di mana Projek Mitigasi 2 ini menggunakan pinjaman daripada kerajaan persekutuan dengan anggaran sebanyak RM297,785,382.00. Dan dengan siapnya Projek Mitigasi 2 ini sejumlah 300JLH

yang terawat ini akan dapat dimasukkan ke dalam sistem agihan kepada pengguna. Dan yang keduanya kerajaan melaksanakan projek membaiki, membaik pulih loji rawatan air Sungai Langat bagi memastikan loji tersebut boleh beroperasi hingga mencapai pengeluaran sehingga 500JLH dan dengan disediakan sistem *standby* dan projek ini masih dalam proses penilaian tender. Begitu juga dengan persetujuan daripada KeTTHA, kerajaan negeri akan mendapatkan bekalan air mentah 500JLH dari Sungai Semantan yang boleh disalurkan ke Sungai Langat dengan menggunakan fasiliti penyaluran air Pahang Selangor yang telah siap sepenuhnya seperti muka sauk, terowong dan rumah pam di Semantan sementara menunggu siapnya Projek Langat 2 dan untuk hal ini kerajaan negeri telah pun mendapatkan persetujuan daripada Kerajaan Negeri Pahang. Seterusnya, dengan persetujuan daripada Kementerian KeTTHA juga kerajaan negeri akan mendapat bekalan air bersih daripada Negeri Sembilan daripada Loji Rawatan Air Ngoi Ngoi sebanyak 65JLH. Kerja-kerja pemasangan paip dari Negeri Sembilan ke negeri Selangor akan dilaksanakan oleh Jabatan Bekalan Air Malaysia dan ianya dijangkakan siap pada penghujung 2016.

Begitu juga dengan pengaktifan kerja-kerja pengepaman kolam-kolam takungan di Bestari Jaya, kolam Horas, bagi mengawal pelepasan Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi. Kerajaan Negeri juga sedang meneliti pembinaan loji-loji baru untuk digunakan bagi menampung permintaan pengguna menjelang tahun 2017 dengan anggaran kapasiti sebanyak 350 juta liter air sehari. Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan kempen-kempen kesedaran dimulai dengan semua agensi kerajaan dalam usaha untuk menggunakan air secara jimat dan berhemah dalam usaha untuk menurunkan sekurang-kurangnya 20 % penggunaan domestik yang dianggarkan sebanyak 235 hingga 250 liter seorang sehari. Dengan penjimatan ini juga dianggarkan sebanyak 880 juta liter air sehari dapat disimpan menjelang tahun 2020. Dan pada ketika ini juga Kerajaan Negeri sedang giat membantu pelaksanaan projek Langat 2 yang dijangka akan siap pada tahun 2019. Dan dengan siapnya projek Langat 2 ini sebanyak 1,130 juta liter air boleh ditambah ke dalam sistem agihan air kepada pengguna. Setelah pengambilan operasi Syabas oleh Air Selangor, Kerajaan Negeri melalui Air Selangor akan melalui penilaian semula ke atas operasi pengagihan dan loji rawatan air sedia ada bagi memastikan operasi pengagihan dan rawatan air di Negeri Selangor adalah mencapai tahap keberkesanan yang unggul. Kerajaan negeri mensasarkan penurunan NRW pada kadar 2% setiap tahun dan dalam tempoh 5 tahun, kadar NRW dapat diturunkan ke tahap minimum 25%, di mana jumlah air yang dapat disimpan sebanyak 1,156 juta liter air sehari. Dalam memastikan pengurusan sumber bekalan air Negeri Selangor sentiasa mencukupi, sasaran utama kerajaan negeri adalah di atas perkara-perkara berikut antaranya :

- i) Kebolehdapatan sumber air mentah yang mencukupi selepas tahun 2024, baik dari segi kualiti mahupun dari sudut kuantiti.

- ii) Bekalan air bersih yang mencukupi dengan rizab minimum sebanyak 15%.
- iii) Penurunan NRW seperti mana yang disebutkan tadi sekurang-kurangnya pada kadar 25% pada tahun 2020.
- iv) Pemantauan yang berterusan berhubung kualiti sumber air mentah juga menepati piawaiannya telah ditetapkan oleh agensi-agensi yang berkaitan.

Dalam usaha untuk mengenal pasti dengan teliti, perancangan yang boleh dibuat bagi menjamin kecukupan bekalan air kepada pengguna, kerajaan Negeri Selangor telah melantik perunding, untuk membuat kajian terperinci mengenai '*water resources supply demand and distribution study for Selangor*'. Untuk dijadikan sebagai 'master plan' atau "*blue print*" bekalan air. Melalui kajian ini kelak, kerajaan negeri boleh mengenal pasti sumber-sumber baru untuk kegunaan masa hadapan. Melalui kajian ini juga kerajaan negeri akan dapat mengenal pasti semua sistem agihan yang sedia ada dan boleh merealisasikan matlamat untuk mewujudkan sistem agihan '*inter connection*'. Di mana melalui '*inter connection*' ini, dengan izin, sekiranya berlaku henti tugas mana-mana loji, maka ia tidak menjejaskan pembekalan kepada pengguna sebaliknya pembekalan kepada loji yang henti tugas tadi boleh disambung, boleh ditampung oleh loji rawatan air yang lain, dan kerajaan negeri boleh menyediakan '*master*' pelan air untuk tempoh 50 tahun yang akan datang.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama dahulu.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya nak tanya YB EXCO bila kempen penjimatan air akan '*start*'.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih, Damansara Utama. Melihat kepada kempen-kempen yang telah pun diadakan oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan Negeri Selangor, kerajaan negeri Selangor juga telah mengadakan kempen pada tahun yang lepas. Sebagai permulaan kita menghargai kempen tersebut. Walau bagaimanapun dari sudut keberkesannya tidak mencapai ataupun tidak memuaskan hati kita. Pada peringkat sekarang ini, peringkat kerajaan negeri sedang merangka dan telah pun mengadakan pertemuan-pertemuan dengan agensi-agensi kerajaan termasuklah PBT, begitu juga JAIS dan sebagainya, supaya pada kali ini, kempen ini dapat diadakan secara komprehensif dan melihat dari sudut ruang-ruang yang perlu dikenal pasti bagi menampung supaya kempen ini mampu memberi kesan yang seperti mana yang disasarkan. Dan sudut jangkaannya pada bulan November pada tahun ini kita telah bersedia untuk mengadakan kempen. Walau bagaimanapun ia bergantung pada situasi kerana pada bulan November berlakunya musim tengkujuh, hujan yang banyak yang saya kira kita akan merangka dan berbincang dari sudut kesesuaian masa untuk kita menghadapi musim kemarau yang akan datang.

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Dengkil dulu.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih EXCO terhadap penjelasan tadi. Saya ingin mendapat persetujuan daripada Yang Berhormat EXCO sendiri mahupun daripada kerajaan negeri tentang penglibatan kerajaan persekutuan, di dalam membantu menangani masalah air terawat seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat EXCO tadi. Rancangan Mitigasi 2, ia merupakan pinjaman '*soft loan*', atau pinjaman mudah yang diberikan oleh kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri. Yang disebutkan tadi hampir RM300 juta, tetapi saya difahamkan rancangan Mitigasi 1, Rancangan Mitigasi 2 ini, melibatkan hampir RM900 juta pinjaman daripada kerajaan persekutuan. Jadi saya ingin jawapan mudah daripada Yang Berhormat EXCO sendiri setuju tak dengan saya bahawasanya kerajaan persekutuan banyak membantu sama ada jangka pendek iaitu Rancangan Mitigasi 2, nak menyelesaikan masalah bekalan air terawat dan juga program jangka panjang termasuklah Rancangan Loji Rawatan Air Langat 2. Setuju dengan pandangan saya. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada Dengkil, Dengkil yang memberikan pandangan. Itulah sebenarnya peranan kerajaan, peranan kerajaan, baik kerajaan negeri, kerajaan persekutuan untuk rakyat. Kita boleh saling bekerjasama dan memastikan bahawa rakyat sentiasa diutamakan dalam segala hal. Terima kasih.

Y.B. TUAN XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANAMDAM: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan dulu.

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA: Saya, pertamanya saya cadangkan JAIS buat kempen ambil wuduk guna air satu botol mineral saja untuk menjimatkan air. Soalan saya sebenarnya adalah berkaitan gangguan air yang berlaku tempat-tempat di Petaling Jaya. Apabila diselidik dan siasat, Syabas memberi alasan bahawa gangguan ini disebabkan paip-paip pecah. Jadi di Petaling Jaya sebenarnya paip-paip ini adalah paip lama. Jadi soalan saya, bilakah paip-paip ini akan diganti baru untuk mengatasi gangguan bekalan air?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih pada Taman Medan yang bertanya. Itu adalah merupakan masalah utama, masalah pokok, yang berkaitan dengan NRW, berkaitan dengan paip-paip pecah dan sebagainya. Dan seperti mana kita sedia maklum bahawa kerajaan negeri dalam proses akhir untuk menyempurnakan pemuktamad pengambilalihan ini. Dan setelah kerajaan Selangor mengambil alih sepenuhnya daripada operasi konsesi Syabas ini barulah kita boleh

membuat rangka, pelan, bagaimana untuk kita menghasilkan dari sudut bila dan sebagainya. Walau bagaimanapun seperti mana yang disebutkan tadi, kita dah ada sasaran-sasaran yang berkaitan dengan air, rizab, berkaitan NRW dan sebagainya.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANAMDAM: Terima kasih Speaker. Saya nak dua soalan. Satu ialah berapakah perbelanjaan untuk menurunkan NRW dalam katakan 2% pada satu tahun ini, berapakah yang telah pun dibajetkan dan berapa telah digunakan selama ini untuk tahun ini atau pun tahun lepas. Yang kedua, bolehkah EXCO bersetuju dengan saya bahawa tanggungjawab kerajaan pusat kepada Negeri Selangor bukan saja untuk beri '*soft loan*' saja dan rakyat Negeri Selangor ini sumbangkan dengan 25% dari keseluruhan kutipan '*income tax*' yang dibayar kepada Persekutuan dan itulah tanggungjawab kerajaan kepada negeri untuk memberi bantuan juga.

TUAN SPEAKER: Soalan pertama kalau tidak ada info tidak perlu dijawab kerana terlalu spesifik.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Soalan yang pertama tadi akan dijawab setelah sampai masa iaitu soalan nombor 36 oleh Jeram berkenaan NRW. Soalan kedua itu saya sangat setuju, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Tuan Speaker, soalan nombor 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK: PENCEMARAN AIR SUNGAI

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah yang menyebabkan air di Bagan Sungai Buloh, Jeram menjadi hitam dan berbau busuk semasa air surut?
- b) Apakah langkah yang perlu diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti punca dan seterusnya mengambil tindakan pemulihan?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Tuan Speaker, untuk soalan 24, saya juga akan menjawab bersekali dengan soalan 211 daripada Sungai Panjang. Bukit Melawati telah menanyakan tentang isu pencemaran di Bagan

Sungai Buloh, Jeram yang menjadi hitam dan berbau busuk semasa air surut. Punca sebenarnya belum dapat dikenali kerana walaupun siasatan telah dijalankan oleh pihak Lembaga Urus Air Selangor sehingga ke hulu sungai iaitu sampai ke DUN Paya Jaras dan juga DUN Kota Anggerik. Punca tersebut tidak dapat dikenal pasti walau bagaimanapun pihak LUAS telah mendapati pelbagai aktiviti yang berpotensi untuk menyumbang kepada masalah tersebut antaranya kawasan perindustrian, kawasan ladang kelapa sawit, kolam akuakultur dan juga sisa perbandaran harian. Pejabat EXCO sebenarnya juga telah turun dengan agensi-agensi berkenaan seperti LUAS dan Alam Sekitar pada tahun lepas bulan Disember 2014. Tetapi semasa lawatan kita masa itu air di sungai itu tidak dapat nampak pencemaran yang disebut ataupun yang ditanya oleh Bukit Melawati. Lembaga Urus Air Selangor bekerjasama dengan pusat forensik Alam Sekitar Universiti Putera Malaysia, UPM untuk menjalankan kajian lebih terperinci untuk mengenal pasti punca pencemaran di kawasan tersebut. Untuk soalan 211 ini sungai yang berbeza iaitu Sungai Bernam untuk makluman dewan yang mulia ini. Sungai Bernam dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak dan status kualiti air tersebut adalah pada bulan Jun 2015 adalah dalam kategori bersih iaitu kelas 2. Jadi pada masa ini tiada isu pencemaran yang kritikal di Sungai Bernam, isu pencemaran yang pernah berlaku di sini adalah kehadiran minyak di permukaan air yang dapat dikawal bersama dengan agensi-agensi iaitu dari Negeri Selangor dan juga Negeri Perak. Pihak LUAS telah membuat perancangan dengan untuk adakan satu bengkel yang membincangkan pelbagai isu yang berkaitan tadbir urus Lembangan Sungai Bernam termasuk isu-isu pencemaran di Sungai Bernam tersebut dan akan melibatkan agensi-agensi yang berkaitan di Negeri Selangor dan Perak. Memandangkan lembangan ini dikongsi oleh dua negeri tersebut dan ianya akan dijalankan pada tahun ini yang akan dianjurkan bersama oleh pihak LUAS dengan kerjasama UPEN, Perak.

TUAN SPEAKER: Taman Medan

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Saya dah panggil Taman Medan. Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Speaker soalan nombor 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PENDIDIKAN PRA SEKOLAH

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri menghasilkan model Institusi Pendidikan Pra Sekolah yang dapat melahirkan insan seimbang dan sejahtera?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih Yang Berhormat Taman Medan. Usaha Kerajaan Negeri bagi menghasilkan model Institusi Pendidikan Pra Sekolah adalah seperti berikut: Dengan kerjasama dari Persatuan Taska Negeri Selangor Kerajaan Negeri telah merangka modul tadika pra sekolah untuk membangun potensi insan secara menyeluruh atau pun dengan izin *multiple intelligence*. Modul ini memberi fokus ke arah membangun 8 potensi insan antaranya dari aspek intelek, seni, matematik, kecerdasan dan lain-lain. Ia juga bakal melahirkan pelajar yang berfikiran terbuka, berakhlak mulia, yakin diri, mengenali dan mesra dengan alam sekitar. Konsep tadika ini adalah terbuka kepada semua kaum dengan merujuk kepada tadika yang terbaik di peringkat antarabangsa dan disesuaikan dengan suasana di Malaysia. Antara lain kita melihat model *montessori* atau pun model sekolah alami yang dijalankan di Jakarta dan Bandung, Indonesia. Kita juga melaksanakan latihan kepada guru-guru tadika, pentadbir dan kakitangan yang terlibat dalam melaksanakan program ini pada tahun ini. Satu pilot projek kalau ikut rancangan di bawah STANCO kita nak melihat satu pilot projek bagi satu model pra sekolah ini dilaksanakan pada tahun 2016.

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Apakah syarat-syarat kelayakan tenaga pengajar di institusi pendidikan prasekolah ini? Memandangkan kita melihat di negara-negara maju mereka mengambil individu-individu yang berkelayakan, doktor-doktor falsafah dan juga yang serupa dengannya. Dan keduanya, untuk pilot projek yang akan dijalankan itu apakah kriteria pilihan kawasan untuk pilot projek tersebut.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Tentang isu kelayakan buat masa ini sebagaimana, saya rasa kita semua sedia maklum pendidikan prasekolah adalah satu bidang dengan izin sangat *undergraded* di Malaysia. Kalau kita bandingkan dengan banyak negara-negara lain di mana bidang pendidikan prasekolah digariskan secara jelas tetapi di Malaysia walaupun pendidikan rendah dan pendidikan

menengah mendapat tumpuan daripada pihak kerajaan tetapi pendidikan prasekolah kebanyakan selain daripada Tadika KEMAS dan tadika Perpaduan yang lainnya masih lagi bergantung kepada tadika swasta. Maka masalahnya adalah piawai pelbagai. Ada yang mungkin mendapat pendidikan diploma di tadika-tadika yang mahal RM400.00 ke atas sebulan. Ada juga guru-guru yang mengajar tanpa sebarang kelulusan yang khusus. Ini antara masalah yang timbul cabaran bagi Kerajaan Negeri ialah kerana bidang pendidikan ini bukan berada di bidang kuasa Kerajaan Negeri tetapi sebab itu kita cuba lakukan kita melihat dari sudut latihan pertama, satu melahirkan satu model untuk program prasekolah ini dengan ada satu tarikan model untuk program prasekolah ini. Ada tadika model tahun 2016. Dan juga ada bantuan dana untuk memastikan berapa ramai mungkin pelajar-pelajar di Malaysia untuk mendapat ataupun di selaras untuk mendapat pendidikan pra sekolah melalui program TUNAS. Berita baik yang boleh saya maklumkan ialah selepas menolak sekian lama selama ini kita dapat penyertaan tadika daripada sekolah JAIS, itu tidak ada masalah. Tadika Swasta, Tadika Rakyat, tadika, malah Tadika Perpaduan daripada Kerajaan Persekutuan. Akhirnya kita dapat Tadika KEMAS di Meru. Yang Berhormat Meru tiada ya! Yang akhirnya bersetuju untuk menerima bayaran TUNAS kerana selama ini pun Kerajaan Negeri hendak beri duit tetapi mereka tidak hendak menerima. Jadi itu kita alu-alukan. Kedua, tentang pemilihan tempat untuk mengadakan model. Setakat ini kita belum pilih lagi. Mungkin kalau ada kawasan-kawasan yang hendak dicadangkan oleh mana-mana Yang Berhormat boleh tulis surat kepada pejabat saya untuk kami melihatnya dengan lebih dekat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Pandamaran. Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker. Peraturan Tetap 42 ii. Saya ingin ambil alih soalan Pandamaran.

TUAN SPEAKER: Saya benarkan. Silakan Seri Kembangan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Pandamaran. Kerajaan Negeri secara dasarnya telah meluluskan cadangan penubuhan Jawatankuasa Audit Luar bagi setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Ke-2/2015 yang diadakan pada 14 Januari tahun ini. Namun pelaksanaannya masih tertangguh kerana Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan keanggotaan yang terdiri daripada kalangan *backbenches* serta memperhalusi peruntukan undang-undang serta bidang kuasa penubuhan jawatankuasa ini.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Gombak Setia? Tiada. Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : WABAK DENGGI

28. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Berapa jumlah terkini kes denggi dan bilangan kematian di Selangor?
- b) Apakah kerajaan negeri mempunyai inisiatif baharu menangani wabak denggi?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Hulu Bernam. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha keras dan menangani isu denggi di negeri Selangor. Namun kes denggi masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya. Usaha keras membanteras denggi telah mula dijalankan mulai 2013 dengan mengadakan mesyuarat mingguan denggi di peringkat negeri dan daerah. Program Gotong Royong Gempur Aedes Perdana dan Kempen Kawalan Denggi. Pada tahun 2014, usaha ini dipergiatkan lagi dengan meneruskan Mesyuarat Minggu Denggi Peringkat Negeri dan Peringkat Daerah. Pelaksanaan Pelan Tindakan Program Denggi bersama Kementerian Kesihatan Malaysia. Pelan Tindakan Denggi PBT bersama KPKT iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dan Pelan Tindakan Selangorku Bebas Denggi 2014 bermula pada November 2014. Oleh kerana di awal 2015 peningkatan di daerah Petaling meningkat dengan agak mendadak. Satu pelan tindakan daerah Petaling telah dilaksanakan iaitu Program Terjah Dan Musnah Aedes Daerah Petaling khusus. Ia khusus untuk daerah Petaling. Serta pada tahun ini fokus utama kerajaan negeri dalam membanteras denggi adalah Pelan Strategi Sifar Pembiakan Aedes Negeri Selangor 2015/2016. Kedua, Pendidikan Kesihatan. Ketiga, Penggunaan Inisiatif Baru Kes Denggi dan Bilangan Kematian Di Negeri Selangor sehingga 8 Ogos 2015 adalah seperti berikut:-

laitu bagi minggu ke- 31 Tahun 2015 jumlah kes yang dicatatkan bagi minggu tersebut adalah sejumlah 1,336 kes menjadikan *human lifet* menjadikan kes pada tahun 2015 adalah sejumlah 41,232 kes dan *human life* kematian pada tahun 2015 adalah sebanyak 92 kematian. Untuk daerah Petaling, kes adalah yang tertinggi iaitu 17, 913. Diikuti daerah Hulu Langat sebanyak 9,477. Klang ketiga, iaitu 5,519 serta Gombak sejumlah 4.306 dan yang lain-lain adalah daerah Sepang, Hulu Selangor, Kuala Langat, Kuala Selangor serta yang paling kecil adalah Sabak Bernam. B. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bagi pada tahun 2015 kerajaan negeri

telah menjalankan pelbagai usaha bagi menangani kes wabak denggi di negeri Selangor antara adalah: -

- i. Menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Kawalan Denggi Selangor.
- ii. Mengadakan Mesyuarat Membincangkan Isu Wabak Denggi di Peringkat Negeri Selangor secara dwi mingguan.
- iii. Program Terjah Dan Musnah Aedes Peringkat Daerah Petaling
- iv. Operasi Tapak Bina
- v. *Task Force* di peringkat PBT
- vi. Mesyuarat Kawalan Denggi Peringkat Daerah
- vii. Aktiviti-aktiviti Pencegahan Di Kawasan-kawan Yang Berisiko seperti di tapak bina, tanah kosong, rumah-rumah tinggal, rumah ibadat serta kawasan perumahan
- viii. Meningkatkan Penguatkuasaan Perundangan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975
- ix. Memberi kesedaran kepada orang ramai dalam aktiviti gotong-royong di peringkat masyarakat dan memberi kesedaran melalui khutbah Jumaat dan ceramah di masjid dan surau
- x. Membuat edaran risalah denggi dan memberi *air bag*.
- xi. Program ataupun projek khas PBT iaitu di MBPJ projek SEDAR iaitu program ***Search And Destroy*** untuk komuniti dan juga peringkat sekolah.
- xii. Projek DAC iaitu Denggi *Action Community* dan DAK / Denggi *Action Kids* di Majlis Perbandaran Sepang iaitu projek pantas bas sekolah tanpa aedes. Serta projek TABAS iaitu Tapak Bina Sejahtera. Kedua-duanya adalah di peringkat Majlis Perbandaran Sepang serta *Ad hoc* Denggi di Majlis Bandar raya Shah Alam.

Seterusnya Program Asap Dan Musnah Aedes di daerah Petaling yang telah pun dilaksanakan pada 8,9,10 dan 11 Jun di tiga PBT iaitu di MPSJ, MBSA dan juga MBPJ. Dan terakhir adalah Bengkel Pelan Tindakan Strategik Sifar Pemiakan Aedes 2015/2016 yang telah diadakan pada 27 sehingga 29 Julai baru lalu.

TUAN SPEAKER: Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR: Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas penjelasan tetapi apa pun, memandangkan isu ini sangat serius sehingga peningkatan 66% dan melibatkan nyawa. Ya, melibatkan nyawa. Saya ulang sekali lagi YB. Kita pun memerlukan satu tindakan segera. Apakah tindakan segera daripada kerajaan ini soalan saya, SEGERA sekali lagi. Tindakan segera untuk mana yang menyelamatkan nyawa rakyat di negeri Selangor ini. Apa pun perkara yang diterangkan. Kita jelas. Kita faham. Kita faham tetapi yang nyata sebenarnya adalah kegagalan kerajaan negeri untuk menguruskan parit, longkang, sampah sarap yang begitu. Sebab itu begitu membiaknya Aedes di negeri Selangor ini. Saya minta supaya tindakan segera dijalankan. Terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih kepada Hulu Bernam. Setakat ini, sehingga kini kerajaan negeri sentiasa melaksanakan kerja-kerja pengawalan dan juga kerja-kerja kawalan dan pencegahan untuk aedes ini. Yang mana iaitu sehingga telah pun dilaksanakan di peringkat PBT, semua PBT terlibat dan juga pihak PKD iaitu Pejabat Kesihatan Daerah masing-masing kita bekerjasama untuk mengawal kes denggi di semula PBT di semua kawasan tetapi oleh kerana masalah-masalah yang Hulu Bernam sebut tadi iaitu masalah sampah dan juga kebersihan. Perkara ini sedang dalam usaha untuk kita meneruskan tentang perkara tersebut. Tetapi satu perkara yang kita perlu sama-sama, yang perlu kita sama-sama buat adalah kesedaran daripada semua peringkat. Dari peringkat pemimpin, pada peringkat rakyat juga sendiri. Penduduk juga sendiri perlu ada kesedaran tentang masalah denggi ini yang mana ia nya berpunca daripada kesedaran semua supaya tidak membuang sampah, tidak membuang sampah merata-rata, menjaga kebersihan, memeriksa tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes di kawasan masing-masing, di rumah masing-masing, di persekitaran masing-masing. Bukan hanya menuding jari pada pihak kerajaan negeri ataupun pihak PBT. Jadi maknanya ini adalah tugas kita semua. Selaku ADUN di kawasan masing-masing ada peranan. Selaku ahli majlis di kawasan masing-masing juga ada peranan. Jadi inilah yang saya harapkan peranan bersepadu daripada semua peringkat untuk membanteras nyamuk aedes ini ataupun membanteras demam denggi di negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama dulu.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Memang kita faham banyak tindakan yang telah diambil dari kerajaan negeri *I think the same answer is answered* tetapi apa yang kita tengok adalah keputusannya di mana kes ini sekian meningkat. Ini bermaksud bahawa apa tindakan yang diambil oleh tindakan adalah tidak mencukupi. Adakah YB EXCO telah membuat satu kajian di manakah kelemahan-kelemahan yang ada di pelan

tindakan kerajaan negeri yang membawa kepada semua tindakan yang diambil tidak mencukupi untuk mengatasi kelemahan. Kedua kenapa? Adakah perancangan kerajaan negeri untuk meningkatkan kesedaran orang ramai. Ini bukan untuk menuding jari untuk rakyat tetapi kesedaran itu kita kena ada kempen. Apakah rancangan dari kerajaan negeri bahawa kita boleh meningkatkan lagi kesedaran jika masih tidak mencukupi.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Damansara Utama, tentang kempen-kempen yang kita akan laksanakan kempen kesedaran untuk denggi. Kita akan melaksanakan ataupun kita akan membuat satu buletin yang menerangkan tentang apakah yang kerajaan negeri telah laksanakan selama ini juga penerangan-penerangan kepada masyarakat bagaimana untuk menjaga atau mengelakkan daripada terkena demam denggi. Bagaimana untuk menguruskan ataupun menjaga kawasan kita daripada menjadi kawasan pembiakan nyamuk aedes. Ini kita akan laksanakan sedikit masa lagi. Tentang masalah denggi ini adalah masalah, adalah perlunya bersepadu, kerja bersepadu bersama pihak PBT yang mana ia bukan hanya daripada peringkat Jabatan Kesihatan di pejabat PBT, peringkat PBT tetapi di semua jabatan-jabatan di seluruh PBT tersebut untuk bekerjasama secara bersepadu dalam membanteras aedes ini.

TUAN SPEAKER: Ijok, saya bagi Ijok dahulu ya.

Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD: Saya nak tanya semua langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan. Kita fokus kepada matikan nyamuk, asap air, saya nak tanya kepada EXCO, ada tak kerajaan Negeri mencari kaedah-kaedah baru untuk mencegah denggi. Kita dah lawan denggi pembiakan dalam air, adakah cara macam '*biological welfare*' tentang nyamuk, kita mengurangkan pembiakan nyamuk cara lain. Ini saya nak tahu ada tak rundingan dengan pakar-pakar yang arif tentang mencegah penyakit.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Ijok, di dalam Bengkel Pelan Tindakan Strategik Sifar Aedes yang telah kita laksanakan pada 27 dan 29 Julai yang lepas. Antara rumusan strategik baru yang kita laksanakan adalah dengan menggunakan kawalan biologi bagi mengawal pembiakan nyamuk Aedes ini. Juga kita akan melaksanakan ataupun kita akan memeriksa dan memastikan tapak bina yang sedia ada adalah sifar aedes yang melibatkan semua pemaju di Selangor. Kita akan membuat satu majlis pelancaran dan memanggil para pemaju di Negeri Selangor untuk kita menerangkan bagaimana untuk memastikan tapak bina masing-masing adalah sifar Aedes. Kerana apa yang kita dapati bahawa antara sebab-sebab pembiakan nyamuk aedes ini yang berleluasa adalah di tapak-tapak bina ini. Jadi kita akan memberikan penerangan kepada para pemaju di Negeri Selangor untuk memastikan tapak bina mereka adalah sifar aedes. Seterusnya kita juga akan membuat silibus baru pendidikan kesihatan untuk anak-anak tadika supaya mereka

kenal dan tahu tentang Aedes dan juga demam denggi dan itulah antara yang kita akan laksanakan di masa akan datang.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Hulu Bernam dahulu.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Terima kasih Tuan Speaker, sebenarnya apakah Yang Berhormat EXCO, yakin dan percaya bahawa untuk 3 bulan akan datang apa cara yang dinyatakan tadi bahawa peratus wabak denggi akan turun. Jadi apakah YB EXCO setuju sekiranya dilaksanakan satu sistem '*informal*' atau pun penguatkuasaan yang di mana-mana projek perumahan yang ada nyamuk-nyamuk denggi ini atau yang berada di merata perumahan-perumahan yang membiak nyamuk denggi ini dikenakan saman atau denda. Saya rasa ini adalah salah satu cara untuk mengurangkan denggi di Selangor, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Hulu Bernam, *Insyah-Allah* dengan kerjasama semua, dengan segala kempen-kempen yang kita akan laksanakan dengan kesedaran daripada semua penduduk Negeri Selangor. *Insyah-Allah* kita boleh menurunkan kes denggi ini di Negeri Selangor. Seterusnya tentang saranan memberikan saman, kompaun kepada rumah-rumah atau pun premis-premis yang didapati ada membiak jentik-jentik sememangnya ia adalah program berkala oleh pihak PBT. Memang mereka ada melaksanakan BPA iaitu memeriksa tempat-tempat pembiakan aedes ini dan sekiranya didapati ada pembiakan jentik-jentik nyamuk aedes ini, premis tersebut akan dikenakan tindakan dan juga memberikan kompaun.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih, saya ingin bertanya tentang masalah penguatkuasaan ini kalau benar ini ianya telah pun wujud tetapi kita lihat kesannya agak minima sangat. Jadi saya cadangkan, saya ingin bertanya sama ada pendekatan baru atau tidak untuk memastikan isu denggi ini dapat diselesaikan sebab isu denggi ini bukan mengakibatkan hanya demam tetapi kematian dan saya bimbang sangat jika ada kematian ini kita telah pun seolah-olahnya rakyat menunjukkan bercakap kepada kita bahawa seolah-olahnya kerajaan tidak mengambil serius tentang perkara ini. Saya rasa ADUN-ADUN semua telah membuat satu langkah di mana kita buat program pembersihan gotong-royong dan sebagainya tetapi saya rasa apakah satu langkah yang lebih drastik yang kerajaan nak lakukan untuk penguatkuasaan supaya mereka yang membiak nyamuk ini tidak kira di rumah atau pun di tempat-tempat pembinaan atau pun tempat komersial diberikan satu denda yang lebih berat. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Batu Tiga, sememangnya apa yang Batu Tiga sebutkan tadi iaitu tentang memberikan kompaun kepada orang-orang yang didapati ada pembiakan jentik-jentik tetapi kalau kita melihat keberkesanan apa yang Kerajaan Negeri telah lakukan di antaranya apabila kita melaksanakan program terjah dan musnah aedes Daerah Petaling. Tapi disebut seolah-olah Kerajaan Negeri telah gagal dalam mengatasi denggi ini tetapi kalau kita lihat keputusan ataupun apa yang telah kita laksanakan dalam program Terjah dan Musnah Aedes Daerah Petaling yang mana dia bermula daripada 7 Februari sehingga Mei, kita boleh lihat keputusan-keputusan kes-kes denggi yang menurun di Daerah Petaling. Izinkan saya menyebutkan di sini pada 31 Disember Daerah Petaling mengalami 751 kes, 10 Januari 657 kes, 31 Januari 1,025 kemudian 7 Februari - 955 dan ia menurun 14 Februari - 917, 20 Februari - 883, 8 Februari - 736, 7 Mac - 778, 4 April - 599 ia menurun kepada 500 daripada 1,025, 21 Mac - 547, 28 Mac - 488, 4 Mac - 426, 18 April - 338. Jadi maknanya kita boleh tercapai penurunan tersebut daripada 1,025 kepada 338 untuk Daerah Petaling. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Daerah Petaling adalah daerah yang paling tinggi kes demam denggi di seluruh Negeri Selangor. Dan ianya juga menyumbang kepada separuh daripada kes demam denggi di Negeri Selangor. Sebab itulah tumpuan kita adalah di Daerah Petaling dan dalam program terjah dan musnah itu Daerah Petaling kita berjaya menurunkan kes tersebut. Insya-Allah dengan pendekatan itu kita akan teruskan ke daerah-daerah lain untuk keseluruhan negeri Selangor. Jadi *Insyah-Allah* kita memang akan dan terus melaksanakan program-program untuk membanteras dan menurunkan kes denggi di seluruh Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Saya nak bertanya kepada EXCO memandangkan trend wabak denggi setiap tahun adalah penghujung tahun. Jadi soalan saya apakah tindakan proaktif memang tadi Y.B EXCO telah menyatakan Petaling paling banyak kes tetapi tidak dinafikan seluruh daerah juga mungkin Sabak Bernam kurang sedikit tetapi semua daerah juga mencatatkan kes yang tinggi. Jadi soalnya Kerajaan Negeri bersedia untuk menyediakan peruntukan khas untuk program kesedaran besar-besaran yang melibatkan ADUN-ADUN tempatan kerana ianya bukan sahaja projek-projek terbengkalai, bukan sahaja longkang, bukan sahaja sampah sarap tetapi ianya melibatkan semua termasuk institusi pendidikan, gerai-gerai, rumah-rumah dan sebagainya. Itu soalan saya.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Selat Klang, *Insyah-Allah* ianya akan diambil kira dan kita akan cuba untuk melaksanakan, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO seperti yang tadi dinyatakan Kerajaan Negeri akan melancarkan kempen-kempen dan juga buletin untuk kesedaran. Boleh Yang Berhormat EXCO memberikan satu tarikh yang lebih tepat dan jangan menyatakan akan sahaja, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Balakong, sebelum berakhir Disember 2015.

TUAN SPEAKER: Sri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih, memandangkan yang banyak ADUN telah bangkitkan isu denggi saya nak minta kerajaan untuk baca dan ikut apa yang telah dilakukan di Singapura. Soalan ya, ini menjadi satu soalan di mana mereka bukan sahaja libat EXCO Kesihatan tetapi kena adakan satu jawatankuasa keseluruhannya di mana persekitaran perumahan, EXCO PBT, EXCO Pendidikan, EXCO Infra, semua kena duduk dan bincang isu ini untuk adakan satu jawatankuasa tetap yang boleh '*thinking out the box*' untuk denggi untuk masa depan. Apa yang kita dengar sekarang dalam dewan ini ialah tiap-tiap tahun kita telah dengar cerita yang sama. Saya minta untuk buat satu yang luar biasa ada banyak orang di luar yang ada idea baru dan ini kena digunakan di dalam Negeri Selangor. Adakah setuju EXCO untuk adakan satu jawatankuasa demikian, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Andalas, saya memang amat bersetuju tentang perkara tersebut iaitu melibatkan semua EXCO-EXCO yang berkaitan dan berkenaan serta agensi-agensi yang sepatutnya dalam kita membanteras ke arah denggi ini. Dan *Insyah-Allah* ia akan kita kemukakan kepada pihak Menteri Besar, terima kasih.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Ok, saya ada soalan tambahan memang banyak program dan kempen yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk menangani wabak denggi ini. Tetapi soalan saya adakah Kerajaan Negeri menjalankan pemantauan terhadap kejayaan setiap program ini. Jangan setakat buat program lepas itu lepas. Ini yang saya rasa yang menjadikan apa menyumbang kepada nak menangani wabak denggi dan ini tidak mendapat kejayaan, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Kota Damansara, terima kasih di atas saranan tersebut dan sememangnya kita sentiasa memantau apa juga program-program yang telah dilaksanakan dan kita ada juga data-data tersebut, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Tuan Speaker, soalan 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

**TAJUK: SEKOLAH TAMIL DESA COALFIELD YANG PEMBINAANNYA
SUDAH LAMA TERGENDALA**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bilakah pembinaan sekolah ini akan siap?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih diucapkan kepada Ijok kerana sentiasa mengambil berat berkenaan dengan Sekolah Tamil Coalfield. Tuan Speaker Sekolah Tamil Desa Coalfield merupakan projek pembangunan yang dirancang untuk menjaga dan memberi peluang kepada anak-anak pekerja ladang dalam mendapatkan pendidikan yang sempurna dalam menjamin masa depan mereka. Dengan adanya Sekolah Tamil Desa Coalfield ini secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru dan para pelajar dengan adanya kelengkapan-kelengkapan yang baru dan lengkap.

Perancangan dan pembangunan sekolah tersebut tergendala seketika berikutan isu tanah. Penyerahan isu tanah oleh pemaju kepada Kerajaan Negeri dan juga penyantunan tanah rizab Kerajaan Negeri bersama tapak yang diserahkan. Isu tanah ini merangkumi semua aspek antaranya adalah permohonan pewartaan daripada Lembaga Pengelola Sekolah, proses pembangunan dan susun atur serta keperluan tapak yang mengikuti spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya dan juga kelulusan-kelulusan berkaitan dengan agensi dan jabatan serta Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat sebelum kerja-kerja di atas tanah dapat dilaksanakan secara fizikal.

Dan juga di sini perlu diutarakan bahawa kerja-kerja sebelum ini dilakukan iaitu kerja-kerja tanah, cerucuk, *piling* dengan izin adalah tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Perkembangan terkini adalah mesyuarat Penyelarasan Projek Pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Coalfield telah diadakan dan isu-isu berkaitan dapat diselesaikan bersama. Mesyuarat telah mengenal pasti tiga elemen penting yang perlu diambil kira bagi menjayakan pelaksanaan projek yang melibatkan status tanah, peruntukan kerajaan negeri dan skop kerja. Projek Pembinaan Sekolah Tamil Desa Coalfield ini telah dipersetujui untuk dilaksanakan secara Reka dan Bina mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Kelulusan untuk melantik kontraktor mengikut kaedah perolehan Tender Terhad sedang dijalankan dan menunggu kelulusan Perbendaharaan Negeri Selangor. Tarikh tertentu dalam menyiapkan projek Pembinaan Projek Sekolah Taman Desa Coalfield tidak dapat diberikan secara spesifik kerana masih menunggu kelulusan dan melibatkan beberapa agensi dan jabatan serta pihak berkepentingan yang sedang berusaha untuk menyelesaikan permasalahan di bawah bidang kuasa masing-masing. Namun begitu kerajaan negeri Selangor bersama agensi dan jabatan terlibat memandang serius akan perkara ini dan sedaya upaya untuk memastikan projek pembinaan sekolah Tamil Desa Coalfield ini dapat berjalan ditapak dalam masa yang terdekat ini. Walau bagaimanapun, kerjasama antara kerajaan negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Jabatan Kerja Raya (JKR), Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS), Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor (PTDKS), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) serta Lembaga Pengelola Selangor (LPS) hingga kini sedang bergerak seiringan dalam memastikan permasalahan di bawah bidang kuasa masing-masing dapat diselesaikan dengan segera bagi memastikan projek pembangunan Sekolah Tamil Desa Coalfield dapat berjalan dengan lancar.

TUAN SPEAKER: Teluk Datuk.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Tuan Speaker mohon ambil soalan.

TUAN SPEAKER: Ya, Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Tuan Speaker, soalan no. 30.

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : PENCEROBOHAN TANAH ORANG ASAL.

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Setakat hari ini berapakah jumlah kes mahkamah yang melibatkan tanah orang asal diceroboh masih dibawa bicara?

- b) Apakah peranan dimainkan kerajaan negeri?
- c) Apakah perkembangan kes tanah 200 ekar Kampung orang asal Pulau Kempas dicerobohi di kawasan MC 10 Mukim Tanjung 12?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Tuan Speaker. Setakat ini Cuma ada satu kes sahaja yang melibatkan orang asal yang masih dibicarakan di mahkamah iaitu kes no. Guaman sivil no.21NCVC-96-2011. Malam Anak Kencang dan dua lagi lawan kerajaan Negeri Selangor dan empat lagi. Kerajaan negeri telah menang kes ini di Mahkamah Tinggi namun kes ini telah dirayu di Mahkamah Rayuan oleh pihak plaintif. Oleh sebab kes ini masih di mahkamah maka kerajaan negeri tidak akan ulas selain daripada yang disebut merujuk kepada Peraturan-Peraturan Tetap Seksyen 23 (i) (g).

TUAN SPEAKER: Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 31.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK: PENGURUSAN SAMPAH DI KAMPUNG-KAMPUNG

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan masih meneruskan cadangan untuk menguruskan masalah sampah pepejal di setiap kampung yang teruk menghadapi masalah tersebut sekarang?
- b) Jika ya, bilakah akan dimulakan dan pihak mana yang akan dipertanggungjawabkan?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, kaedah pengurusan sampah di kampung-kampung adalah mengikut kesesuaian dan kemampuan PBT sebagai contoh di MBSA, MBPJ dan MPSJ telah melantik kontraktor bagi pengurusan sampah di kampung-kampung di kawasan pentadbiran masing-masing. Manakala bagi lain-lain PBT kaedah menggunakan tong sampah berpusat iaitu biasanya diletak di tepi jalan utama berhampiran kawasan kampung digunakan bagi memudahkan kutipan oleh kontraktor. Walau bagaimanapun kerajaan negeri sedang merangka satu kaedah yang baru untuk menambah baikkan pengurusan sampah di kawasan kampung khususnya untuk kawasan-kawasan kampung yang di luar kawasan operasi PBT masing-masing. Sekian.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Terima kasih. Soalan no. 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : SKIM KESELAMATAN KEJIRANAN PANGSAPURI Selangor
(SEROJA)**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah program SEROJA memainkan peranan dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman rakyat yang mendiami terjamin?
- b) Adakah Badan Pengurusan Bersama (JMB) turut terlibat?
- c) Nyatakan prosedur mewujudkan SEROJA di kawasan tersebut?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat. Matlamat program SEROJA adalah untuk memberikan kesedaran dan galakan kepada setiap penduduk untuk bekerjasama menjaga keselamatan pangsapuri masing-masing. Melalui program SEROJA, Kerajaan Negeri telah memberi bantuan peralatan keselamatan secara *one off* dan menyediakan peruntukan khas untuk sumbangan kepada penduduk sukarela yang mengalami kemalangan atau meninggal dunia semasa membuat rondaan keselamatan serta geran tahunan sejumlah RM10,000.00 setahun bertujuan mengadakan program keselamatan bersama pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Walau bagaimanapun, berdasarkan daripada maklum balas yang diterima daripada JMB dan MC, kaedah pemantauan keselamatan secara rondaan adalah sukar dilaksanakan secara konsisten berdasarkan senario kehidupan masa kini. Oleh itu Kerajaan Negeri telah menambah baik dengan membenarkan JMB dan MC menggunakan sebahagian daripada peruntukan geran tahunan SEROJA untuk memasang CCTV kerana ia merupakan kaedah yang paling relevan pada era moden ini. Selain itu pihak JMB dan MC perlu memberi maklumat mengenai bilangan kes jenayah yang berlaku di pangsapuri mereka kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor pada setiap bulan. Maklumat ini sangat penting untuk Kerajaan Negeri membuat analisis ke atas keberkesanan dan penambah baikkan program SEROJA dari semasa ke semasa dengan kerjasama PDRM. JMB dan MC adalah penerima bantuan dan penggerak program SEROJA untuk menjawab soalan bahagian kedua soalan tersebut. Mengenai prosedur mewujudkan SEROJA di suatu

kawasan ia bukan ditubuhkan melalui apa-apa akta tetapi adalah melalui Kerajaan Negeri bermakna bahawa permohonan perlu diajukan kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Setakat ini kerajaan negeri seperti mana yang dilaporkan telah menubuhkan SEROJA di lima kawasan pangsapuri dan kita telah mendapat permohonan dan akan diproses untuk ditubuhkan dalam masa terdekat daripada 27 pangsapuri di mana di kawasan MBSA terdapat 6 kawasan, MBPJ 1, MPSJ 5, MPAJ 5, MPK 3, MPKJ 1, MPS 2, MPSP 2, MDHS 2. Bermakna ada 27 yang sedang diproses dan akan dilaksanakan dan sasaran kerajaan negeri adalah untuk menubuhkan 50 kawasan SEROJA pada tahun ini. *Insyaa-Allah*.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAAH BINTI BOHAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAAH BINTI BOHAN: Apakah saranan Kerajaan Negeri kepada pangsapuri yang telah diberi mandat untuk melaksanakan program SEROJA ini sekiranya mereka gagal melaksanakannya dengan baik.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Kerajaan negeri apabila meluluskan SEROJA kepada pangsapuri-pangsapuri tidak melepaskan begitu sahaja tetapi terdapat rundingan ataupun bimbingan dari Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor LPHS sentiasa turun bermesyuarat dan memberi bimbingan kepada mereka. Sekiranya masalah bermasalah bermakna pihak Lembaga Perumahan akan menyelesaikannya.

TUAN SPEAKER: Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 33.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PELABURAN ASING

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Akibat dari masalah ekonomi yang melanda negara, apakah wujud penarikan balik pelaburan oleh pelabur-pelabur asing di Selangor?
- b) Jika berlaku apakah kesannya kepada ekonomi Selangor?

- c) Apakah insentif yang disediakan kerajaan negeri untuk menarik pelabur asing kekal melabur di Selangor?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, kesan dari keadaan ekonomi semasa serta faktor permintaan pasaran menyebabkan berlakunya penarikan balik pelaburan oleh pelabur-pelabur asing di Selangor. Sebagai contoh, syarikat JVC Manufacturing Sdn Bhd Jepun yang menutup operasi di Shah Alam dan memindahkan operasi ke Thailand disebabkan oleh kurangnya permintaan terhadap produk (*camcorder*) keluaran syarikat. Manakala syarikat Ansell Sdn Bhd (Australia) yang mengeluarkan produk sarung tangan getah untuk perubatan pula menutup operasi di Shah Alam dan memindahkan operasi pengeluaran ke Melaka dan India. Penutupan operasi di Shah Alam disebabkan penstrukturan syarikat dan pihak syarikat mahu mengurangkan kos pengeluaran bagi membolehkan produk syarikat bersaing dalam produk lain dengan produk lain di pasaran. Antara kesan langsung kepada ekonomi Selangor apabila berlakunya penarikan pelaburan seperti berikut. Pertama isu pemberhentian pekerja. Kedua memberi sedikit kesan kepada industri sokongan seperti pengangkutan, pergudangan, peruncitan dan industri perkhidmatan yang lain. Secara dasarnya pihak Kerajaan Negeri tiada menawarkan sebagai insentif atau ganjaran berbentuk kewangan berbentuk kewangan kepada pelabur tempatan dan asing. Namun begitu, pihak Kerajaan Negeri menyediakan agensi khusus seperti Invest Selangor untuk membantu para pelabur dari mula proses mengenal pasti tapak, menyelaraskan permohonan-permohonan kelulusan pembangunan serta membantu para pelabur menyelesaikan masalah yang dihadapi sama ada melibatkan Kerajaan Negeri mahupun pihak Kerajaan Persekutuan. Dalam membantu menyelesaikan isu yang pelaburan yang berbangkit, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Projek secara bulanan yang dipengerusikan oleh YB Dato' EXCO bagi membincangkan permasalahan yang berbangkit dan membantu pihak pelabur untuk mempercepatkan proses penyelesaian dan proses pembangunan yang dicadangkan. Dan untuk maklumat tambahan kerajaan negeri juga dalam proses untuk menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan jawatankuasa insentif untuk industri impak tinggi bagi tujuan untuk menarik pelabur. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan. Setakat ini berapa banyak sumbangan yang kita hilang daripada pelaburan asing yang ditarik balik dan apakah jaringan untuk mereka yang terkesan apabila ditarik balik dan pekerja-pekerja yang hilang pendapatan. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, tidak ada perangkaan yang dapat dipungut oleh Kerajaan Negeri untuk mengetahui berapa ramai yang menarik pelaburan daripada Selangor atau mana-mana tempat dalam Malaysia ini. Walau

bagaimanapun peruntukan di bawah akta Labour Act itu sendiri Akta Buruh itu sendiri memberikan jaminan kepada pampasan mengikut tempoh perkhidmatan pekerja berkenaan dan setakat ini tidak ada masalah yang timbul akibat daripada pemberhentian pekerja tersebut.

TUAN SPEAKER: Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya nak tanya EXCO adakah masalah air di Selangor memberi kesan pada pelaburan di Selangor?.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Setakat ini memang ada kekhuatiran yang dibangkitkan oleh pihak pelabur tetapi penjelasan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan langkah-langkah mitigasi dan langkah-langkah dan perancangan akan datang telah meyakinkan mereka walaupun kebimbangan itu wujud. Tetapi belum ada lagi pelabur yang telah pun menarik diri daripada Selangor kerana isu air ini.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya sangat tertarik dengan Ansell yang berpindah dari Shah Alam operasi ke Melaka. Adakah kajian telah dibuat, di mana kenapa Melaka lebih menarik dari Selangor sebagai tapak?.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya Tuan Speaker, Melaka lebih menarik kerana dari segi kos tanah adalah lebih murah tapi untuk industri sarung tangan getah ini sebenarnya ada empat syarikat tempatan yang berpangkalan di kawasan Klang merupakan pembekal sarung tangan getah ini. Kalau mengikut pasaran dunia empat syarikat tempatan ini yang berpangkalan di Klang ini membekalkan lebih dari 60% pasaran dunia. Oleh itu untuk syarikat Ansell tidak begitu membimbangkan walaupun kita memahami dari segi persaingan memang Selangor dari segi kos tanah itu lebih mahal dari negeri lain. Walaupun kalau kita melihat kepada keadaan serantau sebenarnya harga tanah di Malaysia ini lebih murah berbanding dengan negara dalam rantau ini.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN: Terima kasih Tuan Speaker soalan saya no. 34.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PEMBANGUNAN SEKTOR PELANCONGAN

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pembangunan sektor pelancongan merupakan langkah terbaik dalam menangani krisis kemelesetan ekonomi negara serta penurunan nilai mata wang Ringgit Malaysia. Bagaimanakah pandangan Kerajaan Negeri Selangor dan tindakan seterusnya?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Tuan Speaker. Sungai Pelek telah menanya satu soalan yang amat menarik saya bermula dengan kenyataan dalam soalan tersebut iaitu dengan izin imputation pembangunan sektor pelancongan merupakan langkah terbaik dalam menangani krisis kemelesetan ekonomi negara serta penurunan nilai mata wang Ringgit Malaysia itu adalah kenyataan dari Sungai Pelek. Jadi susulan daripada kenyataan itu sungai Pelek menanyakan apa tindakan seterusnya daripada kerajaan negeri dan juga pandangan. Cuma saya tidak begitu setuju dengan kenyataan tersebut berdasarkan dua andaian ataupun hipotesis utama. Pertama adalah andaian pertama adalah pelancong datang dari negara di mana mata wang negara tersebut mempunyai nilai lebih tinggi berbanding dengan Ringgit Malaysia dan kelebihan mata wang tersebut menjadi insentif atau dorongan kepada pelancong untuk melawat Malaysia. *There is a hypothesis.* Dengan izin. Jadi salah satu contoh untuk menjelaskan senario ini ialah bagi kedatangan pelancong dari negara Singapura. Pelancong dari negara Singapura merupakan pelancong yang paling ramai datang ke Malaysia. Ketibaan pelancong dari Singapura telah meningkat sebanyak 5.7% antara tahun 2013 dan 2014. Tetapi Dollar Singapura mencatat peningkatan hanya sebanyak 1.5% berbanding dengan Ringgit Malaysia pada tempoh yang sama. Berbanding dengan negara Brunei yang menduduki tempat ketiga dalam senarai kedatangan pelancong paling banyak ke Malaysia mata wang Brunei juga telah menambah sebanyak 1.5% berbanding dengan Ringgit Malaysia. Pada tempoh yang sama juga namun prestasi kedatangan pelancong dari Brunei telah menurun sebanyak 2.1%. Negara Indonesia pula merupakan sumber kedua jumlah kedatangan pelancong paling banyak melawat Malaysia, pada tempoh yang sama iaitu antara tahun 2013 dan 2014 dengan jumlah kedatangan pelancong Indonesia ke Malaysia mencatatkan kenaikan sebanyak 11% manakala mata wang Rupiah hanya mencatatkan sebanyak 400 kenaikan berbanding dengan Ringgit Malaysia. Mata wang Yuen, negara China pula telah menambah nilai sebanyak 3.8% berbanding dengan Ringgit Malaysia namun dari segi kedatangan pelancong pada tempoh yang sama ia telah mencatatkan penurunan sebanyak 10% antara tahun 2013 dan 2014.

Jadi sekiranya merujuk kepada empat sumber utama kedatangan pelancong ke Malaysia kedudukan dan prestasi Ringgit Malaysia yang semakin lemah pada ketika ini tidak menjamin kedatangan pelancong-pelancong. Saya ada banyak contoh lagi tapi saya akan *skip* memandangkan kita hampir habis sesi soal jawab ini. Kesimpulannya adalah contoh-contoh yang dinyatakan menunjukkan bahawa penurunan nilai RM tidak semestinya diterjemahkan kedatangan pelancong. Maka

anggapan dan *hypothesis* bahawa nilai mata wang yang lemah akan membawa lebih banyak pelancong adalah tidak benar. Keputusan pelancong untuk melawat sesebuah negara adalah bergantung pada pelbagai sebab dan alasan antaranya adalah :-

- i) *trend* pelancongan antarabangsa
- ii) aktiviti promosi
- iii) keselamatan dan lain-lain perkara.

Andaian kedua iaitu anggapan bahawa kos operasi atau pun pengendalian industri pelancongan tidak terjejas akibat kejatuhan nilai mata wang ringgit Malaysia. Namun begitu ada masalah juga dengan anggapan tersebut, industri pelancongan mempunyai hubungan hubung kait dengan barangan import daripada makanan, barangan dan juga lain-lain kerana ia merupakan satu sektor yang perlu memenuhi cita rasa, selera dan permintaan pelanggan. Maka kos barang-barang yang dibawa masuk khususnya daripada sumber yang didominasi oleh mata wang Dolar Amerika Syarikat akan meningkat. Sehubungan itu, kebanyakan kos barangan akan meningkat disebabkan oleh pengenalan cukai barangan dan perkhidmatan GST oleh kerajaan pusat. Berdasarkan data yang diambil daripada data pertumbuhan ekonomi negara dengan izin *National Economic Growth* kita boleh menyaksikan pertumbuhan ekonomi yang lemah daripada 5.6% pada suku tahun pertama ini kepada sekitar 4.2% pada suku kedua tahun ini. Oleh yang demikian, sekiranya terdapat keuntungan yang diperolehi disebabkan oleh kenaikan kedatangan pelancong luar negara, keuntungan tersebut akan di batal atau pun akan diseimbangkan. Tambahan pula trend ekonomi Malaysia tidak positif ini juga akan memberikan kesan kepada industri pelancongan secara keseluruhannya.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa pertanyaan telah tamat maka saya tangguhkan sesi pertanyaan dan mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk menyampaikan ucapan takziah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin memaklumkan bahawa Yang Berbahagia Dato' Khalid bin Ahmad, bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Permatang bagi tempoh 1982 sehingga 1986 telah meninggal dunia pada 17 Ogos 2015 pada jam 1.20 pagi. Bagi pihak kerajaan negeri saya mendoakan semoga Allahyarham Dato' Khalid bin Ahmad mendapat *husnolkhotimah* iaitu pengakhiran yang baik dan rohnya ditempatkan di dalam syurga yang penuh nikmat Allah SWT. Semoga Allah SWT juga menganugerahkan kesabaran dan ketabahan di kalangan ahli-ahli keluarganya. Sebagai penghormatan saya memohon supaya Dewan ini bertafakur selama satu minit mengikut kepercayaan agama masing-masing. Ahli-ahli Yang Berhormat dipohon berdiri.

TUAN SPEAKER: Baiklah saya mempersilakan Setiausaha Dewan meneruskan aturan mesyuarat seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan Usul No. 29 Tahun 2015, Usul Di bawah Tetap (65) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

TUAN SPEAKER: Silakan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut bahawasanya menurut peraturan 26(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, dewan yang mulia menerima penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam *Public Account Committee* (PAC) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu-isu pada tahun 2014 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 46 Tahun 2015. Tuan Speaker, Jawatankuasa PAC (*Public Account Committee*) telah mengadakan mesyuarat pada tahun 2014 dan antara isu yang diteliti oleh PAC adalah berkaitan dengan laporan Ketua Audit Negara. Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2013, saya ringkaskan ada sepuluh isu utama yang diteliti oleh Jawatankuasa PAC Negeri Selangor. Antaranya yang pertama Pengurusan Rumah Kediaman Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang ditegur oleh Ketua Audit Negara juga. Berkaitan pengurusannya, ada kelemahan dan sebagainya semuanya ada tertera dalam penyata iaitu isu yang pertama. Dan isu yang kedua tentang Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) berkaitan dengan kuota bumiputera yang khususnya untuk Rumah Selangorku atau Rumah Mampu Milik ketika itu. Ketika itu kita panggil Rumah Mampu Milik itu kuotanya, itu isu yang kedua. Isu yang ketiga yang ditegur adalah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). JAIS berkaitan dengan pembinaan Sekolah Rendah Agama Bukit Changgang yang belanjanya di belanja kurang daripada 50% pada ketika audit dijalankan. Maka Jawatankuasa PAC telah mengadakan pendengaran dan sebagainya mengenal pasti apakah punca-punca dan sebagainya. Inilah ya, kita kena kenal pasti kenapa belanja itu lambat kerana tanah, tanah yang, kenal pasti itu yang bermasalah. Ini pun boleh berlaku, tapi tidak apa kita telah jabatan berkenaan, Jabatan JKR dan sebagainya telah ambil maklum tentang perkara ini. Ini seterusnya penambahan baik, yang keempat jabatan yang seterusnya dipanggil JKR dan Lembaga Lebuh raya Malaysia berkaitan dengan isu yang panas iaitu pembinaan lebuh raya Pantai Barat (*West Cost Express Way*) di mana jajarannya telah memasuki Negeri Selangor, di mana jajarannya 35 kilometer di seluruh Negeri Selangor, di mana laluan dan sebagainya. Ini juga dalam penyata PAC dan juga isu yang kelima adalah berkaitan dengan peruntukan pembangunan tambatan banjir Sepang. Pada ketika itu yang dibelanja kurang daripada 50%, pihak JPS kita telah panggil dan kita telah kenal pasti kenapa tebatan banjir peruntukan itu ada tidak dibelanjakan. Akhirnya kita temui satu masalah di mana banyak perancangan tidak dibuat awal dibuat akhir-akhir lepas bulan 6, bulan 8 dan kemudian baru dikenal pasti akhirnya perbelanjaan itu tidak sempat sampai akhir tahun, musim hujan dan sebagainya itu tidak diatasi. Akhirnya peruntukan itu hanya 50%, kelemahan ini juga dikenal pasti dan diambil maklum oleh pihak JPS.

Yang keenam juga berkaitan dengan UPEN Sektoral berkaitan dengan peruntukan Program Kerajaan Prihatin dan juga dana industri kampung juga di belanja kurang daripada 50% dalam setahun belanjanya, 100% peruntukannya tetapi belanjanya hanya 50%. Pihak Ketua Audit Negara menegur, membuat teguran mengapa, rupanya ada masalah tentang pemilihan permohonan dan sebagainya. Ada kekangan, lambat, kurang pegawai, ini antara isu-isu yang berbangkit. Maka PAC telah membuat cadangan dan syor dalam penyata supaya di ambil maklum, di ambil pertimbangan yang khusus oleh kerajaan bagi penambah baik. Isu yang ketujuh dalam Penyata PAC 2014 ini adalah berkaitan dengan teguran Ketua Audit Negara ke atas penyelenggaraan jalan negeri MARRIS. Ini kita panggil PWN (Pegawai Kewangan Negeri) memberi maklum tentang perkara-perkara yang berbangkit tentang MARRIS ini dan banyak isulah yang dikenal pasti dan dapat ditambah baik.

Isu yang kelapan adalah prestasi kerja-kerja penyelenggaraan jalan yang kurang memuaskan itu juga JKR. Dalam penyata kalau Ahli-ahli Yang Berhormat baca ada masalah-masalah jalan seperti dalam usul yang dibawa oleh semalam penyata berkaitan dengan jalan, ini juga berkaitan jadi saya tidak mahu ulang. Isu yang kesembilan UPEN Sektoral Agihan, Ketua Audit Negara juga mengenal pasti peruntukan pembangunan yang dibelanjakan tahun 2012 kurang 50%. Kurang 50% maknanya setahun dia hanya belanja separuh daripada peruntukan. Jadi dia tidak *perform* KPI dia tidak ada. Kenapa kekangan perancangan tidak teratur, perancangan tidak dibuat secara awal, akhirnya tergesa-gesa macam akhir tahun, macam hendak *Christmas shopping* dan sebagainya. Ini perkara-perkara yang berbangkit, maka PAC telah mengenal pasti dan membuat syor-syor supaya perkara sedemikian kita dapat tambah baik, perbelanjaan kerajaan belanjawan yang disalurkan dapat diagihkan dan dibelanjakan dengan berhemah dan mendapat manfaat kepada rakyat.

Dan seterusnya isu yang terakhir isu yang kesepuluh adalah Majlis Bandar raya Shah Alam, Majlis Bandar raya Shah Alam iaitu prestasi aduan pengguna dan kejadian kecemasan dan prestasi penyelenggaraan jalan juga kurang daripada 50%. Prestasi aduan pun tidak bagus mungkin dia punya *hotline* dan sebagainya tidak baik dan sebagainya perlu ditambah baik, *complaint* lambat mendapat maklum balas dan sebagainya. Pengguna tidak berpuas hati dan perkara ini saya nampak telah diambil maklum dan sekarang ini kita teliti perkhidmatannya sudah bertambah baik. Kita harap semua PBT yang ditegur oleh Ketua Audit Negara khususnya dalam konteks Aduan Pengguna dan Kecemasan ini, Aduan Pengguna ini dapat ditambah baik supaya pengguna-pengguna, pembayar cukai di PBT di Negeri Selangor ini mereka dihargai dan dititik beratkan. Mereka merasakan PBT di Selangor antara PBT-PBT yang terbaik di Malaysia dalam masa yang sama kejadian kecemasan. Isu-isu kecemasan ini lambat bertindak tapi kerajaan negeri telah ambil maklum sebelum ini telah menubuhkan Pasukan Pantas, Pasukan Pantas pada ketika itu dan perkara ini telah dapat diatasi dengan pantasnya berlaku kecemasan pada sesuatu bencana

yang berlaku dapat diatasi, pokok tumbang pada waktu hujan, ribut dan sebagainya banjir kilat ini semualah antara isu-isu yang berbangkit dalam teguran Audit 2012 dan laporannya 2013 dan PAC telah teliti secara satu persatu. Oleh yang demikian saya juga hendak mengucapkan terima kasihlah kepada Jawatankuasa yang pada ketika itu yang bersama iaitu Yang Berhormat Kajang, Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Yang Berhormat Tuan Amirudin bin Shari sekarang telah menjadi EXCO, tahniah ADUN Batu Caves. Yang Berhormat Tuan Rajiv, ADUN Kawasan Bukit Gasing, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias ADUN Kawasan Sungai Burong, mantan Ketua Pembangkang yang letak jawatan kemudian yang tidak mahu menyertai atas alasan-alasan yang tertentu tapi kita maklumlah dia juga mempunyai kekangan dan masalah tentang ini juga. Kita maklum kekangan dan sebagainya itu kita sedia maklumlah, kita kawan baik kita tahulah. Sungai Burong kadang-kadang dia pun *confuse* tentang peranannya, *confuse* dalam Dewan, hendak jadi Ketua Pembangkang atau tidak. Sekejap kerusinya dijadikan kosong dan sebagainya ini *confuse*, *confuse* ini segala-gala *confuse*, ok segala-gala ...

Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDDIN BIN HAJI LIAS: Tuan Speaker, dia dah melalutlah laporannya tak mantap jangan merepek-repek ya

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, ini apa kita rakan dalam PAC, jadi kita kan merepek lebih kurang dia faham nanti dia *confuse* kan dia ok lah, perkara yang seterusnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah sebab dia juga mantan Ahli PAC pada ketika itu jadi kita telah bermesyuarat telah membuat penyata ini saya harap ahli-ahli dewan mendapat meneliti dengan baik pentingnya pihak kerajaan dapat mengambil maklum dan jabatan-jabatan yang ditegur berlapang dada dapat perbaiki dan menambah baik supaya prestasi perkhidmatan kerajaan negeri Selangor semakin hari semakin baik dan terus kukuh inilah yang kita hendak sekian sahajalah untuk usul saya mohon mencadangkan usul ini. Sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ada penyokong.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli Yang Berhormat sekalian usul telah disokong, saya buka untuk perbahasan silakan. Sila, Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima Kasih Tuan Speaker, saya tidak akan bahas panjang lebar dan saya harap saranan-saranan mula diambil tindakan kerana ini adalah siasatan kepada 2014, cuma satu perkara di muka surat 8 perkara rumah mampu milik di Sungai Sering Hulu Kelang ini adalah di atas satu tanah 68 ekar di mana syor PAC yang kedua ini saya rasa satu perkara yang penting bahawa kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan cerun seluas 22 ekar ialah projek

perintis Rumah SelangorKu di Sungai Sering harus dibiayai oleh kerajaan Negeri semasa pendengaran PAC pada 2014 dimaklumkan bahawa pembangunan rumah mampu milik atas tanah ini merangkumi kawasan cerun 22 ekar yang tidak akan dibangunkan rumah tetapi masih di dalam *Master Tittle* dengan izin. Masa itu kami tanya kenapa tidak dipisahkan kenapa masa *tittle* tidak di pecah dua di mana kawasan cerun ini diserahkan kepada kerajaan Negeri supaya ia mengurangkan beban *maintenance* jangka masa panjang kepada penduduk-penduduk di pembangunan ini jika 22 ekar kawasan cerun di dalam *Master Tittle* maka pada jangka masa yang panjang beban untuk penyelenggara cerun ini akan diletak di atas JMB atau pun MC yang akan datang dan penduduk akhirnya akan membiayai kos untuk penyelenggaraan cerun jadi saya harap perkara ini diberi perhatian yang serius demi mengurangkan beban mereka ini bukan golongan yang kaya ini adalah rumah mampu milik, sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Rawang

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker, saya ingin turut serta dalam perbahasan usul ini cuma untuk menarik perhatian dewan terhadap aspek yang mana saya rasa saranan jawatankuasa salah satu aspek yang penting adalah tentang pengurusan peruntukan dan kewangan dan sering kali kita dapati ada peruntukan yang tidak dapat dihabiskan salah satu faktor adalah peruntukan diturunkan lambat dan lepas itu dia akan memberi kesan yang selanjutnya terhadap pelaksanaan sebuah projek atau pun peruntukan yang telah diluluskan itu, jadi saya berharap kalau boleh pihak kerajaan negeri adakan satu mekanisme yang mana kita selepas luluskan belanjawan itu pada awal itu sebuah tahun itu dia sudah boleh dilancarkan dan boleh digunakan peruntukan itu. Sebab sebelum itu kita sedia maklum mungkin peruntukan telah diluluskan dalam sesebuah belanjawan itu tetapi hanya boleh dilaksanakan dalam bulan Mac dan lepas akan ambil tender dan sebagainya dan menyebabkan kalau ada bagi peruntukan di pertengahan atau pun hujung tahun ia tidak dapat digunakan disebabkan akibat tatacara kewangan atau pun aspek yang perlu kita ambil kira Cuma saya mohon kalau boleh aspek ini diperbaiki dan kita boleh awalkan atau pun perancangan itu boleh dibuat lebih awal pada bulan November atau pun hujung bulan Disember kita sudah kenal pasti dan bulan Januari dengan bila kita mula dengan tahun yang baru dengan cepatnya projek-projek atau pun peruntukan ini boleh digunakan dengan sebaiknya dan belanjawan yang kita luluskan dalam Dewan Negeri ini boleh digunakan dan dimanfaatkan oleh rakyat di negeri Selangor ini dengan sistem penyampaian kita yang telah kita perbaiki dan dimantapkan. Itu sahaja yang ingin saya cadangkan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Permatang

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih, Timbalan Speaker saya mengalu-alukan laporan daripada Jawatankuasa PAC yang dibentangkan oleh

Sekinchan saya nak merujuk kepada mengenai projek lebuh raya pantai barat ini juga dibawa dalam satu laporan di sini mengenai jajaran 93.8 kilometer yang akan melalui kawasan di negeri Selangor yang melibatkan kawasan di antara Taiping dan Banting jadi kos pembinaan juga memang besar melibatkan hampir RM5 bilion dan sebagai kawasan yang melalui kawasan-kawasan Selangor Utara sudah tentu lah saya dan rakan-rakan Yang Berhormat di sebelah Selangor Utara amat prihatin mengenai projek ini kerana yang pertamanya dalam usaha akan membantu sedikit sebanyak menyelesaikan masalah kesesakan jalan FR persekutuan FR 5 yang ada sekarang ini yang mengalami kesesakan yang amat teruk khususnya pada sebelah hujung minggu yang kedua kita yakin bahawa dengan pembinaan Lebuh Raya Pantai Barat ini akan memberikan satu koridor pembangunan yang baru yang mungkin dapat membantu terus membantu membangunkan kawasan-kawasan di sebelah Selangor Utara. Jadi saya mengharapkan kepada pihak kerajaan Negeri kerana pembinaan ini akan melibatkan pengambilan tanah sama ada tanah secara tanah individu mahupun melibatkan tanah kerajaan atau pun tanah-tanah syarikat swasta maka kita mengharapkan supaya kerajaan Negeri akan dapat memberikan sokongan dalam bentuk kebenaran merancang kebenaran dari segi pengambilan, pengambilan akta-akta pengambilan tanah dan sebagainya supaya boleh dilancarkan pembinaan ini kerana kita dimaklumkan pembinaan sudah bermula di kawasan utara di Taiping sudah dilancarkan dan juga di Banting jadi kita juga mengharapkan supaya di Selangor ini dan juga kita dimaklumkan juga pihak JKR akan memberikan peruntukan tertentu untuk pelebaran kawasan-kawasan daripada pekan Tanjung Karang sehingga ke Sabak Bernam untuk memastikan *interchange* keluar daripada lebuh raya ini dari Tanjung Karang tidak melalui kesesakan, maka sekali lagi saya hanya mengharapkan pihak kerajaan Negeri akan memberikan sokongan dan seterusnya kepada Y.A.B. Menteri Besar akan memberi sokongan dengan apa juga pertolongan yang boleh diberi supaya projek ini disegerakan dan dapat memberikan manfaat kepada rakyat negeri Selangor. Sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sabak

Y.B. SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih, Timbalan Tuan Speaker, *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Salam Sejahtera saya mengambil masa yang ringkas sekadar untuk membangkitkan sekali lagi dan saya harap apa yang saya bangkitkan ini yang terakhir mengulang kepada isu Rumah Mampu Milik yang dibangunkan oleh PNSB di Ladang Air Manis di Sabak Bernam sebab isu ini telah berlarutan dan saya pun menyebut beberapa kali tentang *progress* dan EXCO telah memberi jawapan namun saya membuat ingatan sebab sampai hari ini kita belum lagi melihat permulaan kepada pembangunan rumah mampu milik yang kan dilaksanakan ini dan saya mendapat maklum bahawa ianya akan melibatkan soal juga jajaran lebuh raya yang telah dipersetujui kerana dia melibatkan kawasan atau pun tanah yang terpaksa diambil sedikit diambil untuk lebuh raya ini dan akan melibatkan kepada sedikit pengambilan tanah milik PNSB sebahagian kecil untuk membangunkan lebuh raya ini.

Jadi isu ini sudah berlarutan sekian lama dan semacam saya pun sudah pun merasa dengan jawapan dengan pertanyaan masyarakat hampir bosan untuk memberikan satu jawapan kepada masyarakat terhadap isu ini dan saya harap pihak kerajaan mengambil perhatian yang tinggi sebab sebagaimana saya mengulang balik ia telah di pecah tanah sebelum daripada pilihan raya yang lalu dan sampai hari ini yang masih belum ada lagi satu petunjuk terhadap pembangunan itu akan dijalankan jadi saya menyebut ini berkait dengan usul yang dibawa yang utama sekali tentang rumah mampu milik sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Teratai

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Timbalan Tuan Speaker, Teratai ingin menyentuh berkenaan dengan kertas cadangan daripada PAC berkenaan dengan JKR yang mana merupakan agensi kerajaan yang amat penting bagi memastikan jalan-jalan di negeri Selangor diselenggarakan dengan baik selain daripada PBT jadi merujuk kepada muka surat yang ke 24 dan berikutnya apa yang berlakunya apabila terdapat jalan yang berlubang dan juga jalan yang tidak diselenggarakan dengan baik selalunya apa yang apabila kami sebagai wakil rakyat menerima aduan daripada rakyat dan memajukan aduan itu kepada PBT dan JKR ia ambil masa yang agak lambat untuk membuat pembaikan jalan-jalan yang berkenaan salah satu contohnya yang berlaku di kawasan Teratai yang mana di kawasan Taman Muda seorang menunggang motosikal telah terjatuh akibat daripada lubang yang di jalan utama yang sepatutnya di selenggara di bawah JKR yang penunggang motosikal itu telah dimasukkan ke dalam hospital dan menerima rawatan hospital. Apabila penunggang motosikal itu menuntut insurans daripada pihak berkuasa sehingga masa kini penduduk itu masih tidak dapat menuntut balik kos-kos rawatan yang beliau terpaksa di bayar akibat daripada lubang jalan yang tidak diselenggarakan dengan baik jadi apa yang berlaku ialah pihak PAC saya ucapkan terima kasih dan tahniah atas ketengahkan isu ini yang mana daripada syor-syor yang dilakukan ialah antaranya adalah kerja penyelenggaraan yang harus ditambah baikkan dan juga garis panduan perlu dikuatkuasakan di mana Teratai berharap pihak JKR Selangor dan juga JKR-JKR peringkat daerah dapat memastikan yang mana jalan-jalan di bawah penyelenggaraan JKR itu haruslah dijaga dengan baik.

Satu pasukan di bawah JKR harus ditubuhkan supaya membuat pemantauan yang ketat dari masa ke semasa dan tidak hanya menunggu apabila mendapat kemalangan berlaku yang mana kecederaan penduduk terjadi dan kalau lebih dahsyat lagi kemungkinan kemalangan maut akan berlaku jadi di sini Teratai berharap di mana syor PAC ini dapat diambil berat oleh pihak JKR, sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker saya ingin mengambil bahagian menyokong usul penyata ini dengan merujuk muka surat 21 hingga 23 berkenaan laporan Ketua Audit Negara 2012 iaitu telah berlalu 3 tahun dengan teguran berkaitan dengan Audit Negara atas penyelenggaraan jalan penggunaan MARRIS. Ini adalah kajian yang telah dikemukakan dengan panggilan daripada Jawatankuasa PAC kepada PWN pada 30 Oktober 2014 yang sudah berlalu 2 tahun 3 tahun daripada sekarang yang mana pada masa itu peruntukan MARRIS tidak sehebat digunakan sebagaimana yang akan digunakan pada tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang, jadi dalam penemuan-penemuan yang dikemukakan oleh jawatankuasa ada tiga perkara yang menimbulkan kerunsingan diri saya yang pertamanya wang pemberian tidak dibelanjakan secara optimum muka surat 21 kemudian muka surat 22 perbelanjaan yang tidak dibenarkan dan tidak disahkan dan muka surat 23 pelaburan wang tidak teratur.

Tuan Timbalan Speaker saya ingin membahaskan satu persatu kita dimaklumkan pada tahun ini akan berbelanja hampir 600 juta duit peruntukkan MARRIS dan saya difahamkan pihak kerajaan telah membuat latihan peningkatan kompetensi bagi penguat kuasa dan pelaksana di peringkat PBT untuk meningkatkan kemahiran jurutera-jurutera yang berkenaan iaitu akan meningkatkan prestasi, tapi kalau kita lihat penggunaan duit MARRIS pada tahun ini untuk membelanjakan 600 juta rasanya akan menghadapi masalah yang sama jadi oleh kerana itu di antara penemuan yang dinyatakan dalam penyata ini oleh jawatan kuasa adalah tatacara kewangan yang tidak jelas kekangan kapasiti sumber manusia di peringkat agensi pelaksana dan wang pemberian yang diterima tidak semestinya diperuntukkan untuk tujuan yang dinyatakan jadi perkara ini perlu dijelaskan.

Apabila Bukit Antarabangsa mengambil alih peranan sebagai Ketua Eksekutif dalam kerajaan negeri Selangor, kita didedahkan, dinyatakan tentang luasnya skop penggunaan wang MARRIS. Ini merupakan satu perkara yang baru dan satu perkara yang menarik, satu perkara yang boleh menjadikan penglibatan ADUN, wakil rakyat di peringkat DUN dan Ahli Majlis serta JKK Pengerusi Kampung, Ketua Kampung dan pengerusi JKK, ditingkatkan dan di perkasakan dari masa ke semasa. Dengan itu saya ingin menarik perhatian agar peraturan-peraturan ini diwar-warkan dengan lebih jelas semoga dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan oleh semua mereka yang terlibat menjaga kebajikan rakyat khususnya dalam penggunaan wang MARRIS yang semakin tahun makin meningkat. Yang keduanya perbelanjaan yang tidak dibenarkan dan tidak disahkan. Ini sepatutnya tidak berlaku kerana peraturan-peraturannya yang telah dibudayakan, membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul. Satu amalan yang sangat dipuji dalam pentadbiran sebelum ini di mana *value for money* merupakan teras utama dan amalan penyelesaian kontra antara amaun terhutang yang berkaitan dengan Yayasan Selangor Sdn Bhd sepatutnya tidak berlaku. Jadi amalan kontra ini telah dibetulkan bahawa semua hak yang dimiliki oleh kerajaan negeri hendaklah dimuatkan dalam catatan dengan buku *in the book* (dengan izin) dan amalan kontra hendaklah ditiadakan dan dikurangkan.

Walaupun peraturannya telah dijelaskan oleh PWN dibenarkan oleh seksyen-seksyen tertentu dalam peraturan kewangan. Yang ketiganya adalah tentang pelaporan kumpulan wang yang tidak teratur. Kita pernah menyatakan bahawa kita mempunyai satu *reserve* yang besar dan kemudian kita dapati bahawa sebahagian daripada *reserve* itu adalah wang MARRIS yang tidak digunakan sepenuhnya pada tahun-tahun sebelum, pada tahun yang berkenaan dan dengan itu saya ingin mengingatkan pihak kerajaan bahawa elakkan untuk masukkan wang MARRIS dalam pelaburan dan jadikan wang MARRIS itu sebagai satu rangka perancangan di awal tahun bagi tahun tersebut ataupun di akhir tahun pada tahun yang berikutnya. Jadi tidak timbul penyimpanan jangka pendek ataupun jangka panjang wang MARRIS bagi pelaburan. Sekian saya sokong.

TIMBALAN TUAN SPEAKER : Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masa di hadapan dewan ini adalah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan 76(5) peraturan tetap di Selangor, dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa kira-kira wang awam (*Public Account Committee (PAC)*) bagi dewan negeri Selangor berhubung isu-isu pada tahun 2014 yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 46 tahun 2015. Ahli Yang terhormat yang bersetuju sila kata ya, (jawapan ya ramai) yang tak bersetuju kata tidak. Usul dipersetujui.

SETIAUSAHA BAHAGIAN DEWAN: Usul no. 30 tahun 2015 , usul di bawah peraturan tetap 76(5) oleh YB Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUE LIM: Tuan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut bahawasanya menurut peraturan 76(5), peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa kira-kira wang awam (*Public Account Committee - PAC*) bagi dewan negeri Selangor berhubung isu-isu pada tahun 2015 yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 47 tahun 2015. Tuan Timbalan Speaker, jawatankuasa PAC - *Public Account Committee* pada tahun 2015, kita telah, 2014 kita telah mengadakan beberapa mesyuarat, 7 mesyuarat sehingga setakat ini 2015, berkaitan dengan laporan ketua Audit Negara tahun 2013 yang dibentangkan mengenai beberapa perkara, beberapa isu ada 8 isu yang utama berkaitan dengan agensi kerajaan yang pertamanya pengurusan pinjaman pelajaran. Pengurusan pinjaman pelajaran iaitu yang dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Berkaitan dengan tabung kumpulan wang biasiswa negeri Selangor di dalam itulah telah pihak Audit menemui kelemahan-kelemahan tentang pinjaman biasiswa, di mana peruntukannya tidak mencukupi dan bayaran kutipan balik daripada pinjaman tersebut juga, perlu di tambah baik dalam isu tersebut. Jadi pihak PAC kita telah mengenal pasti beberapa syor dan saranan untuk diteliti bersama oleh ahli-ahli terhormat yang bijaksana semua. Yang isu yang kedua , program hadiah anak masuk universiti. 1000 ya, yang kerajaan beri tidak pernah berlaku terhabis. Kerajaan Negeri universiti. Jabatan yang

kita panggil ada pengurusan sumber manusia. Sumber manusia, berapa kelemahan telah dikenal pasti dalam teguran Audit di mana dari segi pendaftarannya, dari segi pembayarannya, cek yang luput tarikh dan sebagainya. Itulah antara beberapa perkara yang telah PAC kena pasti dan telah diambil maklum oleh pihak pengurusan sumber manusia dan jabatan yang berkenaan. Isunya yang ketiga Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). ini isu pengurusan masjid dan pensijilan halal. Pensijilan halal ini isulah. Yang pihak JAIS perlu teliti kerana dia melibatkan sistem bagaimana untuk mengendalikan pensijilan halal dan pengurusan masjid yang ada 400 lebih di negeri Selangor ini. Pengurusan masjid, tentang peruntukannya dan sebagainya lah perlu di sistematik kan kerana memang besar amaunnya dan juga JAIS merupakan jabatan yang dapat peruntukkan setiap kali belanjawan antara yang terbesar. Jadi pengurusan terhadap masjid ini perlu dibuat secara lebih berhemah, sistematik supaya masjid-masjid yang memerlukan saja mendapat manfaat untuk semua ya, karya-karya dan seterusnya soal pensijilan halal ini penting. Ini untuk memastikan semua makanan-makanan dan produk-produk yang disediakan oleh premis-premis, pengusaha-pengusaha menepati piawaian-piawaian yang ditetapkan oleh jabatan kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ya untuk merealisasikan semua produk-produk itu menepati kehalalan tohibah, halal yang baik lah. Harap semua umat Islam yang makan dan beli barangan itu tidak was-was ya. Tidak was-was, semua mendapat berkat dan pahala lah. Jangan ada orang yang mengambil kesempatan, ya menanggung di air keruh dan menggunakan sijil-sijil yang tidak dikenal pasti, akhirnya menyebabkan benda-benda, makanan itu tidak halal. Perkara ini tidak seharusnya berbangkit. Walaupun saya bukan Islam, saya cukup prihatin dalam isu ini. Dan seterusnya, isu yang ke-4 adalah jabatan kehakiman syariah. Jabatan kehakiman Syariah negeri Selangor (JAKESS). Ini berkaitan dengan satu isu besar. Isu ini perlu diteliti oleh Ahli YB dalam penyata PAC iaitu pembinaan ibu pejabat JAKESS, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor, ibu pejabatnya dengan 9 buah mahkamah rendah syariah. Semuanya 10, satu Ibu pejabat, yang lain, 9. Ini atas kerjasama dengan dibuat oleh Amanah Raya Development Sdn Bhd dan menelan belanja pada ketika itu adalah RM160 juta 59, 160 juta lebih kurang dan kita mendapati dalam penemuan ketua Audit Negara tegurannya dan penemuan PAC kita mendapati banyak kelemahan, mahkamah-mahkamah yang dibina sampai hari ini ada yang belum lagi selesai. Terutamanya di Gombak, belum selesai lagi. Sepatutnya awal dah, dah selesai tapi belum selesai., belum dapat dimiliki, dapat dimasuki untuk beroperasi sepenuhnya untuk mengendali kes-kes, mahkamah syariah, untuk umat Islam seperti cerai, talak 1, talak 2, talak 3 dan sebagainya, semuanya ada. Dalam konteks urusan-urusan harian untuk umat Islam tapi tak boleh terbantut, ya . belanja sudah digunakan tapi mahkamah tidak dapat beroperasi . inilah antara kelemahan. Pada masa yang sama, saya kenal pasti juga *wiring* bocor sini, bocor sana. Kita turun ke satu mahkamah syariah di Bangi, kita tengok ada banyak bocor-bocor, melalui bumbung dan sebagainya. Ini lah antara pemantauan yang lemah, khususnya dan JKR, dalam konteks ini juga kena mainkan peranan supaya , dan pihak UPEN juga dalam konteks ini juga terlibat sama supaya masa-masa akan datang kita ambil iktibar. Perbelanjaan sedemikian besar dapat dipantau

dengan baik, dan menepati *value for money* dan dapat *deliver*, dapat sampaikan tepat pada masa, pada pengguna supaya apa agenda yang kita laksanakan itu, mencapai sasaran yang kita hendak. Ha itu antara syor-syor dan saranan yang ada dalam PAC dan seterusnya isu yang kelima, keenam berkaitan dengan JKR. Pembinaan jambatan ke-3 Klang. Ini PAC mengambil sikap pro-aktif, kita turun sendiri ke Jambatan Klang Ke 3, jambatan Klang Ke 3 kerana jambatan Klang ke 3 ini, ini antara satu projek yang besar, yang dibiayai sepatutnya oleh Kerajaan Persekutuan. Hari ini ada cerita kronologinya besar. Sg. Burong semestinya dia pun tahu juga perkara ini kerana ini tanggungjawab kerajaan persekutuan untuk bina pengangkutan, Jambatan Ke-3 untuk rakyat di Lembah Klang ini, khusus di Klang ini tetapi atas dendam kesumat dan sebagainya, itu saya tidak tahulah, kemungkinan mereka tidak mahu selepas kalah pilihan raya, mereka tidak mahu menunaikan tanggungjawab mereka untuk rakyat di negeri Selangor ini. Jadi kerajaan negeri Selangor mengambil cabaran ini, kita bayar sendiri buat sementara waktu dan kita bina jambatan ke-3 di Klang dengan 199juta anggaran kosnya dan sekarang kita teliti, telah teliti projek berjalan dengan lancar. Dengan lancar, di Klang dan dalam mengikut jadual, sikit saja terlambat mengikut laporan daripada Pengarah JKR Selangor dan saya mengucapkan tahniahlah kepada Pengarah JKR Selangor bersama *team* nya kerana telah memantau dengan baik, memastikan kerja-kerja wang yang dibelanjakan ini tepat pada masa. Memang ada wujud kekangan-kekangan dan sebagainya tapi saya yakin projek ini, akan disiapkan pada masa dan waktu yang ditetapkan dan tidak seperti apa yang berlaku pada tahun 2008, sebelum pilihan raya, cangkul, semuanya telah dibawa ke tapak perasmian oleh Mantan Menteri Besar Khir Toyo bersama dengan Samy Vellu dan sebagainya. Akhirnya cangkul, tinggal cangkul, semua tak berlaku. Tapi sekarang ini, ini berlaku. Ini projeknya jalan. Ini paling penting lah dalam konteks ini dan seterusnya. Isu yang berbangkit berkaitan dengan PAC ini, selepas Jabatan Agama Islam, JKR, dan antara nya adalah berkaitan dengan jabatan kebajikan masyarakat. Ha...JKM. JKM seperti dalam teguran Audit. Negeri Selangor dikatakan yang kedua terendah dalam pembelian. Skim bantuan am ini. SPA. SPA di mana kita bayar, 175. Sebelum ini kerajaan persekutuan memberi bantuan pada masa yang sama, jadi orang-orang yang kurang upaya, warga emas, golongan yang terpinggir, ibu tunggal dan sebagainya. Mereka yang menepati kriteria ini mendapat bantuan oleh JKM. Tetapi memandangkan kos sara hidup yang begitu tinggi sekarang ini, atas pengurusan yang lemah, kepincangan yang dilakukan oleh Barisan Nasional telah menyebabkan negara dalam keadaan kecelaruan, maka kos saraan semakin tinggi GST pula dikenakan khususnya golongan kurang upaya mereka tidak terlepas daripada GST, ini satu kezaliman yang ternyata maka 175, saya rasa sudah sampai masa tidak relevan, sudah sampai masa kerajaan negeri kena ambil iktibar dalam syor dan saranan PAC minta ditambah lah orang-orang 300 ringgit untuk memastikan orang-orang, mereka yang berpendapatan rendah yang tersasar ini dapat diberi perhatian, dibela oleh Kerajaan Negeri.

Saya yakin Y.A.B. Dato' Menteri Besar sesungguhnya mengetahui perkara ini dan dapat memberi pertimbangan yang semasak-masaknya tentang isu-isu yang berbangkit khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat dan isu-isu yang lain. Saya harap, dan, pada masa yang sama saya ingin tegaskan satu perkara, kita..PAC ini, kita menghadapi satu masalah selepas 2004 apabila dewan meluluskan usul, pindaan peraturan tetap di mana pembangkang, ketua pembangkang diwajibkan, menjadi memegang amanah, amanah itu penting, memegang amanah sebagai ketua PAC, Pengurus PAC tetapi beliau tidak menerima kronologi, sejarahnya, tidak menerima akhirnya PAC ketandusan Pengerusi selama 6 bulan. Selama 6 bulan tidak ada Pengerusi, tidak dapat fungsi bermesyuarat. Ini bukan seperti di Parlimen, Pengerusi PAC dinaikkan pangkat jadi Timbalan Menteri dan ahli-ahli PAC yang lain mereka tidak menyiasat 1MDB tetapi di Selangor kita nak bermesyuarat tapi tidak boleh kerana ketua pembangkang enggan menerima jawatan sebagai Pengerusi PAC dan saya harap..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ini kenyataan..tak perlulah sangkal..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Bukan, ini..saya nak bangkitkan dengan laporan ingat tumpu kepada penyata pelaporan..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sg. Burong, usul tak habis lagi. Bagi habiskan usul dulu..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Belum bahas..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tidak ada dalam penyata ini..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekejap lagi Sg. Burong boleh bahas.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya bukan bahas, saya cuma nak tegur dia pembentangan penyata ini Timbalan Tuan Speaker, adalah rujukan kepada Laporan Penyata..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok saya faham.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya duduk dalam PAC dan kita tahu tak ada dibincang masa itu dalam itu, tentang isu pelantikan..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya faham, saya faham. Sg. Burong duduk.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Jadi, tak perlulah nak disebut. Tak relevan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok, duduk

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Lagipun, kuasa adalah kuasa Speaker. Dia boleh melantik bila-bila masa Pemangku Pengerusi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok duduk, duduk. Sg. Burong...duduk.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Jadi kalau itu adalah kesalahan daripada kerajaan negeri, bukannya ada kaitan dengan isu ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok duduk. Sekinchan habiskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker yang bijaksana. Memang ini, sebab dalam laporan PAC selok belok, kronologi, kena, kita kena beritahu. Itu kenyataan. Itu bukan benda rekaan. Jadi, saya kena

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tidak ada dibentangkan dalam Penyata ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya, tidak ada tapi ini sejarahnya..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Reka..ini rekaan ini.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ia tak rekaan. Kenapa ada..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Habiskan..habiskan..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ada setengah tahun tak mesyuarat, jadi saya kena beritahulah kepada ahli-ahli dewan ya, kenapa PAC ada..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ahli-ahli dewan dah tahu dah perkara ini, dah maklum.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Belum, saya kena maklumkan sekali lagi supaya ahli-ahli dewan tidak lupa sebab ramai orang mudah lupa. Orang kata Melayu mudah lupa..Cina pun mudah lupa jadi saya kena lah beritahu ya perkara ini. Jadi, tak apalah, saya setakat ini kita dah bentang, saya minta kerajaan dapat teliti dan kita ada 3 Ahli Jawatankuasa yang baru yang selepas penukaran iaitu yang baru Yang Berhormat Balakong, Yang Berhormat Batu Tiga dan juga Yang Berhormat Meru, yang baru. Ahli-ahli Yang Berhormat Bkt. Gasing, Bangi dan juga Batu Caves, kita ucapkan terima kasih lah kerana PAC sebelum ini telah memberi komitmen yang terbaik untuk menjayakan semua pendengaran yang dilakukan oleh PAC. Sekian sahaja saya mohon mencadangkan Penyata ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan penyokong.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Timbalan Speaker, dengan ini saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul telah disokong. Saya buka untuk perbahasan. Silakan Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Seperti mana Yang Berhormat Sekinchan menyatakan, memang kertas-kertas yang dibentangkan pada hari ini adalah berhubung dengan isu-isu pada tahun 2014 dan juga isu-isu pada tahun 2015. Apa yang berlaku ialah Yang Berhormat Sekinchan telah mengingatkan kita disebabkan PAC tidak dapat, mesyuarat tidak dapat dipanggil jadi hari ini apa yang di hadapan mata kita adalah isu-isu tahun lepas atau tahun-tahun yang sebelumnya, dan juga isu-isu pada tahun ini. Jadi, berterima kasihlah kepada pihak PAC kerana telah mengetengahkan isu yang penting yang telah lama masih berlaku di negeri Selangor. Teratai di sini ingin mengutarakan isu berkenaan dengan pinjaman Program Hadiah Anak Masuk Universiti. Iaitu saya merujuk kepada muka surat ke-6 dan seterusnya di mana daripada penemuan PAC adalah didapati ada bilangan calon yang memohon kurang daripada jangkaan dan peruntukan yang selebihnya dipulangkan. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, di negeri Selangor sepatutnya merupakan negeri yang mempunyai ramai mahasiswa atau mahasiswi. Ini disebabkan terdapat banyak institusi pengajian tinggi telah ditubuhkan di negeri Selangor. Jadi, apa yang berlaku ialah apabila kita dapati ada bilangan calon yang memohon iaitu pemohon yang kurang dijangkakan, Teratai di sini ingin nak tanya ialah sama ada daripada pihak kerajaan negeri menghadapi kekangan ataupun masalah dalam membuat sebarang publisiti supaya mahasiswa ataupun mahasiswi terutama sekali yang lahir di negeri Selangor ini mereka dapat tahu dan dapat memohon bagi hadiah anak masuk universiti ini yang ditawarkan oleh kerajaan negeri Selangor kepada rakyat Selangor.

Jadi, bagi pengumuman ini, Teratai berharap supaya seperti mana yang disyorkan oleh pihak PAC di mana BPSM diminta supaya dapat mengkaji rayuan dan juga dari segi permohonan bantuan-bantuan tersebut dan juga penglibatan Adun kawasan setempat juga adalah sangat penting supaya kita dapat tahu bilangan anak-anak atau penduduk di kawasan kita yang berjaya memasuki institusi pengajian tinggi dan sebagai galakan, kerajaan negeri Selangor telah menawarkan hadiah yang begitu baik kepada anak Selangor kita dan daripada syorkan di sini apa yang berlaku ialah Teratai juga berharap bagi proses ataupun prosedur untuk mengemukakan permohonan itu, pada masa kini kerajaan Selangor telah membenarkan pihak pemohon untuk memohon melalui borang di laman web akan tetapi pihak pemohon masih perlu pergi ke pusat khidmat Adun-adun untuk mendapat tandatangan jadi Teratai berharap supaya pihak kerajaan negeri Selangor dapat memudahkan lagi

proses untuk prosedur permohonan supaya anak-anak Selangor ini apabila mereka hendak mengemukakan permohonan mereka dapat mengemukakan permohonan dengan terus dan tidak menyusahkan mereka ataupun sistem birokrasi kerajaan haruslah kita kata dikurangkan.

Selain daripada itu, Teratai juga ingin mengetengahkan isu berkenaan dengan isu sistem pengurusan. Pengendalian kes syariah berdasarkan laporan ketua audit negara mengenai aktiviti jabatan atau agensi dan pengurusan syarikat kerajaan Selangor tahun 2012 Siri ke-2. Di sini apa penemuan daripada PAC adalah apa yang berlaku di kerajaan negeri Selangor, kita telah menyediakan tapak-tapak untuk pembinaan mahkamah-mahkamah. Apa yang berlaku ialah, sedihnya apabila saya membaca bahawa ada antara mahkamah syariah yang hanya dapat bermula untuk dibina pada tahun ini disebabkan masalah perkhidmatan telekom atau utiliti. Masalah seperti sebegini iaitu secara teknikal tidak haruslah menjadi halangan bagi pihak kontraktor untuk memulakan pembinaan mahkamah syariah yang telah, tapak itu telah disediakan oleh kerajaan negeri Selangor. Apa yang berlaku ialah, Teratai di sini ingin bertanya kepada agensi yang membekalkan perkhidmatan telekom atau utiliti sama ada itu ialah satu isu yang sangat *complicated* dengan izin, sehinggalah dapat melewati projek yang telah dirancang awal sebelum tahun ini. Selain daripada itu, apa yang dibaca oleh Teratai berkenaan dengan laporan yang sedemikian, apabila terdapat agensi Amanah Rakyat yang sebagai pihak pemaju yang terlibat dalam projek pembinaan ini, apabila terdapat sebarang kecurian paip air, ataupun kerosakan, kebocoran yang berlaku, pihak Amanah Raya tidak melakukan sebarang tindakan. Teratai di sini ingin bertanya atau minta penjelasan, apa asas ataupun alasan daripada Amanah Raya sehingga mereka tidak melakukan sebarang tindakan atas laporan-laporan kecurian paip air ataupun kebocoran yang berlaku. Kita semua sedia maklum memang ada bangunan di negeri-negeri lain ataupun pernah berlaku juga di kompleks Mahkamah Kuala Lumpur terdapat kebocoran sini dan situ ataupun terdapat, pernah berlaku Stadium di Terengganu yang pernah ada masalah dari segi struktur bangunan. Tetapi, bangunan-bangunan di negeri Selangor ini haruslah dipantau dengan baik yang mana Teratai ingin penjelasan di mana Amanah Raya iaitu selaku pemaju tidak melakukan sebarang tindakan apabila terdapat kerosakan yang berlaku dalam bangunan mahkamah.

Teratai di sini ingin juga mengetengahkan berkenaan dengan isu catatan kebajikan masyarakat negeri Selangor. Teratai secara sendirinya pernah melawat Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor daerah Hulu Selangor memang benar cakap YB Sekinchan di mana terdapat, didapati kekurangan kakitangan. Kita dapati bahawa banyak fail yang bertimbun-timbun di pejabat yang mana pegawai kena meluluskan, atau memproses pelbagai jenis permohonan yang bertimbun-timbun di pejabat mereka. Memang sekarang sampai masa lah untuk kita sebagai kerajaan Selangor, kita kena meringankan beban pegawai-pegawai supaya mereka dapat lebih kita kata fokus atas kerja-kerja yang sepatutnya dilakukan. Ada 3 jenis pemberian, bantuan diberikan oleh kerajaan Selangor iaitu pemberian bantuan am,

bencana dan latihan perantis. Sekiranya ketiga-tiga ini dapat diasingkan, Teratai yakin bahawa pegawai yang secukupnya, kalau tidak cukup, kerajaan Selangor harus pertimbangkan untuk tambah, tambah kakitangan bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya permohonan-permohonan yang telah dikemukakan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat itu dapat diproses dengan segera. Biasanya kebanyakan permohonan telah dikemukakan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat memang merupakan golongan yang memerlukan. Kalau mereka tidak perlu, memang mereka tidak akan pohon. Ada di antara mereka mungkin menghadapi dalam keadaan kritikal apabila kita hadapi, pegawai kita hadapi masalah ataupun kena pertimbangkan permohonan dengan perlukan masa yang banyak, ini secara langsung akan menjejaskan penduduk kita yang mana mereka sedang memerlukan pertolongan ataupun bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Negeri Selangor selaku satu negeri prihatin haruslah kita mengambil berat atas isu-isu yang terutama sekali, yang sedang dihadapi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Maka dengan ini Teratai menyokong. Sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Rawang dulu.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker. Saya cuma ingin menarik perhatian dewan ini terhadap usul yang dibawa oleh Jawatankuasa PAC ini khasnya berkaitan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor di Muka Surat 22 merujuk kepada penemuan pihak Jawatankuasa dan di Perkara 4 yang menyatakan bahawa pemberian Skim Bantuan Am yang ditetapkan di negeri Selangor adalah antara yang kedua terendah jadi saya rasa sudah tiba masanya untuk pihak kerajaan negeri Selangor untuk mengkaji bahawa kadar yang sedia ada sama ada mampu ataupun mencukupi untuk meringankan beban hidup untuk golongan miskin yang selayaknya untuk dapat skim bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat ini. Sebab kita sedia maklum walaupun bantuan am kita adalah kedua yang terendah kalau ikut Laporan Audit, tetapi kos hidup kita, saya boleh katakan antara yang tertinggi di negara kita jadi kita perlu ambil faktor dengan pelaksanaan GST, dengan nilai mata wang ringgit yang jatuh, dengan kadar inflasi yang naik, dengan harga barang yang tidak turun walaupun harga petrol turun ataupun harga petrol yang turun kalau harga antarabangsa petrol turun. Ini banyak faktor yang kita ambil kira yang saya mohon pihak kerajaan negeri perlu mengkaji kadar yang baru supaya kita boleh tingkatkan kadar bantuan awam, am ini, atas sebab kalau kita rujuk juga kepada Perkara 5 dalam penemuan Jawatankuasa ini, pada mulanya Kerajaan Persekutuan akan menambah 33% daripada pemberian bantuan am kewangan yang disalurkan oleh kerajaan negeri tetapi polisi dasar itu telah dibatalkan. Maksudnya sekarang semua adalah bergantung pada pihak kerajaan negeri untuk memberi bantuan kepada golongan miskin ini, jadi, saya sangat-sangat berharap bahawa pihak kerajaan negeri boleh mengkaji, sebab ini adalah antara maklum balas ataupun permintaan yang kita terima daripada rakyat miskin ataupun pemohon yang datang ke pejabat kita yang mereka katakan, sekarang bukan saja bantuan am 175, sebelum ini ada warga usia

emas di kawasan saya yang hanya terima bantuan mungkin sebulan tak sampai RM100.

Ini adalah keadaan semasa berlaku di masyarakat kita khususnya di Negeri Selangor ini yang maju. Jadi, saya harap pihak Kerajaan Negeri perlu mengkaji dan kalau boleh meluluskan dengan segera sebab kalau ikut syor PAC bahawa sebenarnya sudah ada satu pihak Kerajaan Negeri telah mohon supaya dikemukakan kertas cadangan. Jadi, saya harap kertas cadangan ini boleh diluluskan dengan kadar segera dan rakyat miskin ini sedikitlah dapat kita ringankan beban hidup mereka. Dan keduanya adalah berkenaan dengan kekurangan kakitangan JKM. Saya rasa ini adalah perlu untuk ditambahkan sebab dengan kos sara hidup yang semakin meningkat dan mereka yang datang memohon semakin meningkat dan banyak permohonan diterima di peringkat pejabat JKM. Jadi, adalah perlu mereka ada sistem sokongan kakitangan yang mencukupi agar proses ini boleh dicepatkan dan mereka yang memerlukan boleh mendapatkan bantuan dengan secepat mungkin mengikut satu tempoh yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jadi, ini saja dua yang ingin saya bangkitkan. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Silakan Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin mengambil bahagian dalam menyentuh penyata ini dalam muka surat 8 berkaitan dengan Jabatan Agama Islam Selangor, isunya pengurusan masjid dan pensijilan halal tapi saya hanya akan menyentuh pengurusan masjid. Dan merujuk kepada muka surat 12 – Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKEES) yang khusus melibatkan pengurusan pengendalian kes syariah. Pertama sekali tentang JAIS satu penemuan yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa adalah tentang pemulihan kerja-kerja pembaikan pulih masjid. Satu perkara yang ingin kita tegaskan di dalam Dewan yang mulia ini adalah tentang peranan JAIS yang telah memainkan peranan yang cukup cemerlang dalam meningkatkan, mempertahankan, menjaga syiar Islam khususnya masjid dan pengurusan masjid dan pengurusan masjid bukan kerja yang ringan, bukan kerja yang mudah. Ia melibatkan bukan hanya perkara yang berkaitan dengan fizikal tapi berkait dengan sumber manusia, kemanusiaan dan hubungan antara ahli-ahli qariah pimpinan Kerajaan Negeri dan seterusnya. Dalam penemuan berkenaan dengan pengurusan masjid ini yang memeranjatkan saya adalah perbelanjaan yang telah diperuntukkan RM5.9 juta pada Mac 2011 hanya mencapai pelaksanaan 14.9% dan di antara sebab-sebabnya adalah kerana ketika peruntukan tahun 2011 baru sahaja diluluskan dan pihak Jabatan sedang menyelaras pengagihan peruntukan secara berperingkat. Jadi, persoalan di sini adalah berkaitan dengan SOP. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia agar SOP (*Standard Operating Procedure*) dan peraturan-peraturan penggunaan kewangan antara permohonan, pemberian, penerimaan, pembayaran dan pelaksanaan itu dapat diperkemas kerana kesannya adalah contohnya apabila tidak ada satu pemantauan yang pro-aktif untuk mengenal

pendekatan penyelenggaraan yang baik, *maintenance* yang baik maka kita terperangkap dengan permohonan yang tidak setaraf, tidak setara dengan keperluan. Itu menyebabkan antara lain peruntukan tidak mencukupi dan apabila tidak mencukupi projek tidak dapat dilaksanakan, *maintenance* dengan izin tidak dapat dilaksanakan dan apatah lagi kaedah-kaedah yang baik seperti *preventive maintenance* dengan izin *preventive total quality management* yang berkaitan dengan kemudahan masjid merupakan syiar terutama kepada masyarakat Islam di Selangor ini dan di negara kita ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Jadi, saya ingin menekankan bahawa kaedah mewujudkan satu pasukan yang melaksanakan *preventive maintenance* iaitu penyelenggaraan yang bertujuan untuk mengelakkan dan mencegah kerosakan yang lebih teruk dapat dilaksanakan dengan permohonan yang teliti dalam keperluan belanjawan yang sepatutnya dan ini juga menimbulkan masalah yang besar apabila satu belanja yang besar pada tahun ini bernilai RM32 juta diperlukan untuk menggantikan kubah. Saya yakin sekiranya kaedah *preventive maintenance* dilakukan dengan berkala, dengan tinjauan berkala, penyelenggaraan berkala tentang kubah itu perbelanjaan yang *lump sum* dengan izin, tidak perlu dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, memang perkara ini kita sokong, sebanyak mana pun peruntukan yang diperlukan keutamaan hendaklah diberikan kerana Masjid Negeri Shah Alam merupakan bukan hanya syiar Islam bagi Negeri Selangor tapi syiar Islam bagi negara kita secara keseluruhannya. Dan juga apabila kita menyentuh tentang penyelenggaraan kita melibatkan tenaga manusia. Ia memerlukan pemantauan dan pemantauan memerlukan satu *Standard Operating Procedure* yang baik. Dan keduanya Tuan Timbalan Speaker, muka surat 12 menyentuh tentang JAKEES (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor) khusus berkaitan dengan pengurusan pengendalian kes syariah. Dalam penemuan Jawatankuasa Mahkamah Syariah Negeri Selangor telah ditubuhkan di bawah enakmen yang dinyatakan dan masih berdepan dengan masalah yang berkaitan kehakiman syariah di mana satu jawatan khas ditubuhkan dan arahan telah dikeluarkan kepada hakim-hakim supaya kes-kes yang tertangguh. Jadi, kes-kes yang tertangguh ini banyak melibatkan kerumitan. Kami di peringkat DUN apabila bertemu dengan anak-anak, wanita-wanita yang sepatutnya berhak untuk mendapat saraan, pembiayaan dan tanggungan telah tidak diendahkan oleh pihak bapa ataupun bekas suami. Di mana satu ketetapan, satu peraturan, satu pendekatan perlu dilakukan kerana sebahagian besar daripada kes-kes ini telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah dengan Jawatankuasa Khas di bawahnya dan apa yang berlaku adalah rasa hormat, akur pada keputusan mahkamah tidak dilakukan. Jadi, kalau ada peruntukan dan dibenarkan oleh Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor ataupun enakmen-enakmen yang berkaitan dengannya, maka saya ingin mencadangkan agar mahkamah diberikan kuasa yang vertikal ataupun seterusnya daripada membuat keputusan pertikaian kes perceraian, *hadhahah*, tanggungan kepada keluarga dan anak-anak dilaksanakan satu proses pemantauan. Jadi, maknanya bukan hanya mahkamah memutuskan tapi mahkamah juga diberikan ruang untuk *follow up* dengan izin, *follow thru* dengan izin, kes-kes yang telah diputuskan agar tindakan yang cuai tidak diteruskan oleh mereka yang telah

dikenakan keputusan mahkamah untuk memberi tanggungan dan pembiayaan kepada isteri, bekas isteri dan anak-anak. Jadi, itulah cadangan yang ingin saya kemukakan dan itu saya menyokong agar penyata ini diterima.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Tuan Speaker

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Nak bahas ke?

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan. Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Terima kasih Tuan Speaker. Sungai Air Tawar mengambil bahagian tentang perkara mengenai Jawatankuasa Hal Ehwal Awam. Kita terus kepada *point* iaitu yang pertama mengenai Program Hadiah Anak Selangor. Ini berlaku di DUN saya di mana mereka yang mohon Hadiah Anak Selangor ini kadangkala tertunggu-tunggu sama ada permohonan mereka ini diluluskan ataupun tidak. Dan, akhirnya kita sedia maklum mereka yang memohon ini adalah di kalangan anak-anak orang miskin dan saranan saya jawapan sama ada permohonan mereka ini diluluskan ataupun tidak, ada dua cara lah. Yang pertama, secara *online* dan yang kedua secara surat pemakluman kepada pemohon kerana kita tak nak lah ya, bebankan kepada ibu bapa pelajar tersebut di mana terpaksa kadangkala pergi ke SUK ya, pergi ke SUK bertanya ya. Kadangkala daripada Sungai Tawar ke Sabak Bernam tu bukan makan belanja yang sikit. Makannya, tambangnya dan sebagainya. Jadi, saya menyarankan agar pihak kerajaan memberi makluman secara *online* ataupun surat-menyurat untuk lebih maklum. Sebab kadangkala kita rujuk juga PKM (Pusat Khidmat Masyarakat). Kadangkala belum lulus, tak tahu lagi, tunggu dan akhirnya mereka tertunggu-tunggu dan kadangkala hampir tamatlah tempoh permohonan tersebut. Yang kedua mengenai Jabatan Kebajikan Masyarakat. Apa yang saya maklum permohonan adalah di kalangan OKU dan juga penduduk miskin dan kadangkala mereka ini sebelum ini telah pun menerima bantuan masyarakat. Yang menjadi isu sekarang ialah kadangkala permohonan ditamatkan bantuan ini tanpa pengetahuan pemohon. Oleh itu, saya haraplah JKM memberitahu kepada pemohon mengapa bantuan itu ditamatkan supaya mereka tak tertunggu-tunggu dan merayu ke pejabat DUN ataupun PKM ya. Untuk pergi ke Sungai Besar pun begitu jugalah, mereka ni OKU kadangkala tak ada penjaga ataupun keluarga ya dan saya harap dalam kedua-dua bantuan ini harus diurus dengan baik supaya masyarakat yang miskin ini dapat dibantu dengan sebaik mungkin. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Sungai Air Tawar, Ahli Yang Berhormat sekalian. Adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang

berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu-isu pada tahun 2015 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 47 Tahun 2015.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'YA', yang tak setuju kata 'TIDAK'. Usul dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul nombor 31 tahun 2015, usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai agensi, badan berkanun dan anak syarikat Kerajaan Negeri, JP ABBAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Darul Ehsan Investment Group (DEIG) yang dibentangkan Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 48 Tahun 2015. Tuan Timbalan Speaker, saya ingin merujuk kepada usul ini dengan mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa Darul Ehsan Investment Group satu daripada aktiviti di bawah MBI telah diulas, dijawab dengan teliti dan dengan teratur serta terperinci dalam beberapa hal oleh Dato' Menteri Besar semalam. Dan dengan itu, saya tidak akan mengulang apa yang kita ditegaskan yang telah dijelaskan. Walau bagaimanapun, ada beberapa syor yang ingin kami kemukakan sebagai Jawatankuasa untuk menaik taraf dan meningkatkan lagi keberkesanan proses dan sistem yang melibatkan aktiviti dan kegiatan DEIG.

Keduanya, ingin saya tegaskan bahawa penyata ini tidak ada kaitan dengan mempertingkatkan ataupun mempersoalkan tentang kompetensi, kecekapan, profesionalisme, bakat, *talent* penggerak-penggerakannya khususnya Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi DEIG. Cuma persoalan yang ditimbulkan ini ialah DEIG (Darul Ehsan Investment Group) yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah entiti swasta pada 4 Disember 2014, tahun lepas adalah bagi menguruskan pelaburan strategik serta merealisasikan dan menstrukturkan semula aset anak syarikat di bawah MBI. Manakala MBI ditubuhkan di bawah Enakmen Perbadanan Menteri Besar 1994. Isu yang ditimbulkan oleh Jawatankuasa khususnya adalah tentang perihal perlunya ataupun keperluan menubuhkan dan penubuhan DEIG untuk menstrukturkan semula anak-anak syarikat di bawah MBI. Sebelum ini Jawatankuasa ABBAS khususnya telah mengadakan pertemuan-pertemuan pendengaran dalaman, taklimat daripada MBI sejak pentadbiran Menteri Besar yang lalu dan daripada penjelasan Dato' Menteri Besar, mantan Menteri Besar yang lepas dan juga semasa beliau menjawat jawatan membuat penjelasan. Kita difahamkan bahawa sebelum ini MBI diletakkan di bawah KDEB. Di mana harapan kita sebagai Wakil Rakyat, kita faham bahawa MBI yang terdapat di bawahnya lebih

daripada 74 syarikat ataupun Kerajaan Negeri Selangor yang di bawahnya terdapat 74 buah anak syarikat ataupun dengan izin GLC sepatutnya diselaraskan dirangka strategi perniagaan, pelaburannya di bawah MBI. Tapi sebagaimana yang suka disebut oleh Mantan Menteri Besar bahawa sebaliknya MBI disorokkan di bawah KDEB dan apabila Mantan Menteri Besar telah memperbetulkan dengan meletakkannya di atas dan meletakkan anak-anak syarikat GLC di bawah jadi kita telah mempunyai satu persepsi ataupun pandangan bahawa MBI adalah sebagai satu *holding company* yang menyelaraskan. Jadi apabila tertubuhnya DEIG pandangan ini merupakan pandangan yang perlu diperkemas di manakah peranan DEIG sempena dengan apa juga kenyataan yang telah kami dapat sebagai jawatankuasa daripada Jabatan Audit di Negeri Selangor iaitu nasihat dan cadangan syor mereka Jabatan Audit Negeri Selangor agar penstrukturan semula anak-anak syarikat harus dilakukan di peringkat MBI sendiri dan bukannya melalui penubuhan DEIG ataupun syarikat baru. Ini telah dijelaskan semalam jadi saya tidak akan mengulang perkara ini tetapi kita mencadangkan satu pencerahan di mana dalam perakuan MBI sendiri dinyatakan bahawa tujuan DEIG adalah untuk memberi fokus kepada peranan yang boleh dimainkan oleh MBI oleh sebab DEIG tidak disekat oleh Enakmen Pemerbadanan Menteri Besar, DEIG boleh membuat pinjaman dari pasaran dan Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi adalah sama sebagaimana yang di bawah oleh MBI dan mereka dilantik khas, spesifik, khusus oleh Menteri Besar sebagai Pengerusi MBI. Jadi dengan itu dalam penemuan yang kami lakukan, beberapa penjelasan kami perlukan antara lain jawatankuasa tidak diyakinkan bahawa DEIG mempunyai satu sistem akauntabiliti dan pemantauan tadbir urus yang menyeluruh. Saya ingin tarik perhatian dewan perkara ini adalah bukan mempertikaikan dari segi kebijaksanaan Dato' Menteri Besar sebagai Pengerusi MBI ataupun profesionalisme kompetensi CEO dan COO nya tapi dia merupakan satu sistem yang ingin kita terapkan. Jawatankuasa juga tidak diyakinkan bahawa keahlian Ahli Lembaga Pengarah DEIG yang terdiri daripada tiga orang sahaja iaitu Dato' Menteri Besar, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi mampu menghasilkan sistem semak yang seimbang dan efektif dan telus. Sekali lagi kita bercakap tentang sistem. Kemudian jawatankuasa memandang serius pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi MBI dan DEIG tidak dilakukan melalui proses lantikan terbuka. Jadi untuk melindungi Dato' Menteri Besar dalam konteks ini kita melihat bahawa sistem yang terbuka yang telus yang boleh diketahui oleh rakyat Selangor, di samping Ahli-Ahli Dewan Negeri hendaklah diwujudkan. Jadi dengan itu Jawatankuasa memandang serius peranan penubuhan DEIG untuk melindungi MBI daripada tindakan undang-undang kerana huraiannya menampakkan seolah-olah tidak ada wujudnya penerapan nilai kecekapan, ketelusan akauntabiliti dalam urus tadbir Kerajaan Negeri. Jadi itu *concern* kita. Sekali lagi saya ingin tegaskan tidak ada syak wasangka, tidak ada sangka buruk cuma kita mahu proses itu diinstitusikan sebagai satu sistem yang lebih berjangka long *term* dengan izin. Dan dengan itu saranan jawatankuasa, saranan teras oleh sebab DEIG akan mengendalikan aset-aset Kerajaan Negeri dengan nilai yang besar maka Kerajaan Negeri hendaklah membentangkan satu

kertas putih yang menjelaskan peranan, sistem dan urus tadbir DEIG kepada dewan dan meyakinkan dewan bahawa penubuhan DEIG adalah diperlukan dan perancangannya adalah menyeluruh dan ini melibatkan pelantikan menurut SOP yang teratur tentang pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif ataupun Ketua Pegawai Operasi, dan mana-mana lantikan hendaklah dibuat secara telus kerana gambarannya dengan izin DEIG adalah satu entiti yang sangat *powerful*, sangat efektif tujuannya efektif ia akan menjadi satu institusi ataupun satu badan yang cukup *powerful* dan akan menimbulkan satu persepsi yang tidak sihat kepada rakyat Selangor ataupun penggiat politik di negara ini. Kemudian sebelum kertas putih tersebut dibentangkan jawatankuasa berharap bahawa segala aktiviti operasi di dalam DEIG terutamanya usaha sama dengan pihak swasta hendaklah ditangguhkan dengan *term* yang mungkin 3 bulan ataupun 6 bulan untuk dibentangkan kertas kerja, kertas putih dalam Sidang Dewan manakala penstrukturan semula anak-anak syarikat MBI boleh diteruskan di peringkat MBI. Selain itu Jawatankuasa mengemukakan 5 saranan sokongan termaktub di dalamnya sekiranya dapat diselesaikan saranan teras. Dengan itu saya mohon membentangkan penyata ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ada penyokong?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya Kampung Tunku berdiri untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Hulu Klang dan Kampung Tunku ingin menyampaikan beberapa satu ucapan yang ringkas sebagai sokongan terhadap ucapan Yang Berhormat Hulu Klang. Untuk makluman dewan yang mulia ini Tuan Timbalan Speaker, apa yang penting sekali dalam penyata ini semangatnya ialah untuk yang pertama memastikan operasi MBI dan DEIG berada sentiasa pada tahap ketelusan yang tinggi. Ini adalah semangat yang pertama dan yang kedua adalah berkenaan dengan satu dasar yang selalu diambil oleh wakil-wakil rakyat DAP, PAS dan juga PKR iaitu pepatah Bahasa Inggeris dengan izin *the row of the busines of the goverment is to get away from business is get away from business* iaitu peranan Kerajaan adalah untuk mentadbir dan bukannya terlibat dalam perniagaan. Jadi atas dua semangat inilah penyata ini dihasilkan dan saya juga dan kami juga di jawatankuasa juga diberi peringatan bahawa pada masa sekarang sebenarnya DEIG telah pun ditubuhkan, beberapa operasi ataupun aktiviti utama syarikat ini telah pun berjalan *request for information* saya kira telah pun habis dan ianya akan disusuli dengan *request for* mungkin pada tahun depan jadi walaupun dewan ataupun jawatankuasa ini tidak ada peluang memberikan pandangan sebelum penubuhan DEIG tapi apa yang perlu dilakukan dan mesti dilakukan oleh Kerajaan ialah operasi syarikat ini perlulah telus. Semalam kita ada banyak menyebut DEIG dan saya tidak akan ulang. Ada dua tiga perkara yang saya rasa perlu kita lihat. DEIG adalah sebuah syarikat swasta walaupun didaftarkan di bawah Akta Syarikat kita perlu beringat Akta Syarikat tidak akan menjamin sesebuah syarikat itu untung atau rugi. Rugi memang boleh tapi nak untung ia tak semesti. Ianya bukan *Bible* ataupun *Kitab Al-Quran* yang boleh memastikan kamu ikut semua akta di dalam syarikat, syarikat ini akan untung, tidak.

Jadi kita harus menggunakan akta syarikat ini sebagai satu alasan ataupun berlindung untuk kita yakin dan percaya bahawa DEIG ini akan beroperasi dengan bagus, tidak. Lebih-lebih lagi apa yang penting DEIG sama seperti GLC-GLC yang lain, dia memegang aset kerajaan dan kerajaan ini dibentuk oleh rakyat, dipilih oleh rakyat jadi dia tidak sama seperti syarikat-syarikat swasta yang juga ditubuhkan di bawah Akta Syarikat. Lainnya ialah dia memegang amanah dan aset kerajaan. Saya tadi ada membuat satu *research* kita kalau kita nak bandingkan DEIG ini dengan Khazanah dengan Temasek. Berita baru Temasek tahun lepas mengalami susut nilai aset sebanyak 40 *bilion Singapore Dollar*. Syarikat seperti Temasek yang merupakan *fund manager* Malaysia pun boleh mengalami kerugian dan susut nilai yang begitu besar apatah lagi syarikat seperti Khazanah ataupun yang lebih kecil lagi DEIG. Jadi saya rasa ini adalah satu iktibar kepada kita semua, dan yang ketiga semangat yang ketiga ialah berkenaan dengan MBI. MBI ialah pemegang amanah. Saya sifatkannya sebagai pemegang amanah sebab MBI yang akan menjadi yang akan memiliki DEIG sepenuhnya. Perkara-perkara yang berlaku kepada DEIG perlu dilaporkan kepada MBI. Kita tidak boleh mengatakan bahawa dengan adanya DEIG ini maka kita boleh memperlahankan proses-proses pembaharuan ataupun reformasi yang perlu dijalankan di dalam MBI. Semalam kita dimaklumkan bahawa tujuan penubuhan MBI adalah untuk mengambil alih aset yang sebelum ini diuruskan oleh SSI *State Secretary Incorporated* tahun 1994 kerana kegagalan ataupun kegagalan SSI dalam mengurus aset-aset Kerajaan, kemudian ditubuhkan MBI dan sekarang ini nampaknya kita mengulangi strategi yang sama cuma DEIG ini merupakan sebuah syarikat swasta dan bukannya syarikat yang terletak di bawah Kerajaan Negeri, dia syarikat swasta. Jadi apa yang kami bimbangkan ialah adakah sejarah akan berulang sekiranya langkah-langkah pemantauan itu tidak ada pada tempatnya. Jadi ini adalah beberapa isu ataupun semangat ataupun soalan yang terkandung di dalam penyata ini yang saya rasa ianya perlulah dibangkitkan seawal yang mungkin dan bukannya dipertengahan jalan sebab kami rasa adalah menjadi tanggungjawab dewan ini untuk memastikan isu-isu ini dibangkitkan di dalam Dewan dan Kerajaan dapat mengambil perhatian terhadapnya dan kami berharap dalam Sidang Dewan yang akan datang mungkin pada bulan Oktober atau November kami akan dapat penjelasan yang lebih lengkap dalam bentuk bertulis terhadap isu-isu yang dibangkitkan ini. Oleh itu saya menyeru kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menyokong Usul yang dibawa oleh rakan saya Yang Berhormat Hulu Klang. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Kampung Tunku. Saya beranggapan bahawa Kampung Tunku telah menyokong dan memulakan perbahasan Usul ini. Saya persilakan untuk pembahas yang kedua, saya bagi Kota Anggerik dulu.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, saya ingin turut serta untuk membahaskan isu berkaitan Usul yang dibawa oleh Hulu Klang berkaitan dengan DEIG. Saya juga bersetuju dengan pandangan Kampung Tunku tadi bahawa Sarjana Islam Ibni Khaldun juga menyatakan bahawa supaya Kerajaan tidak terlibat

di dalam *business* supaya Kerajaan bertumpukan pada menjadikan infrastruktur *business*. Sementara *business* itu harus diuruskan oleh profesional dan ini kalau menjadi prinsip kepada..

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Timbalan Speaker, saya nak minta penjelasan supaya..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya menjawab ke Peraturan Tetap?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Saya minta penjelasan supaya nanti Kerajaan dapat jawab dengan baik.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, panggil dulu, duduk kejap. Silakan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, Yang Berhormat Kota Anggerik bersetuju dengan Yang Berhormat Kampung Tunku mengatakan bahawa seharus Kerajaan tidak terlibat dalam perniagaan. Jadi perniagaan itu melibatkan pelaburan. Sebab setiap perniagaan itu adalah pelaburan. Adakah cadangan Yang Berhormat Kota Anggerik dan juga Yang Berhormat Kampung Tunku bahawa Kerajaan tidak terlibat dalam sebarang pelaburan, itu penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Itu pandangan yang dikemukakan oleh Kota Anggerik, hanya boleh beri perhatian sekejap lagi.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Saya minta penjelasan perniagaan itu adakah itu termasuk dalam pelaburan sebab Kerajaan akan jawab dan saya nak pastikan Kerajaan menjawab dengan betul.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Maksudnya ialah Kerajaan tidak aktif *manage business* supaya *business* ini diuruskan oleh profesional. Seandainya Menteri Besar sibuk buat *business* jadi *business* kerajaan maka tumpuan Eksekutif ialah kepada pengurusan perniagaan, ini maksudnya tadi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok Kota Anggerik saya minta duduk dulu. Ahli Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan jam 1:00 petang saya menangguhkan dewan ditangguhkan sehingga jam 2:30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: *Assalamualaikum* dan selamat petang. Dewan disambung semula. Sebelum saya mempersilakan Kota Anggerik, saya ingin memberi pesan kepada Ahli Yang Berhormat, saya berharap perbahasan tidak melebihi 5 minit setiap seorang. Silakan Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Timbalan Speaker, sebelum meneruskan ucapan saya. Saya nyatakan tadi ketika memulakan ucapan ini dengan pandangan Ibnu Khaldun yang mengesyorkan supaya kerajaan tidak terlibat di dalam *business* di mana kerajaan menjadikan infrastruktur dan segala peraturan kepada kelompok *business* dan *business* dikendalikan oleh profesional. Ini juga pandangan Kampung Tunku tadi. Oleh kerana kita mewarisi kerajaan yang punya pelaburan. Kita maklum bahawa negeri Selangor satu negeri yang mempunyai pelaburan yang tinggi. Jadi bagaimana kita nak pergi *in between*. Di antara menguruskan pelaburan dengan pendirian bahawa kerajaan tidak fokus kepada *business*. Sebab itulah, pendekatan-pendekatan untuk mengeluarkan *business* entiti daripada kerajaan supaya *business* dikendalikan oleh kelompok profesional di bawah kawalan kerajaan. Kalau kita lihat struktur di dalam DEIG yang mana Menteri Besar, Dato' SS dan Dato' Pegawai Kewangan Negeri masih lagi dalam *Board* DEIG. Ini sebagai satu alat untuk mengawal perjalanan DEIG. Namun DEIG dikendalikan oleh kelompok profesional bagi memastikan bahawa *business* itu dapat berjalan dengan baik. Yang pentingnya ialah soal ketelusan, soal *governance* mesti dipraktikkan. Pastikan bahawa pentadbir-pentadbir DEIG ini mereka yang benar-benar profesional dan punya *strong corporate governance*.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya Kota Anggerik sama ada beliau bersetuju dengan saya bahawa walaupun semangat kita ialah kerajaan seboleh-bolehnya tidak mencampuri dalam urusan perniagaan tetapi kerana budaya ini telah pun bermula sejak awal tahun dan kita mewarisi budaya ini daripada kerajaan Barisan Nasional dan bila sampai ke tangan kita maka adalah perlu bahawa kita meneruskan apa yang kita ada pada tangan kita tetapi bukannya membesar-besarkan atau pun membanyakkan lagi dan sebaliknya menkonsoliditi atau pun menumpukan perhatian kepada *core business* yang kami berasa bahawa ianya adalah strategi untuk diteruskan dan bukannya semua *business* pun kena tutup. Kalau kita tetap semua mungkin PKNS pun kena tutup. Tetapi ini memang bukan hasrat kita.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Terima kasih, Kampung Tunku. Ini pendirian kita. Pada prinsipnya ialah kerajaan dan *business* tidak campur aduk supaya kerajaan tumpu kepada soal-soal CSR tetapi oleh kerana kita mewarisi pelaburan-pelaburan yang ada dan tidak mungkin untuk kita jual semua pelaburan ini, sebab itu pengurusan telah diatur dengan baik supaya disatukan dalam satu kelompok dan dikendalikan dengan baik tetapi masih di dalam kawalan Menteri Besar, Dato' SS dan Dato' Pegawai Kewangan Negeri. Satu langkah DEIG ini ialah langkah untuk *consolidated* syarikat-syarikat yang di bawah MBI supaya diuruskan di bawah satu badan yang lebih teratur yang fokusnya kepada *business*. Dalam masa yang sama, MBI akan fokus kepada CSR. Di sini saya nampak dua (2) contoh, di Johor umpamanya dia ada Perbadanan Kemajuan Negeri Johor (Johor Corp.). Johor Corp. ini dikendalikan oleh profesional dan hanya Menteri Besar sahaja yang menjadi *Chairman* kepada Johor Corp. dan Johor Corp. dikendalikan oleh profesional. Ternyata Johor Corp. lebih ke hadapan dalam mengendalikan *business* dan tanpa gangguan kerajaan. Contoh kedua ialah, saya lihat ketika sebelum UMNO kacau Tabung Haji, maksud saya ialah Felda. Felda sebelum ini dikendalikan oleh kelompok profesional yang mana fokusnya ialah memastikan pembangunan Felda dan ternyata aset-aset Felda meningkat. Daripada hari ini bila mana *Chairman* Felda dimasukkan tetapi bila UMNO, Felda menjadi kacau dan kelam kabut. Itulah prinsip, maknanya supaya *business* ini dikendalikan oleh kelompok yang profesional untuk pastikan bahawa kurang gangguan, minimum daripada kerajaan. Tetapi sebagai anggota Dewan kita nak tahu apakah aktiviti-aktiviti *business* yang dikendalikan oleh anak-anak syarikat ini. Cuma kita minta supaya DEIG ini tidak bersaing secara meluas dengan industri yang ada. Jangan monopoli *business-business* di negeri Selangor. Oleh kerana DEIG ini di bawah Kerajaan Negeri, dia ada kuasa penuh yang monopoli *business*. Kalau boleh tidak boleh ada *business* yang dimonopoli oleh DEIG supaya persaingan lebih terbuka kepada *core-core business* yang lain. Itulah, harapan kita supaya DEIG ini terus maju dan terus ke hadapan menyumbang kepada Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Negeri boleh melaksanakan tuntutan CSR yang lain. Tuan Speaker, itulah daripada saya. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Terima kasih, Tuan Speaker untuk mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Penyata DEIG ini. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Menteri Besar kerana menerima saranan JPABAS yang lalu, sidang November 2014 untuk menjalankan konsolidasi aset dan menstruktur semula 74 anak-anak syarikat Selangor. Saya menyambut baik langkah ini. Ini adalah kali pertama MBI menjalankan *asset rationalization*, dengan izin. Walau bagaimanapun, kaedah MBI untuk membuatnya dengan menubuhkan satu syarikat pelaburan DEIG agak membimbangkan. Saya

nak berdiri di sini untuk membangkitkan hanya tiga (3) perkara yang saya bimbang atas penubuhan atau pun *setting* yang kita ada sekarang.

Yang pertama sekali, saya setuju dengan Kampung Tunku bahawa penglibatan kerajaan haruslah terhad di perniagaan dan sebagai contoh, saya sangat bimbang dengan pengumuman DEIG *Request Proposal* di mana DEIG bercadang untuk membuat usaha sama dengan pemaju swasta untuk membangunkan 5000 ekar tanah MBI. Saya tidak nampak sebab kenapa Kerajaan Negeri untuk menjadi pemaju untuk perumahan biasa bukan perumahan mampu milik. Perumahan biasa atau pun *luxury accomodation* di perbandaran yang matang di mana kita memang sudah nampak ada banyak pemaju-pemaju. Arahan DEIG seperti ini untuk melibatkan diri dalam perniagaan agak membimbangkan dan kebimbangan ini dilipat ganda apabila saya tengok ada kekurangan di mekanisma tadbir urus di DEIG. Sebagai contoh, saya bagi satu contoh ialah apakah mekanisma yang sekarang sedia ada untuk memastikan bahawa perjanjian usaha sama dengan *private developer* ini adalah tidak berat sebelah? Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh meyakinkan Dewan yang mulia ini bahawa tanah kerajaan yang digunakan untuk usaha sama ini boleh dimajukan atau dibangunkan dengan baik dan perjanjian usaha sama ini bukan *loop sided* dengan izin kerana memang sejarah kerajaan ada banyak perjanjian terutamanya pada zaman Barisan Nasional terlalu banyak perjanjian usaha sama yang *loop sided*, dengan izin.

Perkara kedua yang saya nak bangkitkan di sini adalah walaupun DEIG berkuasa untuk mengendali RM6.3 billion aset. Ini merupakan tiga (3) tahun bajet negeri kita tetapi tidak seperti MBI yang disekat oleh enakmen MBI, DEIG tidak terhad di bawah mana-mana enakmen negeri untuk membuat pinjaman. Memang dalam soal jawab semalam, Dato' Menteri Besar sudah berjanji bahawa DEIG tidak akan atau tidak ada rancangan untuk membuat apa-apa rancangan tetapi janji tidak mencukupi. Kita mesti ada satu perundangan yang menyekat pinjaman dan institusi yang kukuh perlu diwujudkan untuk memastikan urus tadbir di DEIG adalah baik. Di samping itu, saya juga mendapati bahawa walaupun peranan, apa yang kita tahu DEIG adalah untuk melakukan pelaburan strategik. Setakat ini, apabila kita tengok *Board of Directors*, dengan izin tiada *independent directors*, dengan izin yang dilantik sebagai Ahli Lembaga DEIG terutamanya mereka yang ada pengalaman dalam pasaran kewangan. Kalau DEIG adalah untuk membuat pelaburan, kita kena melantik orang yang ada pengalaman dalam pelaburan. Sekarang saya tidak nampak, Ahli Lembaga Pengarah yang *independent* bukan *executive, non executive* yang dilantik. Keupayaan DEIG untuk mengawal 74 anak syarikat negeri. Ketiadaan perundangan yang melarang DEIG untuk membuat pinjaman serta ketiadaan *independent director* yang berpengalaman di Lembaga Pengarah DEIG adalah satu *combination*, dengan izin yang membimbangkan. Pemusatan kuasa ini, *well power centralization*, tanpa *check and balance* yang ketat akan meninggalkan *loop holes* yang boleh mengakibatkan salah guna wang rakyat. Tanpa mekanisma yang jelas, saya bimbang DEIG akan membuat keputusan pelaburan yang tidak memberi manfaat

kepada negeri. Lebih-lebih lagi saya memang bimbang DEIG akan menggunakan aset RM6.3 bilion untuk mendapatkan pinjaman tunai dan seterusnya membuat pelaburan yang berisiko tinggi kerana sekarang tiada perundangan yang menyekat peminjaman tersebut. Saya berharap Dato' Menteri Besar dan kepimpinan Kerajaan Negeri tidak berasa tersinggung kerana kita bangkitkan isu DEIG ini. Saya nak ulang sekali lagi apa yang Y.B. Hulu Kelang kata, kita bukan mempertikaikan integriti Dato' Menteri Besar tetapi lebih kepada soalan bahawa untuk masa depan apabila kita semua sudah tiada dan pemimpin yang baru mengambil alih, adakah institusi ini cukup kukuh untuk menghalang sesiapa yang berkuasa daripada menggunakan *loop holes* di dalam DEIG untuk keuntungan peribadi. Ini adalah persoalan kita. *Good leader come and go. Only good institution remain*, dengan izin. Oleh itu, saya berharap bahawa sebelum DEIG terus beroperasi, Dewan yang mulia ini, kita akan bersama-sama memastikan institusi kita cukup kukuh untuk mengawal urus tadbir DEIG. *We are talking about RM6.3 billion and 5000 acres*, dengan izin. Pertimbangan ketiga, perkara ketiga yang saya hendak bangkitkan ialah

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, masa sangat banyak tu.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Baiklah. Perkara ketiga yang saya hendak bangkitkan ialah keutamaan kita sekarang haruslah untuk mewujudkan mekanisme akauntabiliti yang baik di bawah MBI. Enakmen MBI sudah ada kelonggaran dan perlu dipinda seperti yang dinyatakan di Penyata. Enakmen MBI perlu dipinda untuk dua (2) perkara.

- i) Memberi mandat kepada Audit Negeri untuk mengaudit setiap tahun.
- ii) Mewajibkan pembentangan laporan tahunan kepada Dewan Negeri.

Kita perlu memantapkan tadbir urus yang masih longgar sekarang di bawah MBI sebelum menambah satu lapisan lagi bagi struktur organisasi yang sedia ada. Walau bagaimanapun, saya percaya penstrukturan semula itu memang baik dari Dato' Menteri Besar. Memang satu *effort* yang baik, saya sokong dan perlu diteruskan di bawah MBI seperti yang dinyatakan. Begitu adalah tiga (3) perkara yang saya nak bangkitkan dan saya berharap bahawa kerajaan Selangor boleh menunjukkan kepada Barisan Nasional bahawa kita bukan kerajaan Barisan Nasional. Kita semangat akauntabiliti dan ketelusan perlu adalah *standard* yang tertinggi. Kita perlu membina institusi yang cukup kukuh untuk memastikan pengendalian tanah awam dan aset rakyat adalah digunakan dengan bertanggungjawab. Sekian sahaja, Damansara Utama menyokong usul dan saranan-saranan Penyata JP-ABAS.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih, Speaker. Seri Andalas nak ambil bahagian di dalam usul yang dibawa oleh Hulu

Kelang di atas peranan DEIG yang telah ditubuhkan di bawah MBI oleh Kerajaan Negeri Selangor. Saya nak bawakan contoh-contoh yang telah pun kita ada di dalam negara kita sebagai khazanah EPF ataupun negeri Pulau Pinang di mana selama ini kita nampak ada beberapa syarikat-syarikat tertentu telah ditubuhkan, gunakan dana-dana yang diberikan oleh kerajaan ataupun aset yang ada di dalam negeri untuk dimajukan ada dia majukan sama-sama ataupun dia majukan diri sendiri juga. Di dalam negeri Selangor ini memang aset tanah ini sekarang satu aset yang mahal macam emas dan inilah tujuannya untuk kita adakan satu syarikat untuk *manage* aset-aset itu yang kita ada dengan teliti dengan ketelusan *and open*, memang ada sejarah sebelum ini di dalam negeri Selangor di mana aset-aset kerajaan telah disalah gunakan oleh kerajaan Barisan Nasional sebelum ini. Saya tak nafikan, tetapi adakah itu akan berhentikan kita dari adakan satu pembaharuan di mana kita boleh gunakan apa yang telah kita belajar dan juga gunakan ini untuk kebaikan negeri Selangor. Saya ingat kalau kita balik kepada contoh-contoh yang kita ada dulu sahaja dan kita tak buat apa-apa. Macam itu sahaja aset-aset yang kita ada dan aset ini tidak akan bawa keuntungan kepada kerajaan negeri Selangor. Kerajaan, mana-mana kerajaan juga kalau tak ada *procumbent industry* ataupun tak ada perolehan yang diberi kerajaan *business* di bawah negeri ataupun negara ini tidak akan maju, *that's it's why procumbent industry is such a big part on parcel of..*

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Minta penjelasan.

Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Untuk bawakan kerja-kerja di dalam negeri. Saya..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Andalas. Damansara Utama minta penjelasan.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya nak tanya Y.B. Seri Andalas bahawa adakah mekanisme-mekanisme Y.B. Seri Andalas sudah menengok apakah mekanisme yang ada DIEG di mana, kita boleh pastikan bahawa pelaburan itu adalah telus. Adakah *mechanism* sudah *emplace* ataupun sudah tidak.

Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya ingat *we are jumping the boat* di sini. Mekanisme itu yang kita minta untuk diadakan memang kita perlukan sebab saya ingat DIEG baru di tubuh, belum lagi dibuat satu *business* pun saya ingat belum dimulakan lagi. So saya ingat cadangan yang dibawa oleh dewan memang saya terima, tak ada masalah to be *transparent to be clear to be open*, adakan syarat-syarat tertentu untuk kawalkan aset-aset yang di dalam negeri. Semua ADUN-ADUN nak aset-aset ini teruskan dan kerja ini diteruskan. *I am not saying no*. Tetapi saya katakan ada contoh di dalam negara kita sebagai khazanah *is doing very well is one the recognize companies* EPF yang ada syarat-syarat tertentu yang ada aset yang besar juga di Pulau Pinang yang buat, banyak program

dibuat di Pulau Pinang saya nampak. Tak ada masalah juga. Tak ada soalan pun ditanya, adakah dia aset dia ada ke dia telus ada ke dia open, saya nampak tak tahu, dia *reclaiming about two hundred over acres of sea land in front of the mosque develop area in* Pulau Pinang. Ada 48 jam dia dapat EIA. Terus. Tak ada masalah *under ground* tanah untuk buat kereta tak ada masalah sebab ini bawakan kebaikan untuk penduduk dalam Pulau Pinang. Kita terus adakan, tak ada soalan yang ditanya pada waktu itu, tetapi saya nak katakan ini ialah satu entiti yang baru yang telah ditubuhkan oleh kerajaan negeri Selangor untuk kita majukan aset yang kita ada untuk kita dapatkan *returns* yang baik di dalam negeri itu. So saya terimalah kalau ada *joint venture*, kalau tak ada *joint venture* ke, ada banyak jenis *joint venture* yang boleh kita buat, yang ada yang memang dengan *joint venture* ini saya nampak banyak keuntungan yang dapat dalam beberapa syarikat kita boleh ambil ya pendirian daripada *joint venture* itu untuk majukan ke depan yang kita tak ada saya nampak dan juga ada *lock sider deals* itu memang ada semua tempat, kalau tak ada *lock sider deals* saya rasa dunia ni tak kita tak nampak yang kemajuan dan saya boleh katakan *if you want hundred percent* jaminan yang akan katakan kita akan selesaikan masalah ini dan kita akan majukan ke depan. *No one can give you hundred percent* jaminan, yang itu yang akan menjadi baik. Tetapi sebagai di dewan ini kita boleh katakan bahawa apa yang saya telah dengar dari di MB, Menteri Besar dalam isu ini kita akan adakan pernyataan-pernyataan dari DIEG di dalam dewan ini kita boleh tengok, terus buka *and we can be transparent* kalau nak tubuhkan *independent director* di dalam DIEG saya terima, saya tak ada masalah dengan *independent director* di dalam syarikat ini untuk adakan untuk jaga kepentingan negeri.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Paya Jaras nak bertanya.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Timbalan Speaker. Y.B. menyebut bahawa ini adalah perkara baru yang terlalu awal untuk kita *jump the boat you just saying just now*. Adakah Y.B. mencadangkan bahawa DIEG *is not to be operated yet until we have complete set of rules are you saying*. Adakah dengan izin ya.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya ingat DIEG ini sudah pun ditubuhkan. Memang dia pertubuhan ini kita nampak adalah caranya akan ditentukan *as we go on is going be finalized, then is done I'm sure is going to be open* dan kita akan ikut apa-apa undang-undang di dalam negeri untuk di pastikan bahawa DIEG ini yang ditubuhkan di bawah MBI akan jadi telus, *open and we are responsible for it*. Kalau tak ada kita dibalik kepada dewan ini untuk tanya soalan dan kita boleh ada beberapa jawatankuasa untuk tengok macam mana keadaan dia. Tetapi saya ingat *we have to give the trust*.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta penjelasan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Kepada negeri untuk kita teruskan dengan apa yang kita telah lakukan ini sebagai satu inisiatif yang ada di dalam negeri Selangor untuk teruskan dengan kemajuan dan macam mana aset kerajaan negeri akan digunakan sepenuhnya...

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN: Penjelasan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Untuk masa depan yang akan datang. Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Nak penjelasan. Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN: Timbalan Speaker, saya ingin penjelasan daripada Y.B. Seri Andalas adakah anda bersetuju bahawa penubuhan DIEG ini adalah merupakan satu persaingan di antara *company-company* ataupun syarikat-syarikat yang sedia ada di bawah kerajaan dan bila ada persaingan sudah tentu DIEG ini adalah bermatlamatkan keuntungan daripada untuk menguruskan sepatutnya di bawah kerajaan negeri.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Di dalam *business* kalau ada persaingan itu lebih baik, ada *competition is better we thought competition*. *So we competition i think* dia orang akan lawan satu sama lain kalau siapa yang akan jadi *the best* di dalam satu situasi itu di dalam semua tempat juga, sama juga saya ingat, so kita bagi ruangnya...

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN: Tambahan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Kalau kita *start* soalkan sekarang belum mereka benarkan apa-apa you soalkan sekarang juga katakan tentang isu ini kita tak ada jawapan kita *we are making pre some sure decision* di atas isu ini sebelum pun apa pun dilakukan itu sahaja yang saya katakan, saya nak habiskan *then you can you* boleh cakap. Saya nak habiskan dulu dan saya ingat itulah sedikit yang saya nak bawa, kita kena berikan masa dan kita kena tengok macam mana keadaan yang pada masa depan kalau ada masalah di timbul dengan apa yang telah dilakukan dewan ini boleh buat keputusan untuk ambil tindakan sewajarnya, tetapi untuk sekarang saya ingat *is best that* ini dilakukan dan tengok macam mana perkembangannya pada masa depan yang akan datang. Terima kasih Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Kinrara ingin memberi sedikit pandangan tentang penstrukturan semula anak-anak syarikat di Selangor terutama sekali saya menyambut baik usaha yang Y.A.B. Menteri Besar dalam penstrukturan semula anak-anak syarikat negeri Selangor dan saya juga ingin

nak pinjam ayat daripada Y.B. Hulu Kelang bahawa saya tidak mempertikaikan kebijaksanaan Y.A.B. Menteri Besar dan juga pengurusan MBI. Saya lihat penstrukturan semula GLC harus bertumpu pada satu *right size sing* di GLC. Ini bermakna bagi syarikat yang berpotensi yang dapat menjana keuntungan pada masa depan haruslah kita majukan syarikat seperti ini dan memberi lebih banyak *resources*. Tetapi bagi syarikat yang ditubuhkan dulunya untuk projek atau satu tujuan yang tertentu tapi tidak sesuai dengan keadaan semasa syarikat seperti macam ini perlu ditutup. Saya ingin nak tanya adakah satu senarai untuk GLC yang perlu ditutup dan GLC yang boleh kita memajukan lagi telah diadakan dan yang kedua saya rasa GLC perlu *back to the core business* atau balik kembali kepada aktiviti asas. GLC tidak perlu menceburi dalam satu bidang yang tanpa pengalaman. Sebagai satu contoh GLC tidak perlu memiliki hospital swasta kerana hospital swasta tidak akan membantu rakyat Selangor untuk meringankan beban kos rawatan atau perubatan kita seharusnya menggesa kerajaan pusat untuk membina lebih banyak hospital awam dan membantu rakyat melalui skim MES dan yang ketiga peranan GLC bukan untuk bersaing dengan syarikat swasta di mana GLC seharusnya memainkan peranan untuk membekalkan satu platform kepada syarikat swasta. Pada sidang yang lepas saya pernah kemukakan satu soalan tentang GLC yang pernah bayar dividen kepada kerajaan negeri. Jawapan yang saya terima adalah hanya KSSB, Kumpulan Semesta yang pernah membayar dividen kepada kerajaan negeri selama 10 tahun yang lepas dari 2004 hingga 2014 dan GLC yang lain semua tidak pernah bayar dividen kepada Kerajaan Negeri. Jadi soalan saya, adakah dengan DIEG adakah situasi ini akan berubah dan bertambah baik. Sekiranya semua kebanyakan GLC tidak membayar dividen kepada kerajaan negeri kenapa kita perlu begitu banyak syarikat, anak-anak syarikat kerajaan negeri. Pada tahun 90 an ada sebuah syarikat besar, Renong Berhad, syarikat ini dah *sacrificed* macam-macam bidang tetapi akhirnya gagal. Walaupun Renong ini adalah sebuah syarikat kroni dan bukan sebuah syarikat GLC, tetapi kegagalan Renong Berhad boleh dijadikan sebagai satu pengajaran. Besar tidak bermakna kukuh. Sekian, terima kasih. Saya menyokong usul ini.

Y.B. TUAN MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker, Sungai Burong ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Penyata Jawatankuasa Pilihan Agensi Badan Berkanun dan Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) bagi Dewan Negeri berkenaan *Darul Ehsan Investment Group (DEIG)*. Tapi sebelum itu terlebih dahulu saya ingin menjelaskan kerana tadi saya tak dapat peluang sebagai Ahli PAC saya duduk di dalam komuniti jadi saya tidak boleh turut serta dari segi etika dalam perbahasan, tapi cuma nak jelaskan sahaja bahawa ya ini sebab ini menuding jari kepada saya sebagai Ahli PAC yang telah menyebabkan kelewatan ..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong DIEG..

Y.B. TUAN MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Itulah, kalau tadi Sekinchan boleh bagi apa ini yang keluar tajuk sikit saya mintalah kalau boleh bagi nak bagi penjelasan

kedudukan saya, saya nak nyatakan bahawa sebabnya bukanlah disebabkan saya apa ini menarik diri daripada dilantik Pengerusi PAC itu menyebabkan kelewatan PAC sebenarnya Speaker mempunyai kuasa untuk melantik serta-merta pemangku yang boleh menggantikan tugas Pengerusi tersebut. Ok saya kembali kepada isu apa ini DEIG ini ya kerana saya akan terus kepada perkara-perkara yang ada di dalam penyata untuk orang kata terus kepada fokus kepada isu yang dibangkitkan oleh penyata terutamanya kenyataan berhubung dengan pandangan-pandangan daripada Jabatan Audit Negeri Selangor yang telah memberikan orang kata perhatian yang serius tentang penubuhan DEIG. DEIG ini walaupun pada asasnya bukan satu perkara yang baik ya, di mana ia bertujuan untuk menyusun semula masalah anak-anak syarikat di mana ia bertujuan untuk menyusun semula masalah anak-anak syarikat ye, di dalam MBI dan kemudian mencari sesuatu strategi baru bagi memberikan nilai ekonomi ataupun *business* yang mampan kepada orang kata anak-anak syarikat di bawah MBI ini. Tetapi kita perlu meneliti dengan mendalam, kita tidak perlu tergesa-gesa dalam penubuhan DEIG supaya apabila ia dilaksanakan nanti ia akan memberikan reputasi dan implikasi yang berjaya kepada kerajaan Pakatan Rakyat itu sendiri. Sesungguhnya saya, sebenarnya memandangi penyata jawatankuasa pilihan yang dikemukakan ini bukanlah tujuan untuk orang kata mempersoalkan kredibiliti, integriti atau kebiasaan Menteri Besar tetapi dengan *request* tentang tanggungjawab untuk melihat apa juga pelaksanaan dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan negeri Selangor ini biarlah orang kata ia dapat menepati matlamat dan tujuan sebenar.

Saya kembali kepada isu 6.1.2. dalam paragraf ini yang menyentuh tentang perlunya kita melihat MBI itu sendiri. Saya sebenarnya hari itu walaupun YAB Menteri Besar kata saya *confuse* tetapi bila membaca penyata ini dengan lebih terang bahawa kalau saya *confuse* maknanya jawatankuasa ini pun sama *confuse* macam saya, tetapi saya kira tidaklah begitu keadaannya. Ya, kalau Sekinchan *confuse* maknanya penyata ini pun *confuse* juga. Jadi sebenarnya penyata ini mempunyai tujuan yang baik ye, kerana kita perlu melihat bahawa MBI ini sebenarnya telah melalui beberapa proses pengemaskinian. Yang pertama; dulu kerana terdapat masalah-masalah wujudnya banyak entiti-entiti di dalam kerajaan negeri Selangor SSI, KEDB, MBI, KDEB di atas MBI dan kemudian ini telah dikemaskan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Dan hari ini di bawah pentadbiran baru, YAB Menteri Besar ingin memperkemas lagi dengan membuat konsolidasi MBI ini. Seharusnya pada pandangan saya kita tumpu kepada apa orang kata kenyataan-kenyataan yang telah bertujuan untuk kita melihat memperkukuhkan MBI itu sendiri. Dan dalam isu ini saya kira tumpuan haruslah diberikan kepada penstrukturan semula anak-anak syarikat di peringkat MBI terlebih dahulu ya, dan tidak perlu tergesa-gesa mewujudkan satu entiti baru yang mungkin akhirnya nanti tanpa tatacara pelaksanaan dan kawalan daripada kerajaan negeri ini boleh menyebabkan ia di luar kawalan. Kebimbangan dan keraguan ini timbul kerana DEIG ini ialah telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat. Kita tahu Akta Syarikat ia tertakluk kepada ye, *Stakeholder* nya ialah daripada Lembaga Pengarah dan ianya tidak ada orang kata

peruntukan undang-undang yang orang kata yang akan mengawal dia dari segi orang kata kedudukannya di negeri Selangor ini. Dari segi bagaimana kita hendak memastikan bahawa bagaimana ia harus kerajaan negeri dari segi undang-undang boleh mengawal dan sebagainya. Kerana itu saya ingin menyarankan bahawa di dalam MBI itu yang telah ditubuhkan di bawah Enakmen Memperbadankan Menteri Besar itu sendiri diperkukuhkan. Kalau tiada peruntukan-peruntukan yang berkaitan seperti mengawal anak-anak syarikat yang ini ya, kita perlu wujudkan pindaan-pindaan kepada peruntukan-peruntukan yang sewajarnya bagi memastikan kawalan kedudukan terutamanya kewangan dan perjalanan anak-anak syarikat itu dapat dijalankan.

Yang keduanya; kita perlu melihat di bawah MBI juga ada anak-anak syarikat di bawah kerajaan negeri Selangor ini juga ada anak syarikat yang telah pun terlibat dalam pelaburan. Contohnya; sudah ada Kumpulan Darul Ehsan. Kumpulan Darul Ehsan pada asasnya merupakan satu entiti pelaburan dan ia pun bersifat sebagai *parent* ataupun kumpulan. Namanya pun Kumpulan Darul Ehsan. Sekarang diwujudkan pula Darul Ehsan Investment Group dan juga satu kumpulan. Mengapa kita tidak melihat kumpulan ini dan biar Kumpulan Darul Ehsan dan kita *consolidate* kan kumpulan Darul Ehsan ini bagi memastikan bahawa ia mempunyai ya, orang kata dasar dan asas nanti untuk melihat orang kata perjalanan anak-anak syarikat pelaburan di negeri Selangor. daripada kita mewujudkan entiti baru yang telah asing. Yang seterusnya kita perlu melihat saranan-sarana daripada jawatankuasa ini dengan seriusnya. Saranan ini pun telah disebutkan dalam perkara 7.1. ya, di mana oleh sebab DEIG akan mendirikan aset Kerajaan Negeri dengan nilai besar maka kerajaan negeri mestilah ya, mempunyai kuasa dari segi untuk mengawal peranan dan orang kata perjalanan anak entiti berkenaan. Kerana itu, sebelum ianya dibentangkan sebelum ianya dilaksanakan maka perlulah ia dibentangkan kepada kerajaan ini secara *detail* tatacara pelaksanaan DEIG ini supaya mengambil kira faktor-faktor yang disebutkan tadi, termasuklah saya kira 5 saranan sokongan yang telah disebutkan dalam penyata ini. Jadi, saya dengan ini menyokong ya, Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Agensi dan Badan Berkanun Negeri berkaitan dengan Darul Ehsan yang dikemukakan ini. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. Batu Tiga ingin mengambil bahagian hanya untuk memperjelaskan ataupun ingin menekankan bahawa Kertas ini dinyatakan ataupun dikeluarkan atas kapasiti pada asalnya yang ingin menyusun semula anak-anak syarikat. Dan saya rasa tidak akan menyentuh tentang isu-isu yang telah disentuh oleh rakan-rakan saya tentang aktiviti perniagaan. Apa yang ingin saya nyatakan di sini perlunya ada, perlu diambil kira syor yang dikemukakan, saya sokong sebab ianya adalah satu perkara yang dikaitkan tentang di manakah kita ingin lihat DEIG atau MBI ini boleh dipertanggungjawabkan dalam konteks ya, satu mereka ataupun MBI ini merupakan

salah satu, satu agensi yang paling besar yang memegang aset-aset kerajaan negeri. Jadi, untuk itu saya ingin mengingatkan di sini, saya rasa DEIG ini ditubuhkan adalah hasil daripada JP-ABAS lepas telah pun kemukakan dan saranan dan akhirnya DEIG itu timbul tetapi persoalannya asas kepada penubuhan MBI perlu kita perbetulkan terlebih dahulu sebelum kita mengambil langkah yang kedua kerana kenapa saya sebut macam ni, sebab audit sendiri telah menegur tidak ada Enakmen di dalam Perbadanan Menteri Besar 1994 bahawa peruntukan untuk membentangkan laporan kewangan dalam Dewan. Kalau itu adalah asas akauntabiliti yang kita ingin kemukakan di dalam negeri itu sepatutnya perkara-perkara pertama yang patut kita perbetulkan terlebih dahulu sebelum kita mewujudkan anak-anak syarikat yang mungkin mengundang permasalahan-permasalahan lain. Seperti mana rakan-rakan saya juga saya menyatakan bahawa kita tidak mempersoalkan tentang keupayaan dan kredibiliti apa yang dibuat di dalam DEIG tetapi kebimbangan kita bila DEIG ini ditubuhkan di bawah Akta Syarikat. Ia bukan ditubuhkan di bawah Perbadanan ataupun di bawah enakmen-enakmen tertentu. Jadi, di manakah pertanggungjawaban yang boleh kita berikan di dalam Dewan nanti jika berlaku apa-apa kepincangan di dalam DEIG. Itu sahaja yang kita ingin angkatkan di dalam Dewan ini supaya syor yang kita katakan itu supaya ada satu Kertas Putih yang lebih baik dibentangkan supaya sama-sama kita teliti dan kita puas hati bukan sahaja DEIG boleh diaudit malah MBI sendiri patutnya boleh kita audit kerana duit yang ada, aset yang ada di dalam MBI yang begitu banyak yang ianya adalah milik rakyat Selangor sendiri. Jadi, itu sahaja yang saya ingin tambah, saya mengharapkan supaya kita sama-sama menyokong apa

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Speaker

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: supaya kita-kita sama-sama menyokong apa yang dirancangkan.

TUAN SPEAKER: Mohon mencelah Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Mencelah ke nak

TUAN SPEAKER: Selepas Batu Tiga, okey. Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ingin memberi sedikit ruang daripada pembentangan Jawatankuasa yang di bawa oleh Hulu Klang. Terima kasih memberi peluang kepada Jawatankuasa yang membuat, apa ni, laporan ini dan pada biasanya memang jarang sekali DUN, ADUN-ADUN Pembangkang ini boleh bersetuju dengan saranan tetapi kali ini kita melahirkan bersetujunya kita sebab kita melihat beberapa perkara yang perlu dilihat di dalam apa ni, Kertas yang dicadangkan ini. Mungkin pandangan yang saya nak utarakan ini tak banyak beza ataupun sebagai sedikit tambahan daripada apa yang telah disahut sebentar tadi oleh rakan-rakan daripada wakil kerajaan

sendiri dan juga daripada jawatankuasa. Bahawa sebenarnya daripada sudut ini boleh kalau kerajaan negeri nak bawa usul dahulu untuk pewujudan, apa ni, DEIG ini ataupun sebagaimana yang berlaku sekarang dah diwujudkan dahulu tetapi jawatankuasa membuat semakan dan laporan daripada jawatankuasa ini sepatutnya memang perlu dilihat kerana penubuhan ini mempunyai implikasi yang sangat besar ya. Saya fikir ini satu keputusan yang sangat besar yang akan memberi kesan bukan sahaja kepada kerajaan negeri tetapi juga hak dan juga rakyat negeri Selangor. Saya melihat dalam laporannya yang disediakan di sini sahaja saya ambik contoh agak terlalu awal untuk diwujudkan ataupun diberikan RFI dan juga Ref B untuk 5000 hektar tanah milik MBI. Sedangkan belum ada lagi perlindungan dari segi undang-undang sebagaimana yang dibangkitkan oleh rakan-rakan saya daripada pihak kerajaan juga daripada pihak pembangkang belum ada lagi satu yang jelas, lagi pun Batu Tiga sebut tidak ada Enakmen mengawal bagaimana sebuah syarikat yang diwujudkan akan mengawal 5,000 hektar, ini satu contoh dan dalam laporan ini juga ada menyebut ada 20 ke-30 bilion nilai yang akan diuruskan oleh sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah syarikat perniagaan yang tidak ada langsung kawalan daripada pihak kerajaan negeri barangkali ataupun daripada pihak Dewan yang tidak akan dapat apa-apa laporan.

Jadi, kita melihat pengalaman-pengalaman sama ada, kita secara terbuka, walaupun kita pihak pembangkang, kita boleh melihat pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dalam seluruh negara kita, ada yang berjaya, ada yang berjaya di peringkat awalnya gagal kemudian, ada yang gagal kemudian dan seterusnya gagal, menanggung berbagai bentuk risiko dan akhirnya saya amat bersetuju dengan cadangan Kertas ini supaya tidak menjadi satu kesalahan pun kepada pihak kerajaan sekiranya ke belakang sedikit, membentangkan laporan-laporan yang lebih jelas dari segi enakmen, peruntukan, kawalan dan sebagainya supaya walaupun telah disebut oleh rakan-rakan yang lain, sebenarnya saya bangun ini untuk menzahirkan juga kebimbangan daripada pihak pembangkang terhadap cadangan-cadangan ini dan bila telah diputuskan oleh pihak Dewan, telah dikemukakan, sekiranya didapati perkara ini boleh diteruskan, jadi saya fikir bolehlah kerajaan negeri meneruskan. Jadi, saya mencadangkan supaya laporan ini ada juga laporan daripada Audit Negeri Selangor dan sebagainya, tadi daripada Sungai Burong sebut, dah macam-macam komen yang diberi, jadi, saya fikirlah kalau boleh kerajaan negeri mengambil kira pandangan-pandangan ini sebelum dilaksanakan. Jadi, Tuan Speaker, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN: Terima kasih Puan Speaker. Saya juga ingin mengambil bahagian beberapa perbahasan penyata jawatankuasa pilihan ini berkenaan DEIG. Sebenarnya perkara pun dikatakan, tetapi perlu juga diletakkan atas rekod beberapa pandangan dan saya seperti banyak Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini pun ingin berkata kita tidak menyoalkan integriti ataupun *capability*

mana-mana individu yang memegang *position* sebagai *director* dan pegawai di MBI ataupun di DEIG tetapi melihatnya secara sistem dan struktur *set up* yang diperkenalkan ini. Saya hanya akan membawa empat (4) perkara.

Isu akauntabiliti kepada Dewan sebagai *check and balance* dan untuk memastikan generasi-generasi pengurusan DEIG yang akan datang akan sentiasa telus dan tidak berlaku apa-apa salah laku ataupun *re-investment* yang terlalu *risky* dan sebagainya. Jadi, cadangan ini telah diberikan oleh beberapa ADUN sebelum ini dan saya menyokong bahawa kita perlu ada satu laporan tahunan kepada Dewan yang mulia ini seperti mana sesetengah perbadanan yang kita sudah ada membuat laporan kepada Dewan, jadi, satu laporan kewangan yang terperinci patut dibentangkan sekali setahun, laporan yang telah diaudit oleh *auditor* luar supaya kita dapat melihat perkembangan syarikat ini.

Yang kedua ialah objektif jangka masa pendek dan panjang syarikat ini ialah apakah rancangan ataupun *investment policy* bergerak ke hadapan. Pernah dikatakan beberapa kali bahawa dengan *set up* syarikat sendirian berhad DEIG boleh melakukan pinjaman. Adakah industri yang kita hendak memasuki sudah dikenal pasti? *When we borrow* untuk membuat *investment* baru? Adakah kita sudah memilih industri apa yang kita ingin masuk *because* industri itu cukup banyak dan jika DEIG sekarang membuka pintu untuk memasuki pelaburan yang baru (pelaburan yang berhasrat baik) untuk menjana pendapatan yang lebih untuk kerajaan negeri supaya kita boleh membuat lebih banyak program untuk membantu rakyat. Tetapi bila kita boleh membuka pintu dengan lebih luas, pasti ada ramai dari pihak luar yang akan datang dengan cadangan-cadangan yang nampak menarik. Itu *i am a flow no doubt. Many external parties will come in*. Dia akan membawa *proposal-proposal* dia nampak cantik, dia akan membawa cadangan-cadangan kerjasama (*joint venture*) dan sebagainya. Bukan saja di bidang hartanah tetapi mungkin untuk industri-industri lain. Jadi, apakah *investment policy* DEIG bergerak ke hadapan dan kalau boleh kita perlu letakkan dia di dalam satu enakmen, satu *set in stone* (dengan izin) supaya kita boleh mengawal bila kita bergerak ke hadapan bahawa kita *stick to the original objective of* penubuhan sesuatu *investment holding companies* seperti DEIG.

Yang ketiga ialah dividen polisi. Selalu kita mendengar jawapan kepada soalan berkenaan dengan dividen seperti yang dikatakan Kinrara seperti tadi bahawa hanya Kumpulan Semesta (dalam beberapa tahun yang lepas) yang membayar dividen kepada kerajaan negeri Selangor. Jadi, aset yang ada di tangan MBI sekarang adalah satu aset yang berjumlah besar, satu dividen polisi perlu diwujudkan supaya daripada tahun hadapan bergerak. Kita perlu ada satu. Mungkin 40% daripada keuntungan ataupun 30% daripada keuntungan perlu dikembalikan kepada kerajaan negeri Selangor dan ini akan *set the accountability*. Kita kena lihat setiap tahun pulangan. Kalau dividen kurang ni, senang kita kesan (kenapa dividen boleh kurang, kenapa dividen tidak menaik tahun ke tahun). *So, dividend policy should be put in*

place untuk memastikan bahawa kita mendapat satu pulangan yang adil kepada kerajaan negeri dan kepada rakyat.

Akhir sekali, Y.B. Sungai Pinang membawa satu soalan yang sangat menarik tadi ialah peranan kerajaan dalam perniagaan. Antara pelaburan dan perniagaan, apa yang kita hendak buat dan apa yang kita nak *get out of* seperti yang dibawakan oleh beberapa ahli dewan sebelum ini juga apakah jenis perniagaan yang kita tidak sepatutnya terlibat. Pada pandangan saya, yang jelasnya kita tidak haruslah terlibat dalam perniagaan yang bersaing dengan syarikat-syarikat yang sedia ada di negeri Selangor. Kalau ada perniagaan yang berkhususkan keuntungan, katakan seperti *property development yang high end which is already profitable* dan terdapat banyak syarikat luar yang terlibat di dalam perniagaan ini. Saya rasa (pada pandangan saya), kerajaan negeri tidak seharusnya menjadi *player* kelima, keenam ataupun kesepuluh di dalam industri seperti ini. Tetapi ada juga industri ataupun sektor di mana tidak *profitable* untuk mana-mana syarikat membuat satu perniagaan. Contohnya kalau nak buka *land field* yang baru mungkin kalau diminta pasaran terbuka untuk buat *land field* tak mungkin bahawa *then you need* kerajaan negeri memasuki untuk melakukan *the field the get* di mana tak ada *market forces* yang *market forces* tidak menarik untuk syarikat swasta. Itu pandangan saya. Tetapi akhirnya, tidak kira apa pilihan DEIG untuk menceburi/untuk menjana pendapatan bagi kerajaan negeri Selangor, kita balik kepada asasnya 'akauntabiliti'.

Pada hari ini, saya rasa semua Yang Berhormat ahli-ahli ADUN di dalam Dewan ini bukan hendak bangun untuk menyoal integriti individu-individu yang memegang *position* di dalam syarikat ini. Itu bukan hasrat kita. Tetapi, kita ingin melakukan/menyuarakan supaya satu sistem *check and balance* kita bina daripada awal. Walaupun Seri Andalas betul (DIG belum mula perniagaan), tetapi daripada permulaannya amat penting (daripada permulaannya). Sebelum transaksi pertama bermula, satu sistem integriti *check and balance and accountability* ini mesti dibina ke dalam DEIG supaya dia akan di *save guarded* bergerak ke hadapan. Itu saja. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin memberi pandangan saya tentang penyata JP-ABAS tentang DEIG.

Memang kita (rakyat Selangor, Adun-adun), kita sokong tentang pembaharuan ataupun nak memajukan negeri Selangor. Tetapi, DEIG pada mulanya dalam Bahasa Inggeris (izin) dia dah mula *on the wrong foot thing*. Saya nak tanyalah Adun-adun di sini, bila kita tahu tentang wujudnya DEIG? Saya pun tanya kawan-kawan "kami semua tak tahu". Ini satu syarikat/satu *restructure* yang penting sepatutnya benda ini dibentang dulu kepada Adun-adun sebab di Dewan yang mulia ini berhak untuk mendengar sesuatu *restructure* yang penting untuk negeri Selangor.

Itu yang saya nak. So, kita nak mempertikaikan *where is their transparency* pada permulaannya? Bukan kita nak menyekat/bukan kita nak persoalkan kebijaksanaan Menteri Besar dan juga kerajaan negeri Selangor untuk memajukan negeri Selangor.

Yang nombor dua, saya nak tahu. Kita ada satu *structure* yang dah ada (MBI, syarikat-syarikat GLC). Adakah satu jawatankuasa telah dilantik untuk mengenal pasti kegagalan / kelemahan syarikat-syarikat atau MBI yang ada? Sepatutnya syarikat yang ada ataupun *structure* yang ada kita kena pasti dan kita kena memperkukuhkan/membaiki *rather than* membuat satu *fickle* yang baru yang kita tak tahu pada masa depan dia akan baik ke ataupun berjaya ke.

Pada pendapat saya, saya seorang negeri Selangor pun saya berhak nak tahu yang *company* baru ini mana hala tuju *company* baru ini, mana dia punya *transparency*. Kita tak mahu syarikat ini jadi *another* 1MDB. Itu yang penting. Sebab syarikat ini ditubuh atas nama syarikat. Nama syarikat itu terpulang kepada syarikat nak mengemukakan penyata ataupun *business*. Sebab itu hak syarikat. Tetapi, kita sebagai Adun, Dewan dan rakyat negeri Selangor adakah kita berhak untuk mengetahui aktiviti-aktiviti ataupun keuntungan/kerugian syarikat yang akan diwujudkan. Itu saya nak beri satu pandangan sebagai ialah *ex corporate person* yang telah ada berkecimpung dalam *public listed company*. Ini salah satu benda yang (saya ingat) kita kena (apalah) mengambil perkara ini dengan serius dan saya ingat sebelum syarikat baru ini (DEIG) memulakan perjanjian atau kita kena kenal pasti syarikat ini dengan sepenuhnya. Apa dia punya objektif, apa dia punya syarikat punya *constitution, what is the co-business and how is continual*. sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras. 5 minit boleh?

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Boleh Tuan Speaker. Terima kasih banyak. Paya Jaras ingin mengambil bahagian dalam perbahasan penyata berhubung kait dengan DEIG. Sebelum saya pergi jauh.

TUAN SPEAKER: 5 minit tak boleh pergi jauh.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Baik, baik. Kita dengar ini perbahasan daripada Adun-adun. Saya mendengar perbahasan daripada Adun-adun kecuali Seri Andalas. Yang lain memberi pandangan yang agak kurang selesa dengan kewujudan DEIG ini. Tidak/kurang selesa. Dan kita lihat, kita tidak mahu DEIG ini bermula dengan tidak betul seperti FGV menghadapi krisis imej yang buruk sehingga memberi kesan yang besar dan sebegitu juga dengan 1MDB yang meletakkan orang yang salah di tempat yang salah dengan transaksi yang salah yang menyebabkan imej yang agak susah untuk dibetulkan yang memberi kesan kepada kerajaan persekutuan. Kita bimbang itu.

Saya melihat penyata yang dibentangkan oleh jawatankuasa dan agak sedikit terganggu dengan perakuan yang dibuat oleh yang ada di muka surat 4 yang disebut 'perakuan MBI'. Yang pertamanya DEIG mengaku bahawa MBI membentuk (DEIG ini dibentuk) kerana syarikat-syarikat yang ada di bawah MBI sebanyak 74 itu mempunyai pelbagai strategi yang tidak selaras dengan objektif penubuhan syarikat. Adakah kita memberi signal kepada rakyat bahawa GLC kita seramai 74 ini semuanya kita tidak yakini, mereka menghadapi krisis keyakinan dan mereka berada di landasan tidak betul. Ini perakuan MBI. Yang kedua, dalam perakuan MBI ini juga mengatakan bahawa di para 4 DEIG berperanan menandingi MBI daripada tindakan undang-undang. Adakah kita memberi signal juga kepada rakyat bahawa MBI lari daripada tanggungjawab undang-undang sehingga perlu mewujudkan DEIG sebagai benteng pertahanan undang-undang mereka?

Sebab itulah saya melihat hari ini bahawa struktur yang ada ini adalah di bawah (DEIG ini ditubuh di bawah Akta Syarikat 1965). Kalau ditubuh di bawah Akta Syarikat 1965 bermakna dia boleh disaman dan dia boleh menyaman. Kalau DEIG ini boleh disaman atas apa sebab sekalipun, bermakna mereka juga tertakluk kepada kesan untuk dilikuidasikan DEIG ini (mungkin Pegawai Undang-Undang boleh betulkan) kerana dia Akta Syarikat. Kalau DEIG ini takdirnya di satu peringkat nanti diletakkan dalam likwidasi, bagaimana struktur keadaan anak-anak syarikat yang ada? Kerana dalam struktur di lampiran ini diletakkan secara langsung bahawa MBI, DEIG dan di bawahnya anak-anak syarikat. Sudah tentu kesan daripada tindakan undang-undang itu memberi kesan kepada syarikat-syarikat yang lain.

Yang seterusnya, saya melihat bahawa saya mendengar sekarang ini ada polisi daripada kerajaan bahawa semua urusan niaga pelaburan ataupun pembangunan harus dibawa kepada DEIG. Apakah kita nak nyatakan bahawa DEIG ini ia betul ada Adun kita menyatakan bahawa ini persaingan sihat. Bagaimana kita nak bersaing kalau DEIG ini berada di atas anak syarikat yang lain? Mungkin berbeza pandangan Adun sekiranya DEIG ini duduk setara dengan GLC yang lain (dengan GLC duduk setara). Tetapi struktur yang dibentangkan dalam penyata ini menunjukkan bahawa DEIG ini lebih di atas daripada GLC yang lain. Kalau DEIG ini berada di atas, saya yakini tidak ada anak syarikat lain yang mampu bersaing dari segi *business* (kalau kita bandingkan dengan DEIG). Dengan sebab itu dengan nada yang ada pada hari ini, dengan suara yang ada hari ini, dengan keadaan yang kita tidak tahu. Speaker, saya rasa Adun-adun ini boleh menyokong kalau mereka diberitahu awal. Sekarang ini kita diberi secara *surprised* (dengan izin) melalui usul dan penyata dalam Dewan ini. Kita tidak tahu siapa GLC ataupun Lembaga Pengarah, kita tidak tahu latar belakang mereka, kita tidak tahu bidang kuasa mereka, kita tidak tahu ia ada dalam penyata menyebut aset-aset DEIG tidak boleh dijual tanpa kebenaran MBI, ini bukan prinsip akta syarikat. Akta syarikat mempunyai kuasa mereka menjalankan urusan harian, mereka mempunyai kuasa menjual aset, mereka juga mempunyai kuasa untuk memindah milik aset, ini kuasa Akta Syarikat. Jadi saya tidak tahu di mana logik sebenar dalam penyata ini mengatakan bahawa DEIG tidak boleh menjual atau

membuat sebarang urusan tanpa kebenaran MBI. Dengan sebab itu saya yakin saya minta penyata ini dilihat balik, dan saya yakin nada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri adalah bentang dulu pada kita supaya kita tahu, atau kita juga nak tahu kerana ini menyebabkan aset yang terlalu besar dan saya minta, saya menyokong penyata ini dengan tindakan. Ini adalah penyata, betul. MBI mempunyai kuasa mereka, ini penyata dalam dewan tetapi suara kita dalam Dewan adalah, kita minta DIEG dilihat semula supaya tidak meletakkan seolah-olah anak syarikat kita ini teruk sangat, tak boleh harap dah anak syarikat kita ini. Semua *running at loss*, tidak boleh nak urus sendiri tidak reti buat keputusan, ada tanah pun bagi pada DEIG kita tidak boleh, kita memberi *signal* kepada rakyat bahawa anak syarikat ini adalah *useless* dengan izin. Dan kita tidak boleh benarkan ini berlaku kerana kalau anak syarikat kita ini mempunyai objektif yang tersasar, kita betulkan objektif mereka, kalau objektif kalau tanah tidak diurus, kita betulkan objektif mereka tetapi meletakkan DEIG ini menimbulkan satu persoalan yang besar. Mengapa, mengapa dan kenapa DEIG ini diwujudkan di atas anak syarikat anak syarikat yang lain. Saya minta Dato' Menteri Besar, Yang Amat Berhormat, mendengar rintihan daripada Adun-adun, mengambil pandangan Adun-adun, mengambil posisi, Akta 1965 yang mana Akta Syarikat ini tidak memberi kekebalan langsung kepada DEIG ini yang mana satu hari nanti tidak mustahil ia boleh ditutup dan dibankrapkan dan tak di bawah ekurasi. Paya Jaras menyokong penyata ini.

TUAN SPEAKER: Sekinchan 5 minit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker, saya juga turut ambil bahagian dalam perbahasan DEIG, di mana saya khusyuk mendengar rakan-rakan saya dalam mengambil bahagian dan memberi pencerahan idea pandangan kekhuatiran tentang DEI ini. Dan saya ingin menyatakan di sini bahawa, soal DEIG dan sekarang MBI yang ada sekarang ini, saya dapat jawapan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semalam, DEIG hanya akan beroperasi betul pada suku yang pertama tahun 2016. Dan ini mungkin dalam permulaan dan saya mengambil sikap yang agak positif dan pandangan bersangka baik bagaimana untuk mengurus tadbir satu entiti seperti DEIG dijadikan satu anak syarikat yang betul-betul yang mempunyai hala tuju yang tepat yang membawa harapan baru dan memberi amanah tentang membawa asetnya dengan amanah jaga betul-betul asetnya itu saya mahu begitu, saya tidak mahu satu syarikat yang macam dulu MBI seperti yang diberi ditegaskan oleh mantan Menteri Besar Pelabuhan Klang, beliau menyatakan beliau berjaya bawa MBI daripada disorok dalam KDEB dan dikeluarkan supaya bertanggungjawab kepada Dewan, tapi apa yang beliau nyatakan itu tersasar juga. Saya beri contoh, saya beri contoh apabila Dewan dimaklumkan diminta menyokong satu pinjaman sekitar RM400 juta, RM400 juta berapa tahun yang lalu, untuk setahun untuk membeli aset-aset tanah-tanah Kumpulan Hartanah Sdn Bhd dan dengan bayaran dividen 4% lebih kurang begitu ketika ADUN juga sangsi kluatir boleh dibayar balik ke tidak. Melalui Dewan terang-terang tak sorok pun. Kononnya ketelusan, kononnya bertanggungjawab tapi saya nak tanya sekarang, duit itu sudah

bayar ke belum? Setahu saya duit belum dibayar. Dan 2 tahun dan bukan setahun, dua tahun lebih dah. Dan menunjukkan apa yang pentingnya bukan soal ketelusan yang dinyatakan kita kena buat betul-betul mempunyai anjakan paradigma yang betul. Cakap serupa bikin, bukan cakap tak serupa bikin, ini yang saya hendak tegaskan. Cakap serupa bikin jangan suka-suka *u-turn*, ini penting jadi saya minta Tuan Speaker dalam konteks DEIG ini kita bagi masa kepada Kerajaan Negeri Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, bersusun supaya bagi penerangan yang jelas kepada Ahli-ahli Dewan tentang hala tuju dia, supaya jelas Ahli-ahli Dewan boleh jelas supaya kita faham, bagaimana pelaburan tentang DEIG ini, dan saya juga ingin menyatakan dalam Dewan yang mulia ini, MBI sebelum ini pun tidak diurus dengan baik jadi MBI ini kenalah kalau tiada kemampuan kita perlu buat sesuatu rombakan jadi DEIG mungkin satu antara alternatif. MBI setahu saya dalam 7 tahun tak ada sebarang pelaburan pun diceburi, tak ada. Tanah-tanah dibiarkan semak samun, tidak tahu menjana pendapat untuk MBI yang ada hanya bayar gaji untuk *staff* sahaja dan kemudian bayar 2.7 untuk pampasan. Itu MBI kononnya telus, ini pun satu masalah juga. Kita kena ambil pengiraan daripada *my expectlah* untuk kita menuju masa depan menuju harapan baru yang penting saya tegaskan amanah. Kena amanah, kalau tak amanah cerita telus pun cakap sahaja. Dalam petang ini saya tegaskan, saya harap DEIG yang hendak saya menyokong DEIG yang ditubuhkan tapi kita minta prinsip amanah, diterap supaya hala tuju dia jelas jangan tersasar jangan suka buat *u-turn*. Sekian sahaja terima kasih.

TUAN SPEAKER: Pembahas terakhir, Teratai 3 minit.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Speaker, kerana membenarkan Teratai untuk berbahas berkenaan DEIG ini. Ahli Yang Berhormat di sini saya nampak sepanjang hari kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat telah berbahas berkenaan *concern* dengan izin atas penubuhan DEIG ini. Bagi Teratai sendiri, Teratai hanya tahu berkenaan DEIG ini, seminggu mungkin sebelum Sidang Dewan ini bermula, saya sesungguhnya percaya ada ramai antara Yang Berhormat di sini memang dalam kegelapan atas penubuhan DEIG ini. Semalam kita baru meluluskan satu Rang Undang-undang berkenaan dengan enakmen untuk mengawal ataupun membantu skim Tawas jadi Teratai tidak nampak atau apakah alasan ataupun sebab supaya DEIG ini ditubuhkan tanpa dikawal satu enakmen secara yang betul dan munasabah. Kalau skim Tawas kita boleh dikawal di bawah enakmen, bagi DEIG ini melibatkan pengurusan aset dengan aset-aset yang dengan anggaran harga pasaran RM20 bilion hingga 30 bilion itu saya sesungguhnya dan menyeru Kerajaan Negeri haruslah mendraf satu undang-undang ataupun enakmen supaya mengawal DEIG ini. Teratai baca penyata ini, yang mana secara jelasnya DEIG menyatakan bahawa mereka akan menjana keuntungan dengan melaburkan pengurusan dan pembangunan hartanah dengan melibatkan dalam perlombongan galian dan mineral. Dalam pengurusan itu sisa pepejal dan pemerksaan media dan komunikasi lebih-lebih lagi satu lagi dalam pengurusan pendidikan dan sebagainya. Bagi Teratai ini secara semua kategori ini adalah melibatkan sebahagian besar daripada pasaran

industri dan komersial. Jadi di sini Teratai tidak nampak apakah alasan yang kukuh untuk penubuhan DEIG ini. Teratai juga terbaca daripada cadangan Jabatan Audit Negeri Selangor, walaupun adalah mustahak untuk Kerajaan Negeri Selangor untuk membuat penstrukturan semula anak-anak syarikat di Negeri Selangor tetapi ini tidak bermakna kita harus ataupun terpaksa untuk menubuhkan satu syarikat yang baru supaya dengan tujuan untuk menstrukturkan semula anak-anak syarikat di Negeri Selangor. Teratai juga menyokong apa yang dinyatakan Yang Berhormat yang mana di sini kita nampak DEIG ini, dia bukan sahaja melibatkan dalam pelaburan bah kan kata kan dapat bersaing dengan yang lain, dengan adanya DEIG ini yang mengikut struktur carta organisasi MBI di mana syarikat ini atas paras di syarikat-syarikat yang lain, jadi macam mana saingan dapat berlaku di pasaran sekiranya syarikat ini satu-satunya yang dapat kita kata paras yang lebih tinggi daripada syarikat-syarikat yang lain. Kajian di Negeri Selangor selalunya kita menguar-uarkan di mana Yang Berhormat Sekinchan katakan amanah, ketelusan kecekapan akan tetapi dalam kes ini Teratai tidak nampak masa dalam kegelapan atas macam mana syarikat ini dapat berfungsi dengan baik ataupun dapat menjalankan tugas ataupun selaras dengan polisi Kerajaan Negeri sebab apabila Teratai membaca penyata ini sehingga masa kini, DEIG tidak mempunyai strategi yang jelas, bagaimana untuk menstrukturkan anak syarikat yang tidak menjana keuntungan dan begitu juga, seperti mana yang telah diketengahkan bahawa DEIG ini ditubuhkan MBI dapat dilindungi daripada tindakan undang-undang, bagi Teratai sekiranya kita bersalah kita haruslah menghadapi tindakan akan tetapi bukan kita kena menubuhkan sesuatu yang lain dan mengelakkan diri daripada dikenakan apa-apa tindakan undang-undang sekiranya kita betul, kita harus berani untuk berhadapan ke mahkamah dan kita Teratai yakin kita akan menang kes dalam mahkamah sekiranya kita bertindak dengan betul. Teratai juga menyatakan di sini daripada penyata yang dikatakan di sini, DEIG tidak menyatakan mereka tidak akan pindah milik ataupun aset MBI atau anak syarikatnya tidak akan dipindah milik hanya katakan mereka tidak pindah milik sebab menimbulkan kos percukaian dan setem yang tinggi. Akta syarikat 1965 secara nyatanya membenarkan pindah milik aset berlaku. Dan ini hanya merupakan satu ayat daripada penemuan daripada jawatankuasa sahaja dan Teratai di sini memang dalam kegelapan apakah perbezaan antara DEIG iaitu Darul Ehsan Investment Group dengan Selangor Investment Corporation sebab di sini kita ada sudah ada Selangor Investment Corporation sekarang kita ada Darul Ehsan Investment Group kedua-duanya membawa nama negeri Selangor dan saya sesungguhnya percaya kita haruslah membawa polisi Kerajaan dengan mengamalkan sikap cekap, amanah dan telus dan berbeza dengan ini.

TUAN SPEAKER : Dah habis masa Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Ya Teratai menyokong usul yang dibawa. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Baiklah saya mempersilakan pihak Kerajaan jika ingin mengulas.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Pertama saya hendak ucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah terlibat secara aktif dalam membahaskan penyata yang telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Abbas berhubung pembentukan Darul Ehsan Investment Group dan bagi saya penglibatan aktif Ahli-ahli Yang Berhormat menunjukkan minat mereka yang cukup tinggi untuk memastikan apa juga inisiatif dan usaha yang diambil oleh Kerajaan itu akan ditadbir dan diurus dengan baik dan akhirnya akan mencapai matlamat asal dan memberikan kesejahteraan dan kebaikan kepada rakyat di Negeri Selangor ini secara keseluruhannya. Saya juga ucapkan terima kasih kepada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang apabila memulakan perbahasan mengatakan janganlah tersinggung, kami mempertikai kredibiliti dan integriti Dato' Menteri Besar. Saya tidak tersinggung sebab itu saya menyambut baik teguran pandangan kerana itu akhirnya akan memberikan suatu cerminan bahawa kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor ini berbeza dengan di peringkat Persekutuan. Dan saya nak memulakan penggulungan pada petang ini ataupun respons saya dengan mengatakan dengan izin Tuan Speaker saya secara peribadi dan juga kerajaan negeri *we will continue to subscribe to the highest from governance* dalam negeri Selangor ini *insya-Allah*. Namun dalam keghairahan kita membentangkan penyata ini oleh Yang Berhormat Hulu Kelang dan kemudiannya disokong oleh Kampung Tunku. Kita perlu berhati-hati. Saya mahu pembentangan kita dan apabila penyata ini disokong ia nya harus berdasarkan kepada fakta bukan kerana ada skrip dan pengaruh daripada luar yang diarah untuk kita menyokong ataupun membuat sesuatu keterangan. Sebagai contoh saya nak menyatakan kerana sebahagian besar telah dijawab semalam dan beberapa syor ini akan saya jawab seperti yang ditetapkan oleh peraturan dewan secara bertulis untuk sesi yang akan datang. Tetapi sebagai respons awal, pada muka satu telah dinyatakan dengan jelas secara bertulis, latar belakang DEIG dan siapakah keanggotaan DEIG. Ada lima orang. Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi. Tetapi yang dibentangkan, yang disokong memberi gambaran seolah-olah ada tiga sahaja lembaga pengarah dan mula main sentimen di mana ada *check and balance* kalau hanya tiga lembaga pengarah. Jadi saya berharap dalam keghairahan kita untuk mendapatkan penjelasan daripada kerajaan negeri kita juga harus berlaku adil dalam pembentangan tersebut.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker hendak menjelas. Apa yang diperkatakan oleh Dato' Menteri Besar memang betul, tapi apa yang kita tulis di sana yang tiga orang itu jawatankuasa memandang serius pelantikan jawatan yang tiga orang itu adalah perakuan daripada MBI bahawa tiga orang sahaja dalam sebagai lembaga ahli lembaga pengarah. Masa dia di pendengaran tertutup. Apa yang kita tulis di sana adalah perakuan MBI.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tak ada saya akan semak keterangan yang diberikan di dalam jawatankuasa yang berkenaan tetapi di segi logiknya tidak

mungkin Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi tampil dalam jawatankuasa ini dan memberikan keterangan sedemikian. Walau bagaimanapun saya akan semak untuk memastikan maklumat ini tepat dan walau bagaimanapun pada muka surat satu telah pun dinyatakan ada lima Lembaga Pengarah. Yang keduanya, Yang Berhormat Kampung Tunku mengatakan DEIG sebenarnya telah pun memulakan operasi bercanggah dengan keterangan dan jawapan saya semalam semata-mata kerana DEIG telah pun memanggil RFI dan juga RFP Request For Information dan Juga Request For Proposal. Ini satu lagi kenyataan yang tidak tepat kerana RFP dan RFI yang dipanggil itu bukan oleh DEIG, ianya dipanggil oleh MBI struktur yang sedia ada berdasarkan aset-aset MBI. Tidak terlibat DEIG kerana DEIG akan hanya beroperasi pada awal tahun 2016.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Nak mencelah, *request for information* ada di *The Edge advertisement* yang di bawah nama DEIG bukan MBI. Boleh jelaskan Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Sebab itu saya nak jelaskan aset-aset yang dipanggil untuk RFI ini dan RFP adalah aset-aset MBI. Bukan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Ya, tetapi *advertisment* itu adalah di bawah nama Darul Ehsan Investment Group. Boleh Dato' Menteri Besar jelaskan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang saya diberikan mereka meletakkan kedua-duanya logo MBI dan DEIG tetapi saya tegaskan dalam dewan ini aset-aset yang dipanggil bagi tujuan RFI dan RFP adalah aset-aset MBI kerana DEIG belum lagi memulakan operasi dan terlibat lagi dalam sebarang transaksi. Itu yang kedua. Yang Berhormat Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ah... Kampung Tunku biar Bukit Antarabangsa habiskan dulu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ok. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya juga ingin mengambil sedikit masa untuk memberikan sedikit penjelasan. Ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa kerajaan tidak harus terlibat dalam perniagaan. Umumnya memang saya bersetuju kerajaan tidak sewajarnya melibatkan dalam bidang perniagaan. Tetapi ada sektor dan bidang-bidang tertentu yang kerajaan mesti mengambil minat dan mengambil inisiatif supaya kepentingan rakyat itu dapat dipelihara. Kalau keseluruhannya diserahkan kepada pasaran dan juga pihak swasta maka kita akan menghadapi masalah bahawa mereka hanya akan memikirkan soal keuntungan dan mereka tidak memikirkan soal sosial *responsibility*. Sebagai contoh kerajaan harus menjaga aset-aset milik kerajaan negeri ini bagi memastikan soal perumahan kos rendah, perumahan mampu milik itu dapat disediakan bagi kepentingan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Pengalaman kita selama hari ini apabila tanah-tanah kerajaan negeri yang diberi milikan ataupun dibuat secara usaha sama dengan pihak swasta yang tidak dikawal apa yang berlaku ialah mereka akan membina rumah-rumah yang bernilai tinggi dan

mereka tidak membina rumah-rumah kos rendah dan mampu milik. Ini pengalaman kita selama bertahun-tahun. Maka di sinilah peranan kerajaan untuk memastikan dalam pembangunan hartanah yang menjaga kepentingan rakyat berpendapatan rendah kerajaan harus terlibat. Yang keduanya mungkin soal industri perkhidmatan air. Ini juga satu bidang perniagaan yang melibatkan pelaburan yang begitu besar. Tidak ada pihak yang mahu terlibat secara persaingan dalam industri seperti ini dan kalau kita serahkan kepada pihak swasta seperti yang telah berlaku sebelum ini apabila empat syarikat konsesi ini menjalankan perniagaan tersebut maka kita melihat bagaimana kadar tarif air terus dinaikkan. Sekali lagi industri seperti ini kerajaan harus terlibat. Ada juga cadangan tadi bahawa kerajaan juga harus melihat bagaimana kita harus meningkatkan penglibatan dalam pembinaan hospital awam yang dicadangkan oleh Kinrara. Ini juga bidang yang harus kita lihat. Jadi jangan ambil satu pendirian yang mudah bahawa kerajaan tidak boleh terlibat secara langsung dalam perniagaan kerana ada bidang-bidang tertentu dan sektor tertentu yang memerlukan penglibatan kerajaan negeri bagi menjaga kepentingan rakyat di negeri ini.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Speaker, sepanjang tempoh riwayat MBI, MBI tidak pernah menyumbang sebarang bentuk pendapatan kepada kerajaan negeri melalui dividen. Sedangkan kita ada dua belas kumpulan anak syarikat. Tidak pernah mengapa Ahi-Ahli Yang Berhormat tidak meneliti perkara ini untuk memastikan anak-anak syarikat ini bertanggungjawab menyumbang dividen kepada kerajaan negeri melalui MBI. Sepatutnya peranan MBI ini membantu kerajaan negeri untuk mendapatkan hasil dan pulangan melalui dividen. Tetapi berlaku sebaliknya. Sebab itulah tanggungjawab saya hari ini mewakili kerajaan negeri untuk melihat bagaimana kita boleh menjayakan aset *restructuring* ini atau aset *rationalization* ini dan konsolidisasi ini bagi melihat peranan anak-anak syarikat ini dapat lebih fokus dan dapat berikan pulangan yang besar. Saya bagi satu contoh. Salah satu anak syarikat MBI ialah Pendidikan Industri Sdn. Bhd. Kerajaan negeri memiliki 100% ke atas Pendidikan Industri Yayasan Selangor Sdn. Bhd. Ini tidak ada kaitan dengan Yayasan Selangor. Dan PIYSB ini memiliki 100% UNISEL. Sepatutnya anak syarikat inilah yang berperanan untuk melihat keperluan pembangunan di UNISEL. Tetapi sekali lagi oleh sebab peranannya bertindih pada satu masa PIYSB ini perlu melihat keperluan pendidikan tetapi pada masa yang sama ia juga terlibat dalam soal pelaburan. Akhirnya caca marba, celaru yang menyebabkan bukannya anak syarikat ini membantu memberi dividen kepada kerajaan negeri, kerajaan negeri yang sebaliknya terpaksa menanggung kos pembangunan di UNISEL. Yang menelan belanja RM60 juta ringgit. Maka sekali lagi tanggungjawab kerajaan negeri bila melihat ada anak-anak syarikat ini yang sebenarnya tidak membantu meningkatkan hasil dan pendapatan kepada kerajaan negeri tetapi sebaliknya membebankan kerajaan negeri. Inilah tanggungjawab kita untuk menstrukturkan semula to *consolidate and* menjayakan aset *rationalization* ini supaya mereka tumpu kepada *core-business* anak syarikat tersebut. Satu lagi contoh saya nak tunjuk, Yayasan Selangor. Walaupun ia nya bukanlah anak syarikat kepada MBI, tetapi sebagai satu

contoh. Bila tidak ada pengasingan peranan dan tugas anak syarikat tersebut, Yayasan Selangor *core-business* nya ialah untuk menyiapkan dan menyediakan pendidikan bagi anak-anak khususnya di luar bandar dan yang berpendapatan rendah. Tetapi Yayasan Selangor juga menumpukan soal pembangunan hartanah dan kita lihat ada penyata selepas ini yang akan membincangkan bagaimana kegagalan Yayasan Selangor membangunkan dan mewujudkan nilai-nilai baru mencipta nilai baru bagi hartanah mereka. Kerana apa, kerana mereka sudah tersasar daripada *core-business* yang asal. Saya habiskan ini sekejap. Menyebabkan sekali lagi Yayasan Selangor perlu kembali semula kepada *core-business* mereka dan tidak bergelumangan dengan tugas pelaburan dan pengurusan hartanah mereka kerana itu sekali lagi akan membebankan kerajaan negeri. Itulah sebenarnya punca bagaimana setelah jawatankuasa ABAS sebelum ini yang di sebut oleh Yang Berhormat Damansara Utama telah mencadangkan supaya aset *rationalization* ini dan *consolidation* ini dijayakan. Maka ini langkah pertama yang kita ambil sekurang-kurangnya kita bermula dulu dengan dua belas anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh MBI untuk menjayakan hasrat yang telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan baru-baru ini. Ya.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: Saya melihat penjelasan yang diberikan tidak ada seorang pun di kalangan kita yang cuba nak menafikan soal masalah yang berlaku, Tetapi persoalan yang diberikan di kalangan semua ADUN ini adalah soal keprihatinan, kebimbangan, soal mengapa tidak dimaklumkan awal dan mengapa bukan mekanisme lain, mengapa mekanisme ini, saya fikir itu penjelasan yang kami perlukan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Dengkil, eh.. Sungai Panjang.

Saya... saya... sayang Dengkil ni. (Ketawa). No...ini *Preamble*. Ini mukadimah, karang tak beri penjelasan pun salah juga. Beri penjelasan secara teratur pun marah juga jadi ini baru mukadimah. Panjang lagi ni saya dah minta Speaker kalau boleh sambung sampai 10 malam jadi sebab tak tahu. Karang kata tak tahu pula walaupun dah dilancarkan dah 3 bulan baru tahu semalam. Saya tak nak lah pergi kepada benda-benda yang remeh begini kerana saya ada tugas yang lebih besar untuk membangunkan Negeri Selangor ini. Tak pe. Nak main politik, kita boleh main politik saya jugak orang politik ok. Saya sebab itu lah itu lah menuntut kita untuk melihat keperluan, menjayakan program ini. Baik. Mengapa tidak MBI sahaja? Ataupun tadi mengapa tidak KDEB? Sungai Burong beritahu. KDEB ni banyak legasinya. Ini penyakit UMNO dulu. Ini yang dibawa oleh Sekinchan tadi. Hutang sahaja RM400 juta lebih tak dibayar. Ini yang dibuat oleh sahabat Sungai Burong yang baru daripada Pelabuhan Klang. Walaupun pada ketika itu saya dalam jemaah yang sama tapi saya bukan yes man. Saya masih ingat saya berdiri di situ membantah keras cadangan Kerajaan Negeri untuk memberi pinjaman kepada KDEB. Sebab bagi saya kalau KDEB itu mempunyai nilai buku ataupun *netbook value* yang baik tak perlu gunakan duit rakyat untuk beri pinjaman kepada mereka.

Pergi mana-mana bank dia boleh dapat pinjaman. Nyata apa yang saya tegaskan itu benar sudah dua tahun tidak dapat dibayar. Jangan salahkan saya, walaupun saya terpaksa mewarisi penyakit-penyakit UMNO dan kawan-kawan dia ni tetapi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk mencari penyelesaian.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan sikit. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya ingat sewaktu kita bahas mengenai isu pinjaman KDEB, saya tak pastilah, kita kena semak handsard sama ada waktu tu Yang Amat Berhormat Menteri Besar membantah atau tidak tetapi yang jelas ADUN Barisan Nasional memang membantah, saya yang membahaskan isu itu dan yang kedua KDEB ini bukannya pinjaman 400 juta kepada Kumpulan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. bukan di bawah Barisan Nasional itu sewaktu Pakatan Rakyat sudah menjadi Kerajaan dan tidak boleh ditimbulkan soal Menteri Besar yang dahulu ataupun yang sekarang itu adalah warisan daripada Kerajaan Pakatan Rakyat jadi itu kena jelas Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Itu, sebab itu saya sebutkan tadi UMNO dan kawan-kawan baru dia. Hah itulah ok baik.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: UMNO tak terlibat dengan pinjaman tu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tak pe lah ya. Mengapa MBI dan tidak ini, sebab setiap 12 anak kumpulan anak syarikat MBI itu dia ada legasi masing-masing. Kita nak mulakan dengan sesuatu yang baru, yang bersih, yang tidak ada penyakit, yang tidak ada *liabilities* ya itu yang pertama.

Yang keduanya yang saya telah jelaskan semalam hasrat saya ialah MBI ini yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri tidak harus terlibat dalam perniagaan atau pelaburan. Yang kita cadangkan ini, MBI harus tumpu kepada soal-soal CSR dan kebajikan rakyat di Negeri Selangor. Melalui dividen yang akan dibayar oleh DEIG yang merupakan satu *investment*. Ya, satu syarikat yang baru ditubuhkan yang menumpukan soal pelaburan sahaja yang ini yang pemisahan yang saya cadangkan tadi ataupun dalam jawapan saya semalam. Sebab kalau satu entiti itu terlibat dengan pelaburan pada masa yang sama terlibat dengan aktiviti sosial ini akan menimbulkan banyak masalah.

Saya dah bagi dua contoh dah tadi, Yayasan Selangor satu, PIYSB satu dan ini pengalaman-pengalaman kita yang harus kita teliti semula. Jadi, 12 anak syarikat MBI tadi sebab saya kata kita mulakan dengan MBI aje dulu. MBI akan kekal. Ini juga saya dah jawab semalam dengan Yang Berhormat Sekinchan. Ini bukan soal penjenamaan MBI. MBI akan kekal sebagai satu entiti yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dengan Enakmen yang sedia ada yang sedang dalam proses untuk

penambahbaikan dan kita mahu ia tumpu kepada soal-soal kebajikan sosial rakyat dan mengurus geran yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri.

Manakala DEIG ini, akan *consolidate* 12 anak syarikat MBI supaya tumpu soal pelaburan. Sebab itu kita ada *cluster-cluster* yang telah kita cadangkan yang saya sebut semalam ada yang terlibat dengan pembangunan hartanah, ada yang terlibat dengan kesihatan supaya ia lebih fokus dalam bidang-bidang tertentu. Sekali lagi semalam saya beri contoh ada 3 anak syarikat MBI yang terlibat dengan pembangunan hartanah. Yang ini kita tidak mahu mereka mengadakan persaingan sesama mereka tetapi kalau kita letak di bawah *cluster* pembangunan hartanah menjadi satu entiti baru maka ianya lebih tertumpu kepada industri dan aktiviti berkenaan dan dapat menjana pendapatan dan akhirnya boleh membayar dividen kepada Kerajaan Negeri dan dividen ini lah yang akan digunakan oleh MBI untuk menjayakan program-program sosial rakyat di Negeri Selangor.

Sebagai contoh Kumpulan KSSB, tadi ada juga bangkitkan. Oh ini syarikat... ya.. KSSB juga sebuah syarikat sendirian berhad. Tidak ada bantahan bila kita tubuhkan dulu kerana pulangnya baik dan satu-satunya anak syarikat MBI yang membayar dividen kepada Kerajaan Negeri yang akhirnya daripada dividen ini lah yang kita buat program jom shopping. Semua Ahli Yang Berhormat tahu. Jadi mengapa sekarang kalau itu sendirian berhad tidak menjadi masalah yang ini menjadi masalah?

Yang penting yang saya lihat daripada perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat hari ini yang saya amat bersetuju ialah untuk memastikan *governance structure* itu jelas. Saya tidak ada masalah ya yang ini memang kita akan tekankan supaya soal *cooperate governance* itu soal urus tadbir, soal kebertanggungjawaban, soal ketelusan mesti dipertahankan. Sementara saya telah nyatakan juga semalam bahawa DEIG ini didaftarkan mengikut Akta Syarikat 1965 dan mengikut Seksyen 169 subseksyen 1, Akta Syarikat 1965 mewajibkan Penyata Kewangan DEIG diaudit dan dihantar ke Suruhanjaya Syarikat, itu yang pertama dan saya juga nak memberi jaminan bahawa di dalam DEIG ini struktur DEIG ini akan dibina *Board of Investment* yang akan menentukan pelaburan mana yang sesuai, pelaburan mana yang tidak sesuai. Kita akan wujudkan *Tender Board*, *Board of Audit*, *Nomination Committee* dan semua laporan operasi dan juga kewangan DEIG ini boleh diakses oleh PAC, boleh diakses oleh Jawatankuasa Pilihan yang dibentuk oleh Dewan seperti Jawatankuasa ABAS dan Ahli-Ahli Yang Berhormat kena ingat seperti yang telah saya nyatakan juga semalam bahawa DEIG ini kita tak sorok. Ni istilah sorok ni ada, ada orang tertentu yang gunakan semalam dan ada juga yang terpengaruh kerana masih adalah lagi hubungan lama dengan beliau.

Y.B. DATO' HJ. MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tuan Speaker minta penjelasan. Boleh? Ok. Terima kasih. Saya cuma nak minta jaminan. Jaminan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ialah di bawah PAC dan juga jawatankuasa-jawatankuasa akan diberi ruang yang secukupnya untuk akses

kepada apa kegiatan DEIG ini tapi soalnya PAC dan juga jawatankuasa ini merupakan jawatankuasa dan dia tidak merupakan laporan yang semasa dia hanya berkala. Saya ingin nak bertanya apakah jaminan supaya diwajibkan dari segi apa ni berkanun dia akses kepada Kerajaan Negeri untuk memberi laporan setiap masa. Sama ada memerlukan satu pindaan perundangan yang mewajibkan ia juga tertakluk untuk orang kata akauntabiliti kepada Kerajaan ini di dalam Dewan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sebab itu Sungai Burong kena berani terima tanggungjawab sebagai Pengerusi PAC (tepek meja). Ini bagi jawatan tak nak, bagi kereta nak. Dah pakai dah pun sekarang ni dah jadi *second hand value* kereta tu (ketawa) itu pun kerana Noh Omar suruh kalau tidak tak tahu lah. Hahh... jadi (ketawa) tu lah jolok saya petang-petang ni saya geram lah. Saya tengah elok-elok tadi (tepek meja). Saya beri penjelasan dengan tenang, dengan baik... hah ok... tak pe saya... saya...

Y.B. DATO' HJ. MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tu bukan jawab politik, saya nak jawapan

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ok... ok...

Y.B. DATO' HJ. MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: jaminan dari segi Kerajaan Negeri. Tak pe lah... itu politik... politik apa ni lah. Yang Amat Menteri Besar memang kita tahu apa pencak silat dia. Tapi saya nak pastikan jaminan dari segi sebab PAC ni dia bukan... PAC ni dan jawatan-jawatankuasanya ialah jawatankuasa berkala ya jadi nak penjelasan itu diterangkan. Mana jaminan sama ada perlu Enakmen diwujudkan perundangan yang boleh mengawal dari semasa kesemasa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Nanti dulu...

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya tanya Sungai Burong.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik masa untuk Bukit Antarabangsa memberi penerangan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Sungai Burong bila kalau-kalau kita duduk dalam jawatankuasa PAC tu bila-bila pun kita boleh panggil apa ni pendengaran dan selesai pendengaran kita boleh buat penyata dan kita bentang di Dewan ini. Setiap sesi pun boleh ya kalau Yang Berhormat Sungai Burong ada masa daripada pergi merayau, merapu buat apa. Kalau boleh Pengerusikan mesyuarat PAC ini setiap hari.

Y.B. DATO' HJ. MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: tak merayap kita jaga tanggungjawab kita

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : dah lah....setiap hari kita mesyuarat tak ada masa, saya akan pastikan DEIG akan tampil di depan PAC setiap hari. Tak ada masalah. Saya tak ada nak sorok. Nak sorok ni kawan Yang Berhormat yang baru aje.

Y.B. DATO' HJ. MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: ini... ini... cakap politik lah tapi saya nak dari segi undang-undang berkanun. PAC mana ada masa nak hari-hari duduk, *just* nak bincangkan DEIG sahaja. Dia ada perkara-perkara laporan audit tahunan dan sebagainya yang perlu dilihat. Audit pun dia pergi kepada jabatan-jabatannya bukanya setiap masa. Dia berkala juga....

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : ok....maknanya...maknanya

Y.B. DATO' HJ. MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: tak payah lah

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : bukan politik...

Y.B. DATO' HJ. MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: saya bukannya nak politik ke nak membantai tu...

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : ok....maknanya...maknanya

Y.B. DATO' HJ. MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: itu kita tahulah kemahiran Yang Berhormat Menteri Besar... Yang Amat Berhormat Menteri Besar tapi saya nak itu dari segi perundangan sama ada perlu

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : maknanya boleh lah mesyuarat hari-hari

Y.B. DATO' HJ. MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: haah... boleh. Terima kasih. Senang ajelah jangan nak pusing-pusing politik

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : maknanya boleh lah mesyuarat hari-hari boleh ya dan DEIG akan beri keterangan, beri maklumat itu yang pertama.

Yang kedua, satu lagi saya nak beritahu kita tak sorok ya... kita tak sorok. Besok kalau nak perlu bayar apa ni dipanggil pampasan kita buat dalam Dewan tak de lah tiba-tiba dapat RM2.7 juta semata-mata kroni kita.

Sebab langkah pertama saya ambil bila saya diberikan amanah di Negeri Selangor saya tidak mahu MBI ini diuruskan oleh orang politik. Apa tah lagi setiausaha politik saya. Saya tidak benarkan. Bukan saya tak, bukan saya nak singgung dia, saya tak singgung dia (ketawa). Bukan saya tak percaya dengan kredibiliti dia. Biarlah MBI ini menguruskan aset Kerajaan Negeri yang berjumlah begitu besar diuruskan oleh

golongan profesional dan kita ada dua CEO dan COO yang terbukti dalam dunia korporat yang telah teruji dan mempunyai rekod yang baik. Kalau setakat peguam lepas itu jadi orang politik nak duduk situ lepas tu dapat 2.7 juta macam mana kita boleh uruskan satu entiti yang besar sebegini.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: Sungai Panjang boleh pencilahan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : nak pertahankan yang lama.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: tidak.... tidak.... tidak... hanya celahan. Saya tak ada hasrat nak singgung Menteri Besar, hari ini dia pakai tali leher biru, semalam dia pakai tali leher pink lain sikit. Sepanjang... bagi saya nak soal dulu. Cuma kita nak penjelasan yang bersifat yang terhadap ketakutan, kebimbangan-kebimbangan yang dinyatakan jadi sepanjang 10 minit lepas saya mencelah tadi, saya tidak mendapat jawapan lagi. Kalau itulah nak disebutkan atas kecelaruan saya, saya terima tapi saya perlukan penjelasan itu sebenarnya. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ya. Saya faham Yang Berhormat Sungai Panjang nak....nak jaminan apakah mekanisme untuk melihat *consent* ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi supaya ada ketelusan, keterbukaan.

Yang Berhormat, saya dah sebut tadi, pertama ianya terikat dengan Seksyen 169 subseksyen 1 Akta Syarikat 1965 yang mewajibkan Penyata Kewangan ini mesti di audit dan dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat, itu yang pertama.

Yang kedua, pegawai-pegawai yang bertanggungjawab tentang kewangan DEIG wajib membuat *statutory declaration* setiap tahun bahawa akaun yang dikemukakan itu adalah tepat dan betul. Ini menurut Seksyen 169 (16) Akta Syarikat. Itu yang kedua. Yang ketiga, saya juga telah menyatakan tadi bahawa DEIG ini akan membentuk beberapa jawatankuasa bebas untuk memastikan perjalanan itu benar-benar telus dan ada *check and balance*. Pertama, *Board of Investment*. Yang kedua, *Tender Board Nomination Committee* dan juga *Board of Audit*. Ini antara yang kita telah nyatakan tadi. Kemudian saya nak sebut satu lagi perkara. DEIG ini dia dimiliki sepenuhnya oleh MBI. Baik. Semua aset dan transaksi yang berlaku dalam DEIG kita kena ingat, kita kena faham. Ianya akan terserlah ataupun akan direkodkan dalam *Consolidated Account of MBI*. Kalau DEIG ini ada satu ribu ekar tanah dalam *Consolidated Account MBI* juga akan dinyatakan begitu. Dan akaun MBI inilah yang akan dibentangkan dalam Dewan ini untuk disemak, diteliti oleh Dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya nak menegaskan tidak ada sebarang usaha untuk menyorok sebarang rekod transaksi atau sebagainya. Cuma kebimbangan Yang Berhormat Damansara Utama, Yang Berhormat Kinrara, Bukit Gasing tadi saya terharulah, saya terujalah. Dia kata hari ini tak apa Menteri Besar ini ok. Katalah berlaku perubahan selepas ini. Belum tentu orang yang baru ini

dapat mempertahankan prinsip ini. Kalau begitu *concern* kita janganlah tukar saya, kekalkan begini selesai masalah. Itu, itu melawak ajelah. Tapi, (ketawa)

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN: Tapi saya menjangka dalam tiga tahun Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Allah. Yang Berhormat Bukit Gasing. Saya sebak dan terharulah, saya tak boleh. Terima kasih. Tapi, itu, itu *joke aside*. Tapi saya amat setuju ya supaya saya nak tutup dah Yang Berhormat Speaker ya. Supaya *Governance*, saya nak tutup ni jap ni.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ok.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Governance structure* ini mesti dipertahankan. Struktur urus tadbir yang baik, yang telus, yang bertanggungjawab mesti dipertahankan. Dan akauntabiliti kepada Dewan ini melalui *check and ballance* itu mesti menjadi teras dalam pelaksanaan dan pengurusan DEIG. Dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Damansara Utama kerana sebagai contoh kalau ada perjanjian usaha sama dengan pihak swasta dalam banyak pengalaman kita, *agreement* nya memang *lop-sided* berpihak kepada hanya satu pihak dan tidak kepada Kerajaan Negeri. Sebab itulah kita mahu supaya dalam menentukan apa bentuk pelaburan yang hendak dilakukan. Saya dah nyatakan tadi dia mesti ada *Board of Investment* yang menentukan apakah pelaburan itu baik ataupun pelaburan itu tidak sesuai untuk diteruskan. Dan cadangan *Independence Director*, yang ini memang kita mahu Lembaga Pengarah ini dibesarkan dengan melibatkan golongan profesional yang kompeten, yang, yang amanah, yang berwibawa untuk membantu pembangunan DEIG ini. Cuma saya nak tegaskan sekali lagi supaya Ahli-ahli Dewan dapat memahami keperluan Kerajaan Negeri untuk mengambil inisiatif yang besar ini supaya kita dapat mencipta nilai-nilai baru di atas aset-aset yang kita ada. Tadi saya dengar ada Ahli Yang Berhormat menyatakan sudah tujuh lapan tahun tidak ada penciptaan nilai langsung. Ni Yang Berhormat Sekinchan sebut tadi di atas aset yang begitu besar. Malahan Kerajaan Negeri yang terpaksa menampung membiayai mereka. Sepatutnya sebaliknya. Maka, saya pohon supaya Yang Berhormat dapat memahami keperluan ini dan saya mengambil tanggungjawab untuk memastikan saranan dan syor yang dibuat oleh jawatankuasa ini dalam konteks untuk mewujudkan akauntabiliti dan juga kebertanggungjawaban, ketelusan, soal *governance* itu memang menjadi asas pengurusan DEIG. Dan saya akan memberikan jawapan secara bertulis kepada jawatankuasa untuk memberi jaminan ini dan saya harap hasrat dan cita-cita murni kerajaan ini akan mendapat kejayaan supaya rakyat akhirnya mendapat nikmat dan kesejahteraan daripada usaha ini. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:

Bahawasanya Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa Pilihan mengenai agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri, JP ABAS bagi Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Investment Group, DEIG yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 48 Tahun 2015.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini DIPERSETUJUI.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul No. 32 Tahun 2015 usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

Bahawasanya mengikut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa pilihan mengenai agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri, JP ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan pengurusan Bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 49 Tahun 2015.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Isu bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang telah menjadi satu isu panas baru-baru ini kerana bangunan tersebut terletak di Golden Triangle Bukit Bintang dan pernah dibiarkan kosong beberapa tahun. Jawatankuasa telah melakukan lawatan tapak dan pendengaran tertutup. Jawatankuasa berpendapat ada dua kelemahan utama pengurusan Bangunan Yayasan Selangor.

Yang pertama, prestasi pendapatan sewaan yang kurang memuaskan dan yang kedua rancangan strategik projek pembangunan semula yang tidak memuaskan. Oleh kerana tidak ada satu rancangan yang baik, penawaran tender ditarik balik sebanyak 5 kali. Setiap kali tukar pengurusan, tukar keputusan juga. Itu telah menyebabkan projek pembangunan semula tertangguh untuk masa yang sangat panjang. Jawatankuasa berpendapat pihak pengurusan Yayasan Selangor tidak mempunyai pengalaman dalam projek pembangunan semula serta industri perhotelan. Yayasan Selangor bukan pemaju hartanah. Apalagi yang membimbangkan lagi adalah kos pembangunan semula bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang yang tinggi sebanyak RM93 juta. Yayasan Selangor tidak mempunyai kewangan yang mencukupi dan perlu mengambil pinjaman daripada institusi kewangan.

Jawatankuasa ABAS ingin menyarankan, yang pertama, Kerajaan Negeri harus menetapkan rancangan strategik jangka masa panjang untuk memastikan kesinambungan keputusan yang diambil oleh pengurusan atasan Yayasan Selangor. Yayasan Selangor seharusnya balik ke aktiviti teras iaitu memperbaiki aktiviti pendidikan di Selangor melalui pengurusan hartanah yang cekap. Akhir sekali pengurusan Yayasan Selangor harus mengkaji semula kesesuaian keputusan untuk melaksanakan projek pembangunan semula untuk membina hotel butik secara sendiri. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

TUAN SPEAKER: Mencadang Kinrara. Penyokong?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Kampung Tunku menyokong.

TUAN SPEAKER: Usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan. Baiklah saya jemput pihak kerajaan jika ingin memberi sebarang ulasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Kinrara mewakili jawatankuasa yang telah membentangkan penyata pada petang ini. Dan sekali lagi saya ingat sebahagiannya telah pun saya berikan penjelasan dalam penyata yang lebih awal tadi tentang bagaimana keperluan cadangan jawatankuasa supaya Yayasan Selangor ini kembali kepada matlamat asal untuk membiayai aktiviti pendidikan anak-anak di Negeri Selangor ini. Dan oleh kerana tidak ada satu pemisahan yang secara khusus inilah yang berlaku. Tetapi saya nak beri sedikit respons awal sebelum kita memberikan penjelasan secara bertulis nanti bahawa tentang premis yang dibiarkan kosong dalam tempoh yang panjang. Ini juga kawan Sungai Burong yang sebelum ini ya. Dan apabila saya diberikan amanah pada bulan September lepas antara perkara yang pertama ialah saya telah memanggil pengurusan Yayasan Selangor, meminta penjelasan bagaimana premis di Bangunan Yayasan Selangor itu dikosongkan tanpa ada perancangan yang khusus sehinggakan ianya menghilangkan hasil kepada Yayasan Selangor. Dan saya melalui Lembaga telah mengarahkan supaya premis-premis ini diteruskan sewaan dan pihak pengurusan telah pun mengambil inisiatif untuk membuka semula sewaan premis di bangunan ini untuk tempoh 2 tahun dan kita mendapat pendapatan sebulan sebanyak RM500 ribu ringgit sebulan ya. Tetapi kita telah kehilangan pendapatan ini selama hampir 3 tahun kerana tidak ada perancangan yang strategik yang baik. Dan saya telah mengarahkan perkara ini dibuat segera dan telah pun dibuat dan pada masa yang sama kita sedang merancang apakah bentuk pembangunan semula di kawasan ini kerana dengan pembangunan MRT dan sekitarnya yang telah maju pesat membangun, kita mahu sekali lagi mencipta nilai baharu bagi aset kita di kawasan Bukit Bintang. Dan inilah antara langkah-langkah *exercise* aset *rationalization* dan *consolidation* tadi supaya kita dapat tumpu industri yang merupakan *core business* dan saya akan memberikan respons yang lebih

terperinci dengan mengambil kira syor-syor yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa. Terima kasih Yang Berhormat Kinrara.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:

Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri, JP ABAS bagi Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan bagi pengurusan Bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 49 Tahun 2015.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini DIPERSETUJUI.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul No.33 Tahun 2015 Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker, saya menarik balik usul.

TUAN SPEAKER: Baiklah, saya jemput Setiausaha Dewan untuk aturan urusan mesyuarat seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul No.34 Tahun 2015 usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang usul yang berbunyi:

Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri

TUAN SPEAKER: Minta maaf Hulu Kelang, jam telah menunjukkan pukul 4.30 petang, maka saya tangguhkan Dewan sehingga 20hb. Ogos jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang)

